BIL 60 | 23 - 29 JULAI 2017 | HARGA RM2.00 | SABAH/S'WAK RM2.50 PP18978/03/2016(034450)

Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA

Di mana pejabat Climate Protectors kini jadi tandatanya

→ ms2

Tambah pengundi baru tangani kesan tiga penjuru

→ ms8

'Johor bertanding untuk menang'

→ ms9

INILAH HARAPAN KAMI

PELBAGAI pihak termasuk golongan wanita yang selama ini sangat pesimis tentang politik kini mengalu-alukan pembentukan barisan kepimpinan Pakatan Harapan. Bagi mereka, inilah harapan Malaysia untuk pembentukan kerajaan yang lebih baik dalam pilihan raya umum akan datang.

Penyokong dan pemimpin Pakatan Harapan penuh yakin pembentukan kepimpinan dan logo gabungan itu memberikan mereka harapan untuk menang PRU14 nanti.

Laporan penuh muka 2 →

Harapan, inilah gabungan harapan kami, kata wanita

PEMBENTUKAN rasmi Pakatan Harapan selepas penyertaan Bersatu mendapat sokongan pelbagai pihak termasuk golongan wanita yang selama ini tidak senang dengan suasana politik Malaysia yang dianggap kacau bilau.

Sebab itu, ketika ceramah perdana pertama diadakan di Lembah Klang 17 Julai lepas, pelbagai pihak memenuhi tempat ceramah itu dan pulang dengan penuh keceriaan dan harapan.

Tiga hari sebelum itu Pakatan Harapan (Harapan) mengumumkan struktur organisasi dan logo rasminya, satu ceramah perdana atas nama gabungan itu diadakan di Pusat Konvensyen IDCC, Shah Alam.

Walaupun dengan notis yang singkat, sambutan sangat memberangsangkan dengan kehadiran hampir 2,000 hadirin daripada pelbagai kaum.

Semua yang hadir atas satu tujuan yang sama iaitu ingin melihat gandingan pemimpin Harapan sepentas dengan matlamat yang satu iaitu menjatuhkan kerajaan kleptokrasi di bawah perdana menteri Datuk Seri Najib Razak.

Wanita AMANAH menunjukkan logo Pakatan Harapan dalam konvensyen pilihan raya mereka sebelum ini.

Ketua Komunikasi AMANAH Khalid Samad yang bertindak sebagai pengerusi majlis dalam mukadimahnya menekankan bahawa tiada 'abang besar' dalam Harapan sebaliknya setiap keputusan yang dibuat adalah atas persetujuan keempat-empat parti - AMANAH, PPBM, DAP dan PKR.

Menjelang jam 9.30 malam, dewan mula dipenuhi orang ramai dan ceramah pun mulai panas dengan ucapan Naib Presiden PKR Nurul Izzah Anwar diikuti Rafizi Ramli yang juga Naib Presiden PKR.

Selepas itu, Setiausaha Publisiti DAP Tony Pua memukau hadirin dengan pembentangan kronologi skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Setiap kali ucapan akan disambut dengan sorakan dan tepukan gemuruh hadirin.

Seperti dalam ucapan Presiden AMANAH Mohamad Sabu, rakyat begitu rindukan gabungan empat parti ini untuk menentang BN dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14), begitu juga respons yang diterima daripada hadirin yang hadir.

Hazlina Abu Samah daripada PPBM berkata, Harapan merupakan gabungan yang sangat dinantikan oleh rakyat bagi menghadapi BN dalam PRU14.

"Harapan ini satu gabungan yang bagus, memang kami rakyat nantikan gabungan empat parti ini dan mengharapkan supaya rakyat lebih ada kesedaran untuk buat perubahan besar.

"Kita kena berubah dan kalau rakyat tak sedar lagi kita tak ada masa lagi untuk buat perubahan pada masa depan. PRU14 ini penentu untuk masa depan negara Malaysia dan masa depan rakyat," katanya.

Rozita Ahmad pula berpandangan selepas empat parti ini bergabung secara rasmi, segala keputusan dan gerak kerja harus dilakukan atas keputusan bersama dan setiap parti tidak harus bersikap mementingkan parti sendiri.

Hazlina Abu Samah

Rozita Ahmad

"Gabungan ini mesti menerajui, bukan diterajui. PPBM misalnya, walaupun kebanyakan mereka daripada Umno tapi mereka tak boleh ikut cara Umno bekerja. Mereka mesti ikut cara kerja Harapan.

"PRU14 ini kita mesti menang atas nama satu gabungan iaitu Harapan," tegasnya yang hadir dari Batu 3, Shah Alam.

Shila Abdullah pula berpendapat, logo Harapan yang 'simple' senang untuk diingati.

Beliau berkata, amat baik jika Harapan dapat bertanding atas satu logo dalam PRU14.

Shila Abdullah

"Logo menarik, simple, senang nak ingat. Tun Mahathir cakap tadi kita kena bersatu untuk jatuhkan BN.

"Bagi saya bagus kalau Harapan dapat bertanding atas satu logo daripada bertanding secara bersendirian," katanya yang akan mengundi bagi kali keempat.

Di mana pejabat Climate Protector kini jadi tanda tanya

DI MANA sebenarnya pejabat Climate Protector Sdn Bhd yang menandatangani perjanjian bernilai jutaan ringgit dengan kerajaan negeri Kelantan kini menjadi tandatanya.

Ini kerana, selepas tiga alamat yang disebutkan dikunjungi, tidak ada satupun tempat itu mempunyai fizikal pejabat syarikat yang disenaraikan sebagai tidak diiktiraf aktivitinya oleh Bank Negara Malaysia itu.

Yang terakhir Penasihat Amanah Kelantan, Datuk Husam Musa mengunjungi alamat pejabat itu di Berek 12, Kota Bharu namun tidak ada pejabat itu di alamat yang dinayatakan.

"Ucapan penggulungan Datuk semalam menyebut dengan penuh yakin bahawa pejabat Climate Protectors adalah di PT327 Tingkat 1, Bangunan MPKB, Pasar Berek 12, Kota Bharu.

"Kami berkesempatan melawat alamat yang dinyatakan oleh Dato tengah hari ini. Kami tidak menemui pejabat yang dinyatakan.

"Alamat itu menempatkan pejabat Setiausaha Syarikat laitu Erra Management & Secretarial Services," mesej Husam kepada Datuk Anuar Tan, Exco Kerajaan Negeri Kelantan dalam satu kenyataannya selepas berkunjung ke alamat itu.

Malah menurutnya, dua premis pejabat syarikat itu di B5, Plaza Mount Kiara seperti dinyatakan dalam laman sesawang syarikat dan No 5-2, Jalan Wangsa Delima 10, Wangsa Link, Kuala Lumpur seperti termaktub dalam dokumen perjanjian dengan kerajaan negeri juga tidak wujud.

Bagi beliau, sebuah syarikat bertaraf antara bangsa di bawah mekanisma Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), tidak mempunyai pejabat tetapi mendakwa mempunyai pejabat satu yang menghairankan.

"Saya bayangkan, untuk menguruskan sejuta ekar hutan simpan bagi perdagangan karbon yang bernilai berbilion ringgit seperti dakwaan YB, pejabatnya penuh dengan kaki tangan dan pakar, peralatan canggih serta sibuk dengan pelbagai acara pengurusan.

"Paling tidak, seorang staf untuk melayan pertanyaan," ujar Husam lagi.

Pelik bila Umno tunjuk sayang pada DAP

Oleh **NAZRI ABDULLAH**

SHAH ALAM: Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH) Mohamad Sabu melahirkan kehairanan melihat gelagat Umno apabila parti perkauman Melayu itu secara tiba-tiba membuat pusingan-U menunjukkan rasa "simpati dan kasih" mereka kepada DAP.

Mohamad ketika berucap di program ceramah Sayangi Malaysia Hapuskan Kleptokrasi, di Shah Alam 17 Julai lalu berkata, adalah pelik apabila Umno melalui semua saluran media yang dikawalnya mengubah nada serangan kepada pembangkang dengan mempersoal ketiadaan Lim Kit Siang dalam struktur Harapan yang diumumkan 13 Julai lalu.

"Saya tak penah tengok berita tapi kelmarin tertengok. Tiba-tiba Umno sayang kepada DAP. Mereka mainkan isu kenapa Lim Kit Siang tidak ada dalam struktur itu.

"Dulu mereka kata apa Cina mahu, sekarang saya nak tanya apa sebenarnya Umno mahu. DAP ke belakang salah, ke depan kata Cina kontrol," katanya.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata Umno hanya bernafas dengan memainkan sentimen perkauman dan menakut-nakutkan orang Melayu dengan mendakwa Cina khususnya DAP akan berkuasa jika Umno kalah.

Bagaimanapun katanya, isu perkauman yang menjadi senjata akhir Umno itu, kini sudah dapat dipatahkan dengan penyertaan Parti Peribumi Bersatu Malaysia (PPBM) pimpinan Mahathir ke dalam Pakatan Harapan yang dianggotai Keadilan, AMANAH dan DAP.

Mohamad, Tun Mahathir dan Kit Siang pada majlis ceramah Pakatan Harapan di Shah Alam.

"Para PRU13 lalu pembangkang berjaya dapat undi popular 52 peratus tapi undi Melayu merosot menyebabkan kita gagal ambil alih Malaysia. Saya yakin persepsi itu sekarang sedang terhakis apabila datangnya parti Bersatu pimpinan Tun Mahathir bergabung dengan Pakatan Harapan pimpinan Anwar.

"Sebelum ni bila kita ke kedai kopi semua orang tanya bila pilihan raya. Sekarang bila struktur PH diumumkan tiga hari lalu, orang jumpa saya dah tak tanya lagi bila pilihan raya. Mereka angkat tangan tanda bagus dan bagitahu tak sabar nak tengok kerajaan baru selepas pilihan raya akan datang," katanya.

Gabungan keempat-empat parti dalam Harapan kata Mohmad sememangnya sangat dirindukan dan diharap oleh rakyat bagi menumbangkan kerajaan Umno BN selepas Pakatan Rakyat berkubur.

Malah katanya, selain gabungan padu parti-parti dalam Harapan, gabungan dua tokoh negara iaitu Mahathir dan Anwar yang menerajui Harapan bakal membuatkan Umno khususnya Datuk Seri Najib gelisah dan tidak tidur lena.

"Saya yakin gabungan dua tokoh ini inilah yang ditakuti. Setiap hari mereka hentam Tun Mahathir dan Anwar kerana mereka cukup bimbang gabungan dua orang ini," katanya.

Sensitif, patuhi syarat anjur program hiburan

KUALA LUMPUR: Pakatan Harapan (Harapan) mengutuk sekeras-kerasnya tindakan Israel menutup Masjid Al-Aqsa, kata presidennya Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail.

"Bagi pihak Pembangkang Parlimen Malaysia, saya mengutuk sekeras-kerasnya penutupan Masjid al-Aqsa pada Jumaat, 14 Julai 2017 oleh rejim Israel.

"Penutupan ini bermakna umat Islam tidak dapat mengerjakan ibadat solat Jumaat di Masjid al-Aqsa buat kali pertama dalam hampir lima dekad," kata Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia itu dalam satu kenyataan, 16 Julai lalu.

Beliau juga menggesa masyarakat antarabangsa mengutuk penutupan ini dan Masjid Al-Aqsa dibuka semula.

"Masjid al-Aqsa merupakan masjid ketiga terpenting dan suci bagi umat Islam, dan merupakan juga satu tempat penting dan suci bagi penganut agama Kristian.

"Penutupan ini menandakan peningkatan ketegangan hubungan di antara Israel dan Palestin," katanya.

Menurut beliau, penutupan itu tidak patut dijadikan peluang bagi puak-puak radikal dan militan ekstremis mengembangkan fahaman mereka.

"Walaupun kami faham isu keselamatan yang membawa kepada tindakan ini, namun penutupan Masjid al-Aqsa tidak patut dijadikan peluang untuk puak-puak radikal dan militan ekstremis untuk mengembangkan fahaman kejam mereka," katanya.

Menurut laporan Al Jazeera, polis Israel menutup Masjid Al-Aqsa dan tidak membenarkan solat Jumaat diadakan selepas tiga penduduk Palestin dan dua polis Israel terbunuh dalam pertempuran bersenjata di perkarangan masjid itu.

Saluran berita bebas negara Arab itu turut melaporkan susulan insiden itu, polis Israel mengarahkan orang ramai beredar dari Masjid Al-Aqsa dan menutupnya kepada awam.

Sementara itu, Wisma Putra dalam satu kenyataan menyatakan tindakan pihak berkuasa Israel itu adalah pencabulan terhadap undang-undang antarabangsa dan norma kemanusiaan.

"Ini merupakan pertama kali sejak 1969 umat Islam dilarang menunaikan solat Jumaat dalam Masjid al-Aqsa," ujar kenyataan itu.

Shazni mengaku tidak bersalah kunci pagar SPR

PUTRAJAYA: Naib Ketua Pemuda AMANAH Shazni Munir Mohd Ithnin mengaku tidak bersalah atas tuduhan mengunci pintu pagar ibu pejabat Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), pada 23 Mei lalu.

Shazni dituduh melakukan kesalahan itu di bawah Seksyen 268 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum mengikut Seksyen 290 Kanun Keseksaan kerana mengganggu ketenteraman awam dengan berkelakuan tidak senonoh di tempat awam yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM400.

Majistret Nik Isfahanie Tasnim Wan Ab Rahman membenarkan Shazni diikat jamin RM800 dengan seorang penjamin.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya, Izzat Fauzan memohon mahkamah menetapkan ikat jamin RM5,000 tetapi peguam tertuduh, Syahredzan Johan memohon mahkamah mempertimbangkannya kerana ia bukan kesalahan serius.

"Denda maksimum untuk kesalahan ini hanyalah RM400, jadi untuk pihak pendakwaan meminta RM5,000 adalah tidak berkadar dengan hukuman maksima.

"Shazni juga adalah aktivis politik, maka risiko untuknya melarikan diri tidak ada. Kami merasakan jaminan sebanyak RM500 hingga RM800 (memadai), memandangkan latar belakangnya dan juga kes," katanya.

Shazni dengan tangan bergari dibawa keluar daripada mahkamah sebelum membayar ikat jamin.

Pada 23 Mei lalu, Pemuda Pakatan Harapan mengunci pintu gerbang ibu pejabat SPR di Putrajaya sebagai simbolik bantahan selepas suruhanjaya itu enggan menerima memorandum mereka.

Memorandum itu bertujuan menggesa SPR menarik balik larangan pengedaran salinan Rang Daftar Pemilih Tambahan (RDPT) kepada parti politik seperti diumumkan Setiausaha SPR, Abdul Ghani Salleh pada 26 April lalu.

Susulan itu, Shazni direman 4 hari bagi membantu siasatan kes itu.

Minda Pengarang

Langkah besar Pakatan Harapan

SETELAH bermesyuarat panjang dan mengukir beberapa persetujuan penting minggu lalu, Pakatan Harapan (HARAPAN) mengorak langkah besar dengan pantas dan yakin sebagai kuasa baru gabungan pembangkang tanah air.

Ia akan menganjurkan himpunan besar-besaran pada 14 Oktober depan sebagai penutup kepada jelajah penerangan mengenai skandal *1Malaysia Development Berhad* (1MDB). Setiausaha Publisiti DAP, Tony Pua ketika membuat pengumuman itu bagaimanapun berkata lokasi himpunan akan ditentukan kemudian.

"Kita buat jelajah menerangkan mengenai 1MDB bermula di Penaga, Pulau Pinang, itu prapelancarannya dan malam ini di Shah Alam pelancaran rasmi oleh Pakatan Harapan. Pelancaran ini akan diteruskan ke seluruh negara dan akan akhiri dengan himpunan besar-besaran pada 14 Oktober ini," kata Pua di ceramah perdana Sayangi Malaysia, Hapuskan Kleptokrasi, 17 Julai lalu yang dihadiri oleh ribuan orang. Hampir semua pemimpin utama Pakatan Harapan hadir dan berucap.

Ia dibarisi Pengerusi HARAPAN Tun Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Presiden Mohamad Sabu yang juga Presiden AMANAH, Ketua Parlimen DAP Lim Kit Siang, Naib Presiden PKR Nurul Izzah Anwar dan Rafizi Ramli manakala Ketua Komunikasi AMANAH Khalid Samad sebagai moderator. Ia adalah ceramah pertama HARAPAN selepas struktur organisasi dan logonya diumumkan pada 14 Julai lalu.

Rakyat gembira melihat pertautan kembali Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Tun Dr. Mahathir Muhamad. Demikian juga kehadiran tokoh dari pelbagai parti pembangkang, Muhamad Sabu, Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail, Lim Kit Siang, Lim Guan Eng daan lain-lain.

Ini adaalah langkah besar, sebuah kekuatan baru politik tanah air yang diyakini mampu membuat perubahan kepada negara selepas PRU14 jika mereka menang.

Sementara itu, ada pihak yang keliru, lalu mengatakan, Pakataan Haraapan kononnya tidak serius dalam membawa agenda Islam sejurus selepas membaca tawaran 100 hari PH memerintah.

Untuk ini, Penasihat Umum Parti Amanah Negara, Ustaz Ahmad Awang telah menjawab dengan jelas. Katanya, membawa agenda untuk membantu rakyat keluar dari belenggu kemiskinan juga adalahh satu daripada agend Islam.

Menguruskan ekonomi negara dengan baik, beramanah, adil dalam membahagikan kemakmuran negara kepada rakyat, serta memberi fokus kepada meringankan beban rakyat, maka itupun adalah sebahagian dari agenda Islam, kataya dan menambah, itulah perkara dharuriat atau *aulawiyat* (keutamaan) yang perlu dilaksanakan oleh sesebah kerajaan yang memerintah.

Ustaz Ahmaad Awang memetik Ibnu Khaldun dalam kitabnya Muqqaddimaah yang menyatakan bahawa keadilan iu sangat diperlukan dalam pembangunan. Ketidakadilan akan menyebabkan kemusnahan kapada sesebuah tamadun.

Ustaz Ahmad Awang berkata, sungguh cetek pemikiran, konon hanya ada agenda yang membawa Islam hanya dengan melihat ada kuliah atau ceramah agama sedangkan rakyat terus dihimpit kemiskinan.

Ataupun, barangkali, bagi mereka ini hanya ada agenda Islam jika ada disebut terminologi atau istilah Islam. Inilah sebuah kekeliruan yang sangat perlu dijelaskan.

Antara format dan substansi

Perlukah semua benda atau perkara diletakkan perkataan Islam untuk menggambarkan keislamannya; misalnya restoran Islam, bas Islam, parti Islam atau minggu fesyen Islam? Takutkah kita untuk meletakkan perkataan Islam padahal kita adalah orang Islam?

Identiti dan matlamat Islam tidak hilang dan terjejas sekalipun tiada perkataan Islam. Misalnya, sebuah restoran bernama Restoran Makan Puas-Puas merupakan sebuah restoran yang bersih, perkhidmatannya cekap, harganya berpatutan, makanannya halal, walaupun dimiliki oleh *non-Muslim*, restoran itu adalah "restoran Islam".

Demikianlah dengan enam tawaran 100 hari Pakatan Harapan, walaupun tiada perkataan Islam, semua tawaran itu tidak ada sebarang unsur yang bercanggah dengan Islam bahkan menepati tujuan penurunan syariah. Bukankah membanteras rasuah sehingga ke akar umbi adalah tuntutan syariah?

Semua tawaran itu dikata memfokus kepada "*maddi*" (fizikal, benda) sahaja dan mengabaikan "*ruhi*" (kejiwaan, kerohanian). Perlu disebut, unsur ruhi tidak boleh dipisahkan dengan unsur maddi. Antara unsur ruhi ialah keberkatan dan keadilan.

Bagaimanakah keberkatan dan keadilan boleh diperolehi jika penguasa menekan rakyat dengan GST? Justeru, penghapusan GST secara fizikal akan mengundang keberkatan dan menjamin keadilan untuk semua.

Politik umat Islam di Malaysia sudah memasuki era kematangan. Politik yang bermuarakan retorik dan simbol perlu diganti dengan politik aksi dan substansi.

Nabi Muhammad s.a.w. sendiri tidak menamakan Madinah sebagai wilayah atau negara Islam, tetapi baginda membangunkan Madinah sebagai bumi yang dipenuhi dengan keadilan dan kemakmuran. Bukankah Nabi s.a.w. membina pasar untuk menyaingi pasar orang Yahudi yang sedia ada? Pasar itu bernama Pasar Islam, atau Pasar Taqwa?

Pakatan Harapan akan fokus dengan enam tawaran itu. Begitu lama leher rakyat dijerut dengan kebobrokan regim Umno-BN sehingga rakyat kini sudah menjadi seperti hamba atau pelarian di negara sendiri.

Sudah sampai masanya rakyat melekangkan diri daripada sistem pemerintahan yang penuh dengan retorik dan penipuan ini. Buruk benarlah sikap mereka yang masih mempertahankan regim ini dan mengganggu kebangkitan rakyat untuk menumbangkannya dalam pilihan raya umum akan datang.

> ***"... Demikianlah dengan enam tawaran 100 hari Pakatan Harapan, walaupun tiada perkataan Islam, semua tawaran itu tidak ada sebarang unsur yang bercanggah dengan Islam bahkan menepati tujuan penurunan syariah. Bukankah membanteras rasuah sehingga ke akar umbi adalah tuntutan syariah?***

Prioriti reformasi institusi negara

Siang-Malam
Lim Hong Siang

Bukan mudah parti pembangkang duduk semeja untuk mencari muafakat, lebih-lebih lagi dengan permusuhan yang begitu mendalam di kalangan mereka, selain perbezaan ideologi politik yang ketara. Jikalau ditinjau dari sudut ini, Pakatan Harapan sebenarnya telah mengorak satu langkah ke depan, selepas mesyuarat yang berlangsung kira-kira lima jam pada malam 13 Julai 2017.

Sesungguhnya struktur organisasi yang berkepalakan tiga tokoh mencungkil persoalan siapa yang bakal memberi kata dua jikalau keputusan gagal disepakati. Malah ada yang tertanya-tanya sama ada kedudukan yang samarata antara empat parti komponen dikekalkan, sebagaimana yang diamalkan dalam Pakatan Rakyat sebelumnya. Ia penting kerana inilah formula politik baru yang dipelopori pembangkang sejak tahun 2008.

Apapun, Pakatan Harapan sekurang-kurangnya telah komited untuk melaksanakan TUJUH perkara dalam 100 hari pertama, seandainya menawan Putrajaya dalam PRU14. Antaranya, menghapuskan GST, menstabilkan harga petrol, memberi fokus kepada usaha meringankan beban rakyat.

Ketiga-tiga ini dilihat sebagai tuntutan politik paling terdesak untuk majoriti rakyat Malaysia, meskipun ia bukanlah satu paradigma atau pendekatan politik baru. Parti dari kiri ke kanan, dari sekular ke Islamik, akan menawarkan agenda "meringankan beban rakyat" dalam manifesto masing-masing. Tiada apa yang perlu dipertikaikan.

Apa yang menarik untuk saya adalah komitmen untuk "memulakan proses reformasi institusi secara menyeluruh". Ia sekurang-kurangnya memperlihatkan pengakuan Pakatan Harapan bahawa berlakunya kepincangan dan kebobrokan dalam institusi politik negara. Reformasi bukan sekadar menumbangkan Najib Razak, tidak cukup untuk menghumbankan Umno-Barisan Nasional, tetapi wajib disusuli dengan reformasi institusi dan sistem.

Namun, institusi apa yang harus direformasikan? Saya menaruh harapan agar Pakatan Harapan memperhalusi agenda reformasi institusi yang dijanjikan. Bagi saya, sistem pilihan raya harus dikaji dan diperbaiki, sekurang-kurangnya peratusan kerusi yang diperolehi mestilah disamakan dengan peratusan undi popular yang diraihkan. Keadaan di mana parti yang memperolei 47 peratus undi merangkul 60 peratus kerusi tidak harus berlaku pada masa depan.

Pada masa yang sama, ruang demokrasi dan kebebasan harus dibebaskan. Pemimpin pembangkang tidak boleh sekadar merungut bahawa mereka tidak diberi ruang bersuara, tanpa menjanjikan pemansuhan akta yang mengekang kebebasan bersuara apabila mereka berkuasa kelak.

Perkara-perkara tertentu dalam Akta Penerbitan dan Mesin Cetak, Akta Hasutan, Akta Rahsia Rasmi mestilah dimansuhkan untuk menyuburkan ruang wacana dan media. Masalah sekarang adalah monopoli media arus perdana oleh mereka yang berkuasa. Mereka yang mengkritik dan melukis kartun (seperti Zunar) tidak diberi ruang yang sewajarnya untuk melontarkan pandangan, dan mempertahankan pandangan mereka.

Kemudian Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) harus dimansuhkan, agar siswa-siswi diberi ruang untuk bergerak. Cendekiawan dalam menara gading tidak harus berperangai seolah-olah dirinya Ketua Cawangan Umno. Mereka sepatutnya obor yang menyuluhkan masyarakat ketika zaman menjadi gelap-gelita. Mereka seharusnya hati nurani yang bercakap benar apabila politikus mempertahankan kuasa dengan pembohongan dan pembodohan. Hanya apabila suasana akedemik disuburkan dengan ilmu, barulah sesebuah masyarakat berdaya untuk menjuruskan perubahan.

Semua ini perkara dasar atau asas yang harus diselesaikan sebelum kita mengorak langkah lebih jauh. Skandal 1MDB adalah manifestasi kebobrokan institusi negara. Sebelum ini kita mempunyai PKFZ, yang barangkali semakin luntur dari ingatan rakyat. Kita tersepit dalam dilema untuk sekian lama kerana kebobrokan institusi negara.

Penjawat awam tidak bebas dari campurtangan penguasa; pembangkang dijatuhkan hukuman apabila mengkritik; sistem pilihan raya pula gagal menterjemahkan suara majoriti rakyat kepada nisbah kerusi yang setimpal; apabila kita bertekad ke jalan raya, masyarakat pula dipecah-belahkan dengan isu kaum dan agama.

Saya tidak menganggap gandingan pembangkang dalam Pakatan Harapan ini sempurna, dengan penuh sedar bahawa tiada kesempurnaan dalam realiti, apatah lagi politik. Dengan terus-terang, saya tidak berani menjamin bahawa pimpinan Pakatan Harapan tidak akan korup pada masa depan setelah memegang kuasa. Namun kita harus memikirkan penyelesaian bagaimana kita boleh terkeluar dari dilema yang membelenggu Malaysia selama ini.

Kita perlu institusi negara yang mantap untuk menyemak-imbang semua pemimpin politik yang berkuasa. Ia terpaksa bermula dari sesuatu, sungguhpun ia mungkin tidak sempurna. Untuk saya, agenda reformasi telah tergendala untuk sekian lama, dan ia tetap harus digerakkan sungguhpun terlambat. Dan sudah tentu, mengundi Najib bukanlah penawarnya.

Saya tidak menggariskan harapan yang terlalu tinggi untuk Pakatan Harapan. Andainya Pakatan Harapan berjaya untuk membina semula institusi negara, ia sudah cukup baik untuk masa depan. Apabila mahkamah, media, polis dibebaskan dari cengkaman penguasa untuk menjalankan tugas secara adil dan profesional, apabila masyarakat didedahkan kepada pelbagai maklumat dan pandangan sebelum membuat keputusan, dan keputusan pilihan raya mencerminkan suara masyarakat yang sewajarnya, maka sekurang-kurangnya satu misi zaman yang tergendala untuk berdekad-dekad lamanya, telah disempurnakan.

Jikalau pencipta sistem negara sedia ada, Mahathir kini bergerak untuk menamatkan regim Umno-BN yang memerintah lebih setengah abad, maka cabaran Pakatan Harapan adalah membina satu sistem negara agar dirinya tidak memerintah untuk tempoh setengah abad akan datang.

Langkah penting ikrar 100 hari Pakatan Harapan memerintah

MINGGU lalu suatu sejarah penting di kalangan parti pembangkang nagara ini telah terbentuk, apabila persidangan Majlis Presiden Pakatan Harapan bersetuju menetapkan pelaksanaan dasar 100 hari pemerintahannya jika memenangi Pilhan Raya Umum Ke-14.

Dasar itu telah dipersetujui dalam mesyuarat yang panjang di samping membincangkan hal-hal-hal, umpamanya struktur Pakatan Harapan, arahan kepada setiap negeri dan kawasan serta beberapa perkara penting yang lain.

Dasar 100 hari pemerintahan kerajaan Pakatan Harapan itu merangkumi tujuh perkara iaitu penting:

- Menghapuskan GST;
- Menstabilkan harga petrol;
- Memberi fokus kepada usaha meringankan beban rakyat;
- Memulakan proses reformasi institusi secara menyeluruh;
- Memerangi rasuah hingga ke akar umbi;
- Menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Di-Raja Skandal 1MDB; dan
- Memulihkan Felda.

Pemuda Pakatan Harapan pula menyarankan pemerintahan kerajaan Pakatan Harapan supaya menambah semula peruntukan pendidikan; mereformasi dasar harga rumah mampu milik; dan menawarkan pekerjaan dan inisiatif keusahawanan.

Dalam kenyataannya, Pemuda Pakatan Harapan mewakili suara anak muda negara melahirkan penuh penghargaan dan sokongan padu kepada Majlis Presiden Pakatan Harapan itu yang mengumumkan struktur kepimpinan Pakatan Harapan yang dibarisi para tokoh rakyat dan negarawan yang komited dan ikhlas dalam membawa perubahan kepada negara.

"Pemuda Harapan berikrar untuk menjadi kesatria barisan hadapan bagi menggembleng sokongan padu anak muda negara ini dalam menjayakan misi untuk membentuk kerajaan baru dalam PRU14 yang lebih demokratik, adil dan sejahtera serta sebuah kerajaan yang komited untuk melaksanakan reformasi institusi, menjalankan tadbir urus yang baik dan mengutamakan kebajikan rakyat," kenyataan itu dipetik.

Kenyataan bersama empat perenggan itu ditandatangani Ketua Armada PPBM Syed Saddiq Syed Abdul Rahman, Ketua AMK Nik Nazmi Nik Ahmad, Ketua Dapsy Wong Kok Wah dan Ketua Pemuda AMANAH Mohd Sany Hamzah.

Sementara itu, semua pihak mengalu-alukan permuafakatan dan persetuuan yang dicapai dalam Persidangan Majlis Presiden Pakatan Harapan yang disifatkan bersejarah.

Ia dilihat mempunyai kemampuan menghadapi Umno-BN dalam PRU14. Naib Presiden AMANAH, Dr Mujahid Yusuf Rawa menganggap ia adalah permuafakatan politik terbaik parti pembangkang yang penting. Katanya, ini permuafakatan politik baru bagi membina semula negara dalam perjuangan reformasi yang kini berwajah baru, bersemangat baru.

Kata Dr Mujahid, tiada siapa terfikir akan gabungan Tun Dr Mahathir Mohamd dan Datuk Seri Anwar Ibrahim kini menjadi kenyataan walaupun pada tahun 1998 Anwar dipecat atas tuduhan di bawah kepimpinan Dr Mahathir ketika itu.

Bersama generasi reformasi dan pemimpin yang telah terbukti kesetiaan dan amanah mereka pada rakyat, gabungan baru Pakatan Harapan akan mendapat kepercayaan rakyat menggantikan politik rasuah dan kleptokrat BN kepada politik prinsip dan beramanah. Beliau menyeru rakyat, bersama melakar sejarah perubahan, bersama Pakatan Harapan.

Pelbagai ulasan dibuat oleh pelbagai pihak terhadap kejayaan persidangan Majlis Presiden Pakatan Harapan. Pihak yang mahukan perubahaan mengalu-ngalukannya, justeru langkah ini penting untuk mengeluarkan negara dari kemelut yang ada.

Sementara musuh Pakatan Harapan melihatnya dengan sinis, sindiran, kritikan dan pelbagai lagi. Itu biasalah dalam dunia politik. Tetapi walau apapun tanggapan, namun permuafakatan Pakatan Harapan ini adalah langkah penting ke hadapan.

Ini pertama kali persepakatan dicapai oleh kumpulan mega pembangkang di negara itu. Di masa lalu kecil saja saiznya dan tidak bertahan lama. Kali ini ia diharapkan bukan saja dapat bertahan lama, tetapi mampu mengekalkan integritinya, justeru ia diharapkan oleh rakyat mampu memulihkan negara dan menegakkan keadilan serta menegakkan kemakmuran bersama.

Dasar 100 hari ambil alih Putrajaya

KUALA LUMPUR: Pemuda Pakatan Harapan (Pemuda Harapan) menyokong penuh dasar 100 hari pemerintahan Pakatan Harapan yang digariskan Majlis Presiden Pakatan Harapan 13 Julai lalu sekaligus menggariskan tiga lagi isu penting membabitkan kepentingan generasi muda negara.

Dalam satu kenyataan media bersama, Pemuda Harapan turut menyarankan pemerintahan kerajaan Pakatan Harapan supaya menambah semula peruntukan pendidikan; mereformasi dasar harga rumah mampu milik; dan menawarkan pekerjaan dan inisiatif keusahawanan.

"Pemuda Pakatan Harapan mewakili suara anak muda negara melahirkan penuh penghargaan dan sokongan padu kepada Majlis Presiden Pakatan Harapan pada 13 Julai 2017 yang mengumumkan struktur kepimpinan Pakatan Harapan yang dibarisi tokoh-tokoh rakyat dan negarawan yang komited dan ikhlas dalam membawa perubahan kepada negara.

"Pemuda Harapan berikrar untuk menjadi kesatria barisan hadapan bagi menggembleng sokongan padu anak muda negara ini dalam menjayakan misi untuk membentuk kerajaan baru dalam pilihan raya umum ke-14 yang lebih demokratik, adil dan sejahtera serta sebuah kerajaan yang komited untuk melaksanakan reformasi institusi, menjalankan tadbir urus yang baik dan mengutamakan kebajikan rakyat," kenyataan itu dipetik.

Kenyataan bersama empat perenggan itu ditandatangani Ketua Armada PPBM Syed Saddiq Syed Abdul Rahman, Ketua AMK Nik Nazmi Nik Ahmad, Ketua Dapsy Wong Kok Wah dan Ketua Pemuda AMANAH Mohd Sany Hamzan.

Majlis Presiden Pakatan Harapan mengumumkan dasar 100 hari pemerintahan kerajaan Pakatan Harapan yang merangkumi tujuh perkara iaitu:

- Menghapuskan GST;
- Menstabilkan harga petrol;
- Memberi fokus kepada usaha meringankan beban rakyat;
- Memulakan proses reformasi institusi secara menyeluruh;
- Memerangi rasuah hingga ke akar umbi;
- Menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Di-Raja Skandal 1MDB; dan
- Memulihkan Felda.

Pemuda Harapan yakin generasi muda yang mewakili 60 peratus jumlah penduduk negara ini begitu terkesan dengan dasar kerajaan BN yang menekan kehidupan mereka.

Hadkan penggal jawatan PM tanda iltizam politik Harapan

KUALA LUMPUR: Mengehadkan tempoh memegang jawatan perdana menteri kepada dua penggal membuktikan keazaman Pakatan Harapan (Harapan) untuk melakukan perubahan dalam politik negara, kata ahli jawatankuasa DAP Selangor merangkap ketua Dapsy Subang Edry Faizal.

Malah pemimpin muda Melayu DAP itu juga menyambut baik tiga keputusan penting Majlis Presiden Pakatan Harapan semalam membabitkan struktur kepimpinan, matlamat utama dan logo Pakatan Harapan.

"Selain dari rekabentuk logo Harapan yang segar, saya melihat ada satu perkara yang benar-benar menonjol dan menarik perhatian. Iaitu antara matlamat Harapan untuk mengehadkan penggal perkhidmatan Perdana Menteri kepada dua penggal sahaja," katanya.

Menurut Edry, walaupun seorang perdana menteri itu bagus dan rakyat mengharapkan kepimpinan yang sama untuk tempoh masa yang panjang, namun pengalaman yang dialami negara menunjukkan sebaliknya.

Beliau memberi contoh pentadbiran Datuk Seri Najib Razak yang kini dibelenggu skandal 'berskala dunia' seperti 1MDB sehinggalah dasar-dasar yang membebankan rakyat.

"Bayangkan sekiranya perdana menteri seperti beliau dibiarkan memerintah selama berpuluh tahun seperti yang dimahukan BN, buruk padahnya terhadap warga Malaysia," ujarnya.

Tempoh jawatan perdana menteri yang singkat juga, jelas beliau bakal membuka peluang kepada lebih ramai kepimpinan baru yang lebih segar dan membuka jalan kepada orang muda untuk menerajui negara.

"Berbanding BN yang hanya mahu Najib Razak untuk mereka tabalkan sebagai perdana menteri, Harapan mempunyai ramai calon yang jauh lebih baik, berpengalaman dan bersiap sedia memimpin Malaysia menuju masa depan yang lebih baik," katanya.

Edry juga menambah, teraju negara yang hanya dipegang oleh parti yang sama untuk tempoh berpuluh tahun juga membuka terlalu banyak ruang rasuah, penyalahgunaan kuasa, kronisme melampau dan pelbagai kebobrokan lain.

Reformasikan sistem, tidak mahu lahir Najib kedua

Oleh **ARIF ATAN**

TANJONG MALIM: Usaha membina semula negara ini bukan sekadar menumbangkan Najib Razak sebaliknya merangkumi langkah mereformasikan sistem dan institusi penting negara, tegas Naib Presiden AMANAH Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa.

Menurutnya, kehadiran Tun Mahathir Mohamad dalam gabungan Pakatan Harapan diterima selepas melalui pelbagai perbincangan sehingga bekas Perdana Menteri itu bersetuju untuk melakukan perubahan tersebut.

"Kita mengatur banyak pertemuan. Tun Mahathir menyatakan mahu menjatuhkan Najib. Kami boleh menerima tetapi kita tidak mahu Najib ditumbangkan lahir Najib kedua.

"Tumbangkan Najib kedua, lahir Najib yang ketiga. Tidak lahir seperti Najib hari ini kalau bukan sistem yang menjadikan Najib hari ini.

"Oleh itu kalau mahu kita bina semula negara ini, kita bukan sahaja hendak menjatuhkan Najib tetapi kita mahu mereformasikan perundangan, institusi undang-undang dan politik negara ini dengan memperkenalkan politik baru," tegasnya di sini, baru-baru ini.

Berucap sempena siri Jelajah Bina Negara, Dr Mujahid menafikan dakwaan kononnya perjuangan Reformasi 1998 dilupakan ekoran penerimaan terhadap Tun Mahathir dalam gabungan parti pembangkang.

Sebaliknya, Ahli Parlimen Parit Buntar itu menyifatkan iltizam untuk melakukan perubahan secara menyeluruh merupakan tuntutan sejak zaman Reformasi.

"Inilah yang kita mahukan sejak tahun 1998, 1999. Apabila Tun Mahathir menyatakan bersetuju untuk mereformasikan perundangan, kehakiman, pilihan raya, politik pada waktu itu saya dan YB Rafizi bersiap sedia untuk tandatangan Selamatkan Negara.

"Kami bukan murah hendak jual perjuangan. Kami tahu tangisan air mata otai-otai Reformasi. Ada sebahagian daripada mereka tidak sempat melihat hasil perjuangan ini. Mereka gugur lebih awal. Apa kami tidak punya perasaankah?" soalnya.

Bahkan Dr Mujahid berkata, Datuk Seri Anwar Ibrahim sendiri menjadi orang pertama yang menerima kehadiran Tun Mahathir dalam kesepakatan menentang regim Umno-BN.

"Kita merasakan ada kekuatan baru yang tidak boleh ditolak oleh sesiapa jika mereka benar-benar ingin menyelamatkan negara ini. Orang pertama yang menghulurkan tangan untuk gabungan itu tidak lain dan tidak bukan pemimpin berjiwa besar, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Kita tidak pernah menjangka sejak tahun 1998 dan 1999 ada gelombang yang juga hari ini mahu menyelamatkan negara. Mulanya, tidak mudah untuk menggabungkan kekuatan ini tetapi kita tahu tiada pilihan selain untuk bersatu menentang Umno-BN," tegasnya lagi.

Urus ekonomi dengan baik juga agenda Islam

KUALA LUMPUR: Sesebuah kerajaan yang memerintah harus memberi keutamaan kepada menguruskan ekonomi dengan baik bagi membantu rakyat keluar daripada belenggu kemiskinan kerana ia termasuk dalam agenda Islam.

"Membawa agenda ekonomi untuk membantu rakyat keluar daripada belenggu kemiskinan juga adalah satu daripada agenda Islam.

"Menguruskan ekonomi dengan baik, adil dalam membahagikan harta negara kepada rakyat serta memberi fokus kepada usaha meringankan beban rakyat," kata Penasihat Umum AMANAH Ustaz Ahmad Awang.

Beliau mengulas kenyataan beberapa pihak khususnya Pas dan Isma yang mendakwa kononnya janji 100 Hari Pakatan Harapan (Harapan) selepas mengambil alih Putrajaya tidak menyentuh aspek Islam dan tiada usaha memperkasakan Islam.

Ahmad berkata, amat sempit pemikiran mereka yang menganggap agenda Islam hanya tertumpu kepada banyaknya kuliah ataupun ceramah-ceramah agama sedangkan rakyat terus dihimpit kemiskinan.

"Ibnu Khaldun dalam kitabnya Muqaddimah menyatakan keadilan itu sangat diperlukan dalam pembangunan, dan ketidakadilan akan menyebabkan kemusnahan kepada ketamadunan," katanya.

Selepas pengumuman struktur Harapan di Petaling Jaya 13 Julai lalu, Pengerusi Harapan Tun Dr Mahathir Mohamad mengumumkan rancangan 100 hari gabungan itu selepas mengambil alih Putrajaya yang antara lain menghapuskan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST).

Harapan turut berikrar untuk menstabilkan harga petrol; memberi fokus kepada usaha meringankan beban rakyat; memulakan proses reformasi institusi secara menyeluruh; memerangi rasuah hingga ke akar umbi; menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja skandal 1MDB; dan memulihkan Felda.

Harapan juga berikrar akan mengembalikan semula dana awam yang telah hilang melalui skandal besar 1MDB.

ALFAJR TRAVEL & TOURS SDN BHD

(768307-X)(KPL/LN 5056)

Nesma Airlines @ Setaraf | Emalaysia @ Setaraf

UMRAH 2017 4@5 orang sebilik

UMRAH BIASA — HARGA DARI RM4,890 (11h/09m)

CUTI SEKOLAH — HARGA DARI RM5,690 (11h/09m)

OPERATING PARTNER NASHWAN

AKADEMI MUTAWWIF ALFAJR

YURAN RM200

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-16
TARIKH : 28-29 JULY 2017 MASA : 8.00am
TEMPAT : GUNUNG SEMANGGOL, PERAK
UST LATIF 019-5100255

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-17
TARIKH : 25-26 OGOS 2017 MASA : 8.00am
TEMPAT : KOTA BHARU, KELANTAN
UST OSMAN 019-9808538

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-18
TARIKH : 15-16 SEP 2017 MASA : 8.00am
TEMPAT : NASUHA RESORT HERB PAGOH,MUAR, JOHOR.
HJ KAMAR 019-7763300

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-19
TARIKH : 16-17 SEP 2017 MASA : 8.00am
TEMPAT : KUANTAN, PAHANG.
HJ YUSUF 016-9875115

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-20
TARIKH : 19-20 SEPT 2017 MASA : 8.00am
TEMPAT : SELANGOR.
SHAFIQ 013-2159264

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-21
TARIKH : 21-22 SEP 2017 MASA : 8.00am
TEMPAT : KOTA KINABALU, SABAH
HJ AWANG ADI 016-7796889

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-22
TARIKH : 22-23 SEPT 2017 MASA : 8.00am
TEMPAT : ALOR SETAR, KEDAH.
UST FITRI 013-7410321

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-23
TARIKH : 23-24 SEP 2017 MASA : 8.00am
TEMPAT : PUSAT DAKWAH ISLAMIAH, PAROI, N.SEMBILAN.
HJ RAZAK AMIT 017-3272205

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-24
TARIKH : 03-04 NOV 2017 MASA : 8.00am
TEMPAT : SAVANNA HILL RESORT, ULU TIRAM JOHOR
USTZH ROPINAH 013-7702810

NOVEMBER (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
01 NOV	KUL/JED/MED/KUL	4,890
03 NOV	KUL/JED/MED/KUL	4,890
05 NOV	KUL/MED/JED/KUL	4,990
07 NOV	KUL/JED/MED/KUL	4,890
09 NOV	KUL/MED/JED/KUL	4,990
11 NOV	KUL/MED/JED/KUL	4,990
13 NOV	KUL/JED/MED/KUL	4,890
15 NOV	KUL/MED/JED/KUL	4,990
17 NOV	KUL/JED/MED/KUL	4,890
19 NOV	KUL/JED/MED/KUL	4,890
21 NOV	KUL/MED/JED/KUL	4,990
23 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,690
25 NOV	KUL/MED/JED/KUL	5,790
27 NOV	KUL/MED/JED/KUL	5,790
29 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,690

DISEMBER (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
01 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790
03 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,690
05 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,690
07 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790
09 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,690
11 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790
13 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790
15 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,690
17 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790
19 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,690
21 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,690
23 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790
25 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,690
27 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,490
29 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,490
31 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,390

JANUARI (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
02 JAN	KUL/MED/JED/KUL	4,990
04 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,890
06 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,990
08 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
12 JAN	KUL/MED/JED/KUL	4,990
15 JAN	KUL/MED/JED/KUL	4,990
17 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,990
20 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,990
23 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,990
26 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
29 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090

TEL : 03-6127 7790 FAX : 03-6127 7795 EMAIL : alfajr_travelsb@yahoo.com.my

ALAMAT : C-1-08, 162 RESIDENCY, KM12, JLN IPOH-RAWANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR

WAKIL UMRAH DIKEHENDAKI!!!

PEJABAT JOHOR : 07-234 4437 / 017-843 7561 (PN. KHATIJAH)

PERAK	NEGERI SEMBILAN	SELANGOR	MELAKA	KEDAH	KELANTAN	P.PINANG	PAHANG	JOHOR	SERAWAK	SABAH
EN FAIZUL 012-568 1150	HJ RAZAK AMIT 017-327 2205	HJ NORSHAM 011-3231 4248	HJ RAZAK OMAR 012-310 8464	UST FITRI / HJ AZIZAN 04-4480709 011-4066 0800 / 013-741 0321	CIKGU NASIR 013-906 5903	UST LATIF 019-510 0255	HJ YUSOF 016-987 5115	HJ KAMAR 019-776 3300	HJ IBRAHIM 013-823 5841	HJ AWANG ADI 013-559 8889

SELANGOR	Wakil Daerah
BATU CAVES HJ NOORDIN	012-640 3144
AMPANG MOHD ROZAIRIZAL	013-364 6452
AMPANG HJH CONNIE	017-681 2727
AMPANG HJH ROSNANI	019-256 0478
GOMBAK USTAZ ZULFEKAR	013-607 7722
KLANG HAJAH FADILAH	011-3550 0615
GOMBAK HJ AZMAN AGUSTINE	019-277 7070
BATANG KALI USTAZ ANAS	019-225 0189
SHAH ALAM HJ FAUZAN KISUT	019-332 6002
KLANG HJ MUSTAFAR	012-350 5437
BANDAR SERI PUTRA PN SUZANA	012-235 8640
BANGI HJ MOHD JAJOLI	019-359 6423
SHAH ALAM HJ HASSAN	010-221 2962
HULU KELANG HJ ROZALI	019-250 1210
SUNGAI BULOH USTAZ SAIFUL	019-214 0246
BANGI HJH NORIBAH	019-234 1922
HULU SELANGOR NORAISHAH	012-222 8958
SERENDAH RADZIAH MD ISA	019-567 2254

PAHANG	Wakil Daerah
BENTONG HJH ROHANI	019-383 4586
JENGKA HJH RABIAH	013-704 5646
KUANTAN HJH MARZIANI	013-908 5969
PEKAN HJ YUSUF AWANG	019-958 4003
TEMERLOH HJ JOHARI	012-964 9730
KUANTAN HJH NORMAH	016-987 5115
BENTONG HJ ABD MANAN	019-383 4586
RAUB NAIM ASHAARI	012-243 7490

SARAWAK	Wakil Daerah
SG.LADA,SG MIRI ASLI	013-885 1234

SABAH	Wakil Daerah
SABAH HAJI RAMLI	019-589 3194
BANDAR TAWAU HAJAH HASNAH	019-883 4852
KALABAKAN USTAZ RAMAN LEE	013-556 9894
WP LABUAN EN ZULKIFLI	014-504 1963
KINABATANGAN MOHD JEFRI	011-5166 5530
KUNAK ENCIK KASMAN	014-865 5663
TAWAU MUHAMMAD TAUFIQURRAHMAN	017-647 1594
SANDAKAN ENCIK SAHAR	019-803 0104
KUNDAT ARRAHIM BIN LAJAKAYA	013-893 6806
SEMPORNA HAJI AHMAD ABDULLAH	019-823 1419
ZAN BELURAN AWANG DAMIT	013-286 8839
TUARAN & KB MIASIN BIN MION	010-510 7871

PERAK	Wakil Daerah
BOTA HJH AZIZAH	016-774 8965
TAIPING HJ ABDUL RAHIM	016-562 8140
IPOH MOHD ANI	012-589 8965
MANJUNG ABDUL RAHIM CHE AWANG	017-523 9308
BAGAN SERAI MUNAWIR MAHMUD	014-254 5221
BAGAN DATO HAJI HAMZAH	019-347 1575

K. LUMPUR	Wakil Daerah
SEMARAK KASHPUL ANUAR	016-656 5803
SEGAMBUT HJH ROHANI	019-248 3420
DAMANSARA HAJI ROSLEE	012-327 6401
KEPONG MEGAT NAJIB	012-315 8613

MELAKA	Wakil Daerah
BANDAR MELAKA HJH MASTURA	017-347 7612
ALOR GAJAH M.NAZEERY	017-698 1474
JASIN PN ROHANI HARUN	012-651 6003

KELANTAN	Wakil Daerah
KOTA BHARU USTAZ OSMAN	019-980 8538
PENGKALAN CHEPA AHMAD TARMIZI	013-972 9304
BACHOK CIKGU NURI	019-989 9028
NILAM PURI USTAZ MUHAMAD ZULKIFLI	017-237 2387
TANAH MERAH AMINUDDIN AB HAMID	012-951 8172
PASIR MAS HAJI ALIAS	019-915 5656

N.SEMBILAN	Wakil Daerah
BAHAU UST ZUBIR	012-380 6140
NILAI YAHYA OTHMAN	011-1096 6342
GEMAS RIZAL KEMIS	019-604 6315
TELOK KEMANG ABD RAHMAN	017-365 4399
RASAH AZMAL	016-685 4141
SEREMBAN UBAIDAH	013-361 2875
JELEBU HJ MAZIN	011-1064 1046

PERLIS	Wakil Daerah
KANGAR MOHD SOLEHIN	019-460 5016

KEDAH	Wakil Daerah
BUKIT KAYU HITAM ABD AZIZ	019-474 3732

JOHOR	Wakil Daerah
AIR HITAM/UTHM HJ. BAHARUDDIN	011-1053 0254
PARIT RAJA HJ. YAHYA	013-756 3090
BATU PAHAT HJ. SULAIMAN	017-729 2402
SRI GADING HJ. ABD. JALIL	011-1875 7710
PARIT SULONG HJ. REDZUAN	011-1519 2400
YONG PENG HJ. A. RAZAK	013-770 3346
PT. ABD. RAHMAN HJ. A. RAHIM	017-716 6499
SRI MEDAN HJ. RAMLI	019-761 1117
SIMPANG LIMA/SEMERAH EN. MASUD	012-739 8477
PONTIAN EN. KHAIRUL FAUZI	012-722 8004
TMN. BROLEH PN. HAMIMAH	013-956 2524
RENGIT HJH JUNINAH	017-752 2803
TKG. PECAH HJH. ARFAH	017-268 9029
JOHOR BAHRU HJ.ROSLAN	019-700 0440
SRI GADING HJH. ZAHARAH	013-777 7044
SKUDAI EN. ABD. JALIL	019-779 9767
NUSAJAYA HJ. RUHAIZAT	019-661 3068
SENAI EN. ZAINUDIN	012-798 4778
INDAHPURA EN. AHMAD SAHRIL	018-577 8898
PASIR GUDANG EN. AMBOK SULOH	019-776 3345
KULAI/PASIR RAJA PN. PAZIDAH	013-749 4432
KOTA TINGGI HJ. SAHRONI	019-797 2464
PT.SAUH/TKG. PECAH EN. KASRIM	013-750 1889
PARIT RAJA EN. MAIROP	017-712 3556
KULAI/ULU TIRAM PN. ROPINAH	013-770 2810
SIMPANG RENGGAM AZREEN	019-777 0075
KLUANG HJ. SHAMSUDIN	019-715 1764
BANDAR TENGGARA MOHD ARIEFF	019-792 6047
MUAR HJ. WAGIMAN	013-700 0454
KOTA MASAI HJ. ABD. HALIM	019-720 0536
SIMPANG RENGGAM ABD.WAHAB MAH	016-717 9098
ULU TIRAM HJ. MARJONI	013-754 6044
MAJIDEE HJH SUKARTINI	013-716 4114
PLENTONG MUHAMMED ALI	019-709 1148
BANDAR BARU UDA PN. SITI MUTI'AH	019-313 2274
SETIA INDAH HASNIZAN	016-707 2307
PASIR RAJA EN. SULAIMAN	011-1273 7991
TAMAN RINTING USTAZ TUHIDIN	016-751 6565
TAMAN BUKIT DAHLIA EN DAUD	013-722 4568
PARIT RAJA MOHD ZAINOL	019-778 4487
PASIR GUDANG EN. MD. PAUZI	019-728 2233
TAMAN PUTERI USTZH NORYAMAHAINI	019-728 3783
KOTA MASAI UST MOHAMAD ANAS	019-374 4393

HOTEL MEKAH : 1.AL SARAYA EMAN HOTEL @ SETARAF (+_200-300m) 2. QASR AJYAD HOTEL @ SETARAF (+_400-450m) 3. AWTAD @ SETARAF (+_600-800m)
HOTEL MADINAH : WARDAH MUBARAK @ MUBARAK GOLDEN @ SETARAF (+_150-200m),**VISA UMRAH** RM250 & **VISA RAMADAN** RM300 (MIN 20 PAX) **UPAH HAJI :** RM1700 **AKIKAH :** RM850++ (KAMBING).
Tambahan Setiap Satu Malam RM100-200. Harga & Pakej Tertakluk Kepada Kelulusan Visa, Sercharge Bahan Api Dari Syarikat Penerbangan, Cukai Lapangan Terbang, Harga Hotel Semasa dan Pertukaran Matawang Asing Tanpa Notis. Cuti Sekolah & Ramadhan Hotel (+_800-900m). Pakej 4-5 Orang Sebilik.

www.alfajrtraveltours.com

Seluruh peserta konvensyen menjulang logo HARAPAN.

Tambah pengundi baru tangani kesan tiga penjuru

KONVENSYEN PILIHAN RAYA AMANAH NASIONAL

Oleh ARIF ATAN

PENGARAH Pilihan Raya AMANAH Selangor, Jaafar Samsudin berpendapat usaha menambah pengundi baharu menjelang Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) penting untuk meminimumkan kesan pertembungan tiga penjuru.

Berkongsikan pengalaman Selangor, beliau berkata, langkah yang disifatkan sebagai tanggungjawab utama jentera pilihan raya itu selaras dengan ketetapan Biro Pilihan Raya AMANAH Nasional.

"Kita (AMANAH Selangor) sasarkan lagi 100,000 pemilih baharu. Kalau kita boleh tambah di setiap Dun (Dewan Undangan Negeri) antara 3,000 sehingga 5,000 pengundi baharu kita boleh menampung kesan yang dikatakan tiga penjuru.

"Ini adalah keutamaan kerja kami. Setakat ini, lebih 200,000 pengundi sudah didaftarkan dengan kerjasama Unit Pendemokrasian," jelasnya ketika berucap dalam Konvensyen Pilihan Raya AMANAH Nasional di Shah Alam, 15 Julai lalu.

Forum pilihan raya bersama parti Pakatan Harapan mengisi slot petang konvensyen 15 Julai lalu.

Sehubungan itu, beliau menganggap pertandingan tiga penjuru yang menjejaskan pencapaian blok pembangkang sebelum ini tidak lagi signifikan pada PRU-14 nanti.

"Pada pandangan BPR (Biro Pilihan Raya), faktor pertandingan tiga penjuru pada PRU-13 memang menjejaskan kita di Selangor tetapi kita melihat tidak pada pilihan raya akan datang.

"Selangor dengan kerjasama semua parti dalam HARAPAN melakukan tindakan yang lebih ke depan termasuk pendaftaran pengundi baru. Kita terus daftarkan pengundi baharu selagi tarikh pilihan raya belum diumumkan," ujarnya yang menerajui urusan daftar pemilih AMANAH Nasional.

Jaafar Samsudin

Jaafar turut menyeru sistem semakan e-voters yang menggabungkan semakan senarai pengundi dengan e-profil dimanfaatkan.

Ujarnya, inisiatif yang dilakukan bersama BPR Nasional itu memberi gambaran lebih tepat tentang keberkesanan gerak kerja pilihan raya sekali gus menyumbang kepada kemenangan jika digunakan sepenuhnya.

"Gunakan *e-voters* sebaik-baiknya. Nama-nama mereka ada di tangan kita. Merekalah yang menentukan masa depan AMANAH dan HARAPAN. Inilah pelanggan yang kita mesti jaga.

"Buku Ejen Tempat Mengundi juga mesti ada termasuk akta dan undang-undang mesti ada dalam simpanan di kawasan Dun dan Parlimen yang kita bertanding.

"Ini penting supaya kita mematuhi semua prosedur dan SOP untuk mara ke Putrajaya. Selangor juga melihat di setiap negeri kalau kita mahu ke Putrajaya,semua negeri mesti menyumbang sebanyak mungkin kerusi," tambahnya lagi.

Shazni Munir

Pemuda Harapan tambah agenda pekerjaan, perumahan untuk manifesto

PEMUDA HARAPAN bakal melancarkan tawaran berkaitan isu perumahan dan peluang pekerjaan sebagai melengkapi tujuh agenda 100 hari gabungan keempat-empat parti itu membentuk kerajaan.

Naib Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Shazni Munir Mohd Ithnin berkata, Pemuda Harapan sebelum ini kerap membincangkan mekanisme berkaitan langkah penyelesaian kedua-dua isu terbabit.

"Pemuda mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kepimpinan Harapan kerana akhirnya pembentukan struktur dan logo selesai dengan baik.

"Harapan bahkan bersetuju dengan pelan untuk melakukan reformasi terhadap negara pada 100 hari selepas mengambil alih teraju di Putrajaya.

"Kita di pihak Pemuda Harapan menerima tujuh agenda itu dilaksanakan dan menambah dengan agenda seterusnya yang berkaitan masa depan golongan muda.

"Penyelesaian kepada masalah perumahan yang sedang meruncing serta menangani isu membabitkan pekerjaan diberi penekanan kerana kita mahu memastikan Harapan benar-benar menjadi kerajaan yang mereformasikan sistem," ujarnya.

Menurut Shazni, pengundi terutama golongan muda mahu Harapan serius menyelesaikan masalah yang selama ini membelenggu rakyat bukan sekarang mengambil alih kuasa.

Mengulas lanjut, beliau berkata, keperitan ekonomi golongan muda di negara ini tidak akan hilang jika isu berkaitan pendapatan boleh guna dalam persekitaran yang semakin mencabar tidak diselesaikan terlebih dahulu.

"Penganguran dan terhadnya peluang pekerjaan amat dirasai anak muda di negara ini. Pekerjaan pula banyak yang masih menawarkan gaji tidak setimpal dengan kelayakan diperoleh dan situasi kos hidup hari ini.

"Isu ekonomi melibatkan anak muda ini juga berkaitan dengan pelaksanaan cukai dan lain-lain. Kita di Pemuda HARAPAN sedang membincangkan isu tersebut secara terperinci," jelasnya ketika ditemui pada majlis jamuan Hari Raya akhbar mingguan *Amanah*, 17 Julai lalu.

'Johor bertanding untuk menang'

Oleh **ARIF ATAN**

Presiden Mohamad Sabu memberikan ucapan perasmian di konvensyen yang membuat persiapan untuk pilihan raya ini.

BERSEMANGAT disertai kerja kuat. Itu rumusan dapat dilihat pada ucapan perwakilan Johor pada Konvensyen Pilihan Raya AMANAH Nasional di Shah Alam, 15 Julai lalu.

Setiausaha Biro Pilihan Raya AMANAH Johor, Najib Daud ***(gambar)*** menegaskan hasrat memenangi Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) menjadi matlamat utama negeri itu.

"Kita di Johor hampir setiap hari ada program di peringkat negeri. HARAPAN di Johor juga sudah wujud lama sebaik Bersatu ditubuhkan. Mungkin Johor negeri pertama yang mengadakan mesyuarat HARAPAN dengan Bersatu.

"Johor sedang melangkah jalan untuk melakar kejayaan. Johor bertanding untuk menang," katanya disambut tepukan peserta yang memenuhi Dewan Raja Muda Musa di Kompleks Belia dan Kebudayaan Selangor itu.

Exco Pemuda AMANAH Johor berkenaan memberitahu situasi politik di selatan tanah air itu rancak apabila menyaksikan kesemua parti saling bersaing.

"Hal ini termasuklah Pas. Di mana ada program AMANAH, di situ esok lusanya, Pas pula buat program. Contohnya di Seri Gading semalam (14 Julai), Pas buat jamuan raya. Sebelum itu kita buat ceramah dengan Presiden AMANAH di Ledang, selepas itu pemimpin Pas pun turun buat program," jelasnya.

Najib turut memaklumkan perkembangan AMANAH Johor yang pada masa ini sudah wujud di kesemua 26 kawasan Parlimen dengan masing-masing menganjurkan Konvensyen Pilihan Raya sekaligus melancarkan jentera pilihan raya.

"Di Johor, 11 kawasan Pemuda telah didaftarkan, lima dalam proses. Lapan Awan telah didaftarkan, tiga dalam proses dan Wanita Muda juga bakal ditubuhkan.

"Justeru, kami berharap berlaku proses dua hala antara nasional dan negeri. Johor mahu Nasional turun ke negeri kami kalau mahu laporan," ujarnya sambil berseloroh.

Perwakilan gembira dengan persiapan pilihan raya AMANAH.

Wanita bakal menjadi jentera utama yang menggerakkan kempen pilihan raya untuk AMANAH dan Pakatan Harapan.

Gandingan Dr M-Anwar buat Umno panik

KUALA LUMPUR: Serangan para pemimpin Umno terhadap Pakatan Harapan susulan pengumuman barisan kepimpinan gabungan itu didorong oleh ketidakyakinan mereka terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak sebagai pemimpin yang berdaya maju untuk parti pemerintah.

Merujuk kepada 'keadaan panik' pemimpin Umno dan reaksi sebilangan menteri kanan, Pengarah Strategik AMANAH Dr Dzukefly Ahmad menyifatkan serangan mereka sebagai 'amat buruk' dan tidak selaras.

"Pengukuhan gandingan lagenda Tun Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Anwar Ibrahim mengkagumkan mereka.

"Pakar strategi Umno dan 'spin doctor' mereka, termasuk penulis blog,

terperanjat, oleh sebab itu kenyataan mereka tidak lagi teratur. Lebih teruk lagi cubaan ahli akademik mereka di menara gading," kata Dzulkefly.

Beliau menambah tuntutan terkini Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DoJ) untuk merampas aset yang dibeli dengan wang yang dikaitkan dengan dana pelaburan milik negara 1Malaysia Development Berhad (1MDB), dan sabitan jenayah terhadap ramai kenalan Low Taek Jho (Jho Low) dan pengakuan mereka di mahkamah Singapura, "menjadikan Najib pemimpin yang pincang dalam Umno dan BN".

Dzulkefly berkata, sikap membisu 'menteri-menteri bijak' dari Umno seperti Khairy Jamaluddin, Datuk Seri Johari Ghani dan Datuk Nur Jazlan Mohamed, selepas pengumuman DoJ bulan lalu, menunjukkan mereka tahu tidak berbaloi lagi mempertahankannya.

"Lebih teruk lagi, Umno berdepan keretakan dalam parti. Ringkasnya, selepas 2 sesi mengetepikan pemilihan parti, deram-derum dan perasaan yang tersembunyi semakin bertambah. Keretakan dalam kepimpinan tertinggi Umno adalah rahsia terbuka," ujarnya.

Menurut Dzulkefly, sumber dalam Umno mengatakan ada 2 jalur pemikiran mengenai tarikh mengadakan pilihan raya umum akan datang.

"Ketua-ketua bahagian yang berterusan menikmati faedah kewangan melalui 'naungan politik' mahu melengahkan pembubaran Parlimen selama mungkin, iaitu sehingga pertengahan tahun depan.

"Bagaimanapun, pemimpin akar umbi lain yang menderita seperti rakyat biasa, mahu pembangkang ditewaskan secepat mungkin. Justeru Najib berbelah bahagi," kata Dzulkefly, sambil menambah Najib terkenal "suka mengelak daripada mengambil risiko".

Pemimpin AMANAH itu berkata, usaha Najib untuk mendekati Pas tidak disenangi pemimpin akar umbi Umno, seperti juga usaha Presiden Pas untuk mendekati Najib ditentang pemimpin akar umbi Pas.

"Tidak ada penyelesaian dalam masa terdekat, dan keadaan ini amat menyeksakannya," katanya mengulas dilema dialami Najib.

Peguam Negara dicabar tunjuk jejak dana RM2.6b

KUALA LUMPUR: Anggota Parlimen Puchong mencabar Peguam Negara Tan Sri Mohamed Apandi Ali mendedahkan perjalanan wang (miney trail) yang menyokong dapatan pihak berkuasa bahawa dana bernilai RM2.6 bilion dalam akaun persendirian Datuk Seri Najib Razak benar-benar suatu derma.

"Apa yang susah sangat nak buat begitu?" kata Gobind Singh Deo melalui mesej teks kepada Malaysiakini, 18 Julai lalu.

Gobind mengulas kenyataan dibuat Apandi bagi menafikan dakwaan Tun Dr Mahathir Mohamad dalam ceramahnya, malam sebelumnya.

Bekas perdana menteri itu mendakwa Apandi menyembunyikan bukti berkaitan skandal 1MDB yang dikaitkan dengan Najib.

Gobind yang juga Ketua Biro Undang-undang DAP berkata, Apandi sepatutnya tahu benar mengenai asas prinsip keadilan ialah tiada seorang pun berhak membuat penghakiman dalam sesuatu isu jika ia melibatkan kepentingannya sendiri.

Justeru kata Gobind pengisytiharan Apandi dalam kes-kes yang melibatkan tingkah lakunya sebagai peguam negara dipertikaikan, tidak banyak memberi kesan.

"Untuk meyakinkan rakyat Apandi patut mendedahkan laporan yang menunjukkan laluan wang berkenaan sepenuhnya sebelum beliau membuat keputusan muktamad (membersihkan perdana menteri daripada salah laku).

"Laporan itu mesti dibentangkan di parlimen dan terbuka kepada orang awam," katanya.

Kata Gobind, Apandi perlu berani menyahut cabarannya itu.

"Lagi pun, seperti yang dikatakannya, beliau tidak melakukan sebarang kesalahan atau ada menyembunyikan sesuatu," katanya.

Bercakap dalam majlis ceramah Pakatan Harapan di Shah Alam, 17 Julai lalu, Dr Mahathir berkata, jika gabungan itu berjaya menguasai Putrajaya mereka akan memanggil Apandi untuk disoal berhubung penggunaan Akta Rahsia Rasmi (OSA) untuk siasatan skandal 1MDB.

Bagaimanapun Apandi berkata apa yang dilakukannya sebagai peguam negara dalam siasatan itu dibuat berdasarkan kepada fakta yang terkandung di dalam kertas siasatan.

"Tiada apa untuk disembunyikan," kata Apandi kepada Malaysiakini.

Pada Januari tahun lalu Apandi membebaskan Najib daripada sebarang salah laku berhubung kewujudan dana RM2.6 bilion - didakwa sumbangan derma daripada hartawan Arab - dalam akaun peribadi perdana menteri itu.

Apandi juga mendapati Najib tidak terbabit dalam sebarang salah laku dalam isu bekas anak syarikat 1MDB, SRC International Sdn Bhd.

Beliau juga menafikan dakwaan Jabatan Kehakiman AS yang mendakwa dana 1MDB diselewengkan.

Dr M ulangi sedia sokong Anwar sebagai PM

PUTRAJAYA: Tun Dr Mahathir Mohamad mengulangi sokongan kuat kepada pencalonan bekas timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai perdana menteri apabila Pakatan Harapan memenangi pilihan raya umum akan datang.

"Saya sedia memberi sokongan penuh jika itu yang rakyat mahu," katanya kepada pemberita di Yayasan Kepimpinan Perdana, 18 Julai lalu.

Bekas perdana menteri itu kini mempengerusikan pakatan pembangkang dan berkata PH menunggu masa yang sesuai untuk mengumumkan pilihan perdana menteri mereka, kerana mahu melakukan 'kejutan' pada pilihan raya nanti.

"Kami akan umum nama beliau bila tiba masanya. Mungkin sekarang, atau mungkin sebelum pilihan raya, atau sejurus selepas menang," katanya.

Anwar yang sedang menjalani hukuman penjara 5 tahun selepas disabit kontroversi dakwaan liwat, bulan lalu mengumumkan tidak merebut jawatan tinggi itu, susulan pertelagahan yang disiarkan di media mengenai pilihan perdana menteri pakatan 4 parti itu.

Selama hampir 2 dekad Dr Mahathir dan Anwar menjadi seteru ketat selepas beliau disingkir pada 1998. Kedua-dua tokoh politik itu berdamai tahun lepas dan bersetuju bekerjasama untuk menewaskan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Minggu lalu, Anwar dinamakan ketua umum gabungan sementara Dr Mahathir diangkat sebagai pengerusi, dalam langkah yang dilihat penganalisis akan memberi cabaran terbesar kepada Najib dan BN.

Tetapi gabungan itu belum mahu menamakan calon mereka untuk jawatan perdana menteri.

Dr Mahathir berkata sokongannya kepada Anwar itu bukan sesuatu yang mengejutkan.

"Tidak ada apa yang baharu. Sebelum Anwar menentang BN. Beliau menentang saya. Saya terima dia masuk Umno.

"Politik penuh dengan kejutan," kata pengerusi PPBM itu.

Harapan tidak amal hegemoni Umno dalam BN

KUALA LUMPUR: Pakatan Harapan (Harapan) adalah gabungan empat parti yang bergerak berlandaskan kerjasama politik setara dan setiap keputusan dilakukan secara konsensus, tegas Ketua Parlimen DAP Lim Kit Siang.

"Apa yang Salleh dan pemimpin Umno-BN, propagandis, tentera siber mereka perlu faham adalah Harapan adalah gabungan yang berbeza daripada gabungan Umno-BN.

"Dalam BN, hegemoni Umno diterima sebagai modus operandi oleh 13 parti komponennya, yang mana semakin dipinggir peranannya," kata Kit Siang dalam satu kenyataan.

Ahli Parlimen Gelang Patah itu mengulas kenyataan Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Seri Salleh Keruak yang mempertikai Harapan yang dikatakan meminggirkan DAP daripada mengisi tiga jawatan tertinggi dalam gabungan itu.

Mengulas lanjut, Kit Siang berkata, dalam BN tidak ada keputusan yang dibuat secara konsensus yang ada hanyalah sikap dominan Umno sehinggakan pemimpin parti komponen lain tidak berani untuk menyuarakan mengenai siapa "Malaysian Official 1" dan skandal 1MDB.

Salleh yang juga Menteri Komunikasi dan Multimedia merupakan pemimpin Umno pertama yang memulakan serangan secara terbuka terhadap Harapan selepas gabungan itu mengumumkan struktur kepimpinan, 13 Julai lalu.

Beliau dilaporkan mendakwa Harapan bukanlah tandingan BN yang kononnya teruji kerjasamanya antara kaum.

"Saya setuju dengan Salleh bahawa Harapan tidak akan dapat menandingi Umno-BN yang menjadikan Malaysia sebagai 'kleptokrasi global' dan kami tidak akan mampu menandingi salah guna kuasa dan korupsi mereka," kata Kit Siang sinis.

Kekal wangi sentiasa bersama Loofah

Assalamualaikum wbt. para pembaca sekalian. Nampaknya, warga kota masih lagi berada dalam mood Hari Raya. Majlis rumah terbuka masih lagi belum selesai. Di hujung minggu jalan raya penuh dengan kereta kesana kemari. Sibuk seperti hari bekerja. Suasana syawal belum lagi hilang di sambut pula dengan walimah-walimah dan kenduri-kenduri doa selamat untuk menghantar jemaah haji kita yang akan berangkat ke-tanah suci tidak lama lagi.

Artikel **Dr. Olive Bodycare** kali ini akan men-ceritakan tentang sabun Loofah. Ramai yang masih belum pernah menggunakan sabun ini. Malah, masih ramai yang tidak mengenali apa itu 'Loofah'. Sebenarnya 'Loofah' berasal dari buah petola yang di-biarkan kering sampai hitam di pokoknya. Apabila sudah betul-betul kering, ia akan di petik dan kulit luarnya dikeringkan. Orang-orang di timur tengah menggunakannya untuk mneggosok badan apabila mandi (untuk menghilangkan daki). Tapi dari cerita-cerita yang saya baca di Facebook, orang-orang di Malaysia pada waktu dahulu, menggunakannya untuk mencuci/menye-ntal periuk belanga dan mencuci pinggan mangkok. Apabila terkena air, ia akan ber-tukar dari kering dan keras kepada lembab dan lenbut seperti sponge.

Dibawah ini saya disertakan gambar-gambar Loofah yang asal dan yang telah diproses. Peria yang terdapat di Malaysia bersaiz kecil sahaja dan loofah yang terhasil pun kecil juga. Loofah yang digunakan dalam sabun Dr. Olive pula di import dari Egypt dan saiznya sangat besar, cantik.dan lebih bermutu.

Sabun Loofah merupakan diantara sabun yang popular dari kalangan pengguna-peng-guna produk Dr. Olive. Ada seorang pengguna menceritakan bahawa setelah menggunakan sabun Loofah ini daki-daki yang hitam di pelipat-pelipat tangan dan di lehernya hilang. Dia sangat berpuas hati dengan kesannya. Selain itu, ada juga yang memberi maklum balas mengatakan bahawa daki-daki hitam semasa mengandung hilang selepas meng-gunakan sabun Loofah ini. Seronok mereka melihat kesan yang sukar hilang sebelum ini berjaya dihilangkan dengan menggunakan sabun kami. Sabun Loofah ini juga boleh me-nghilangkan kulit hitam dan kasar pada lutut, siku dan jari-jari pada kaki. Tapi perlu konsis-ten memakainya sebab produk kami tidak ada bahan kimia jadi tindak balasnya bersifat semulajadi sesuai mengikut jenis kulit masing-masing. Biar lambat asal selamat. Betul?

Saya sendiri suka menggunakan sabun ini, sebagai bodyscrub. Rasa sungguh segar dan bersih. Yang paling best ialah apabila saya menggunakannya di bahagian kaki dan tumit. Semua daki-daki hilang dan terasa perjalanan darah teransang. Bila dilakukan sebelum tidur, ia akan membuatkan saya tidur dengan lena-nya. Deep sleep is a restful sleep. Saya teringat-kan satu drama cina yang telah saya tonton beberapa tahun yang lalu. Satu amalan masya-rakat cina pada zaman dahulu ialah membasuh kaki dengan air panas sebelum tidur malam.

Ini bertujuan untuk menggalakkan perjalan-an darah yang baik. Apabila perjalanan baik, tidur pun akan lena. Badan pun akan dapat berehat dengan sempurna. Nah!.. kita tak perlu basuh dan rendam kaki dengan air panas. Kita boleh guna sabun Loofah untuk mendapatkan kesan yang sama. Jom! cuba pakai sabun Loofah Dr. Olive dan nikmati kebaikkan nya.

Sabun Loofah ini digunakan seperti sabun biasa. Basahkan kulit badan anda dan gosok-kan sabun loofah pada kulit. Tumpukan ke-pada bahagian yang kotor dan berdaki. Bilas dengan air bersih dan lap dengan tuala. Selepas menggunakan sabun ini simpan ditempat yang kering. Jangan biarkan sabun ini terendam dalam air. Berapa kali nak guna sabun ini dalam seminggu? Suka hati anda. Nak guna tiap-tiap hari boleh. Nak guna sehari dua kali pun boleh.

Sekian sahaja perkongsian dari kami untuk kali ini. Semoga apa yang telah kami kongsi-kan ini memberi menfaat kepada semua. Sekiranya anda ingin mengemukakan soa-lan mengenai produk ini, sila email atau Whatsapp kepada nombor yang tertera dalam iklan. InsyaAllah, akan kami per-jelaskan dengan sebaik mungkin. Soalan-soalan ini akan membantu kami menyedia-kan ruangan FAQ bagi produk **Dr. Olive Bodycare.** Sekiranya anda ingin menjana pendapatan lebih dan berminat untuk menjadi ejen, sila Whatsapp kami.

Salam hormat dan jaga diri baik-baik.
Dr. Olive

Web: www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare
Instagram: Dr Olive Bodycare

EDISI 60 • 23 JULAI - 29 JULAI 2017 • Amanah

Masa untuk perubahan telah tiba

ANALISIS

DR DZULKEFLY AHMAD

MUNGKIN pendeta politik juga bingung apa-apakah langkah strategik PM Najib untuk menyelamatkan diri dan partinya dari ditimpa malapetaka dalam pilihan raya umum ke-14 nanti? Ternyata Najib secara zahirnya kelihatan tenang. Hakikat sebaliknya, Tuhan lebih tahu.

Pada 2 Syawal lalu, Najib diketahui bercuti bersama keluarganya di Bali. Bersekali dengan lebih 23 lain dikatakan kumpulan pemikirnya. Pastinya merancang utk PRU-14.

Dakwa-dakwi menempah "presidential suites" di hotel itu rempah ratus media sosial sahaja. Lebih munasabah kalau sekadar suites bukan 'presidential'. Mana mungkin sebanyak itu dalam sebuah hotel walau pun 5 atau lebih bintangnya. Harganya, puluhan ribu ringgit satu suite presidential.

Pun begitu, apa hasil 'retreat' tersebut? Kita hanya sekadar boleh mencongak, kalau tidak ada 'insider info'. Bukan sukar sangat. Opsyen Najib juga terhad dan 'senario planning' bukanah ilmu 'rocket science'!

Sememang Najib terperangkap dengan mainannya sendiri. Kalau berani dia 'redah atau gempur' sahaja dalam posisi pembangkang huru-hara sedikit waktu dulu. Mungkin dia dah selamat hari ini. Ya, yang penting menang! Kalau pun tinggal 2 atau 3 kerusi majoriti. Tetapi buat hari ini, sudah tidak ada kepastian!

Banyak faktor yang menghambat beliau untuk tidak membubarkan Parlimen secara 'snap' atau mendadak...faktor-faktor dalaman serta luaran. Dikatakan 'pelan strategik'nya sebelum ini hampir semua gagal dilaksanakan dengan baik. Kita singgung perihal dalaman dulu.

Cukup untuk ditanya pimpinan akar-umbi Umno sendiri, nak ke mana Najib dengan mengangkat sepupunya Hishamuddin itu sebagai Menteri Tugas-tugas Khas bulan April lalu? Akhirnya hanya mencetus kegusaran dalam kem Zahid Hamidi. Orang-orang berkepentingan pasti cemas dan lemas.

Manfaatnya tidak siapa pun nampak atau rasa. Tetapi sudah riuh sekampung Najib mahukan Hisham sebagai penggantinya bukan Zahid. Tembakan pistol tidak mengena tetapi asapnya diketahui umum! Alahai...

Lebih menggusarkan Najib, hampir semua langkah-langkah memperkuatkan poisisinya, disegi pentadbiran negeri-negeri juga menghampakan. Dihitung secara lebih teliti, siapa yang beliau boleh harapkan untuk mempertahankan dirinya di kalangan yang memimpin negeri-negeri BN sekarang ini? Cuba hitung.

Setiap seorang ketua negeri atau MB tahu, apakah mereka dalam 'good book' Najib atau-kah bakal disingkirkan Najib. Mereka tahu. Nah, apakah mereka akan duduk sahaja? Akhirnya Najib takut nak ketepikan atau tukar mana-mana MB atau Ketua Menteri pun.

Tambahan dari negeri Borneo -Sabah dan Sarawak! Rahsia umum sekarang ini. Kalau istilah 'memberontak' pun masih lunak lagi gamaknya. Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Perak, Terengganu dan Perlis pun tak solid untuk Najib atau mereka itu sendiri tidak solid di segi kepimpinan mereka. Mereka sedar Najib memandang mereka dan dia pun tahu mereka tidak solid meyokong dirinya.

Kalau ambil pimpinan akar umbi, kajian rambang secara anekdotal atau politik kedai kopi, bukan 'big-data analytics' macam 'Invoke ' pimpinan Rafizi Ramli itu pun, sudah memaparkan keresahan warga besar Umno. Ya, ketua-ketua bahagian kenyang dan selesa dengan 'dedak yang masih lumayan', tetapi 'keselesaan' berhenti dan terhad di situ. Selain ketua-ketua dan konco-konconya, orang Umno juga sakit macam rakyat lain juga. Mereka terhempit dengan kesusahan hidup... barang naik dan gaji serta pendapatan kekal. Yang hilang pekerjaan memang sesak dan tenat. Itu hakikat denyut nadi orang Umno di 'ground-zero'!

Lalu amat munasabah hari ini, Umno dalam 'dua fikiran' (in two minds). Yang selesa nak tangguh sampai tarikh luput parlimen baru bubar... yakni Julai atau Ogos sampai sendat tahun depan. Yang merana dan menderita mahu segera dibuat pilihan raya. Al-maklumlah, dedak lebih mewah dan lumayan dalam musim-musim tertentu... sekali lagi rahsia umum.

Bagaimana pula dengan faktor luaran iaitu ekonomi dan pelaburan? Mampukah Najib menyuntik 'rasa sedap' dan selesa untuk rakyat?

Faktor dalaman Najib tidak selesa, untuk faktor luaran, Najib sepuluh kali lagi tidak selesa dan tertekan. Dia umpama orang yang sudah jatuh tangga, ditimpa rumah pula!

Bala Najib menimpa-menimpa, macam satu badi pulak kata orang Melayu. Selepas 'expose' ketiga (5 Jun lalu) Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DoJ), Najib semakin parah. Antara lain didedahkan dakwaan 'derma US$620 juta' dari jumlah US$680 juta (jolokan derma RM2.6 bilion) dalam dua akaun peribadi Najib di AmIslamic Bank di Kuala Lumpur, itu dipulangkan kembali kepada penderma 'Putera Saudi' adalah sah tidak betul!

Dana itu bukan dari Putera Saudi dan US$-620 juta itu 'dipulangkan' atau lebih tepat lagi 'dipindahkan' ke akaun Jho Low, kawan baik Najib-Rosmah itu. Dari dana itu juga Jho Low didakwa membeli untuk 'wife of MO1' 'rantai berlian merah jambu 22-karat dengan harga US$27.3 juta atau RM116.8juta. Aduh...

Kini DoJ dan Money Authority Singapura (MAS) sedang membuat persiapan dakwaan jenayah terhadap Jho Low, asing dari pemfailan persitaan aset yang dirompak dari 1MDB. Bayangkan kalau Jho Low sudah duduk dalam 'kandang orang salah' nanti, siapa yang lebih cemas? Apakah Jho Low akan kata...

Seolah itu tidak cukup mencetuskan serangan ahmar buat 'MO1 and wife of MO1', terkini Mahkamah Perancis akhirnya mendakwa 2 pegawai tertinggi syarikat DCNI, yang menjual kapal selam Scorpene kepada Malaysia pada 2002.

Siasatan hampir 17 tahun itu bermula 2010 setelah menerima aduan NGO Suaram (Suara Rakyat Malaysia), kini memulakan dakwaan ke atas 2 pegawai dalam kes rasuah (komisyen) yang membayar €114juta (RM560 juta kepada syarikat yang dikaitkan dengan Abdul Razak Baginda. Untuk ingatan umum, Razak didakwa dan kemudian dibebaskan dalam pembunuhan kejam wanita Mongolia, Altantuya Shaaribu. Najib ialah Menteri Pertahanan ketika itu dan Razak bertindak sebagai penganalisis politik Najib.

Setelah nasib tidak menyebelahi Najib dalam kes perbalahan 'board room' FGV, orang pilihan Najib, Isa Samad tersingkir. Isa dipindahkan untuk memimpin Suruhanjaya Pengangkutan Darat (SPAD). Malang buat Najib, beliau yang menanggung kerugian paling buruk.

Bukan sahaja terdedah beraneka kebobrokan tadbir-urus kewangan dan pelaburan Felda khususnya FGV di bawah kepimpinan Isa Samad sejak sekian lama, hubungan 'istimewa' Najib-Isa semakin ketara. Bos yang memberikan 'promotion' kepada pegawai yang gagal adalah pelik dan mencurigakan namanya. Cukup.

Menyingkirkan seorang CEO yang 'popular dan kompeten' atas kesalahan syarikat yang diwarisi sememangnya akan ditentang warga Felda, mentelahan peribadi itu lahir dalam kancah Felda, anak Felda!

Untuk melanjutkan komentar ini, lalu Felda sebagai 'simpanan tetap' Umno-BN sudah sampai ke hujung sahlakunya. Ya, kalau ambil dari pilihan raya kecil Rompin pun sahaja sudah cukup isyarat warga Felda nampak bersedia untuk berubah. Majoriti kurang hampir setengah itu ganjil buat parlimen dalam Felda. Kalah dalam 4 peti undi lebih terang dan nyata protes warga Felda.

Dapatan Kajian data besar INVOKE jelas menunjukkan bahawa dari 52 kerusi BN yang dikaji, hanya 7 kerusi parlimen Felda di Semenanjung mengalami peningkatan. Selebihnya, khasnya yang ditandingi calon Melayu PH, semua menunjukkan kemerosotan undi termasuk Padang Terap dan Pekan sendiri. Bayangkan 'swing' 5-10%, maka perubahan besar bahkan tsunami rakyat akan berlaku!

Isyarat ini jelas. Prestasi Felda mengecewakan warga peneroka dan Najib kehilangan 'good will' atau 'terhutang budi' ayahnya Tun Razak yang dikecapi dan bakal menerima hukuman warga peneroka! Tidak perlu penulis ulangi penderitaan dan penghinaan peneroka semasa penyenaraian FGV dulu. Ansuran hutang membeli saham dulu perlu dibayar dalam keadaan dividen jauh sekali harga saham terhempas ke lantai.

Nah, juga begitu segala pelaburan Najib. Terkini perihal Bandar Malaysia. Najib mendadak kerana silap congak memutuskan konsortium IWH-CREC untuk memberi laluan kepada Kumpulan Dalian Wanda.

Terkini pendedahan Wall Street Journal (WSJ) meletakkan Wanda tidak mampu mengambil alih untuk kononnya menyuntik US$10 bilion (RM44 bilion) untuk membina Bandar Malaysia. Enam pelaburan hartanah Wanda disekat Beijing atau kerajaan China. Najib sekali lagi terjerut dan tercekik. Beliau gopoh dan kini Bandar Malaysia tertangguh 3 tahun kebelakang sebelum TRX City Sdn Bhd, pemiliknya, mencari penyelamat baru.

Apa lagi yang Najib mahu harapkan. Hampir-hampir Najib hilang 'harapan'!

Menambah sakit dan seksa buat Najib lagi apabila pelancaran 'Pakatan Harapan' memeterai Struktur Pimpinan PH Khamis lalu (13 Julai 2017) beserta dengan Logo HARAPAN dan slogan "Sayangi Malaysia, Hapus Kleptokrasi".

Gandingan dua tokoh Legenda Tun Mahathir-Datuk Seri Anwar Ibrahim pastinya menggerunkan Najib bahkan seluruh kerajaan dan jentera BN! Ya, mereka dulunya adalah seteru dan musuh ketat serta punya pandangan perbezaan yang amat tajam. Itu sudah terakam dalam sejarah dan tentunya tidak boleh diubah.

Namun demi kesinambungan dan survival negara yang tercinta, dua negarawan dan patriot ulung ini bergabung!

Demi menyingkirkan kleptokrat yang tidak pernah puas dan buas ini serta konco-konconya, maka seluruh rakyat dan organisasi masyarakat sivil dan individu pemimpin masyarakat berpadu untuk melakukan perubahan yang tertangguh ini.

Pakatan Harapan sedang bersedia dan akan terus memantapkan seluruh jentera dan mengumpul segala tenaga buat menumbangkan kerajaan kleptokrat ini.

Bersiap dengan dasar dan polisi yang responsif serta tepat dengan keperluan dan harapan rakyat digarap dan dilunaskan dengan baik dan seimbang. Kami juga sedar akan petualang-petualang besar yang bakal menghambat misi perubahan ini termasuk dari diri kami dan parti-parti kami sendiri.

Terkadangkali lebih mudah untuk menangani pelbagai tuntutan dan kehendak serta kegusaran pelbagai segmen rakyat yang saling bersilang dan mencabar dari mengatasi masalah dalaman PH. Tekad kami adalah untuk mendahulukan kepentingan rakyat dan negara. Ya, mudah ditutur dari dikota!

38. Pakatan Harapan telah bersedia untuk menggalas tanggungjawab besar ini. Anda Bagaimana?

Semoga Allah merestui perubahan baik (islah) ini. Allahul Musta'an.

Dr Dzulkefly Ahmad ialah Pengarah Strategi Parti Amanah Negara.

Tidak wajar lindungi penjenayah 1MDB

KUALA LUMPUR: Presiden Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Tan Sri Muhyiddin Yassin menggesa Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) segera ditubuhkan untuk merungkai kemelut 1Malaysia Development Berhad (1MDB) susulan keputusan mahkamah Singapura menjatuhkan hukuman penjara ke atas bekas pengurus BSI Bank, Yeo Jia Wei.

"Amatlah menghairankan apabila pihak berkuasa Singapura berjaya menemui bukti untuk mendakwa Yeo dan mensabitkan beliau atas kesalahan jenayah, tetapi Peguam Negara Malaysia tidak menemui apa-apa bukti untuk memulakan proses pendakwaan ke atas penyangak 1MDB di negara ini.

"Pihak berkuasa Singapura juga telah meghentikan operasi BSI Bank dan Falcon Bank di negara itu dan mendenda beberapa buah bank lain yang didapati terbabit dalam jenayah penggubahan wang haram melibatkan berbilion ringgit wang 1MDB," ujar beliau.

Sehubungan itu, Muhyiddin menggesa Suruhanjaya Siasatan Diraja ditubuhkan segera untuk menyiasat skandal kewangan terbesar dalam sejarah negara ini dan individu yang terbabit melakukan jenayah, termasuk penjawat-penjawat awam yang melindungi mereka, perlu dihadapkan ke mahkamah.

"Malaysia tidak harus menjadi sebuah negara yang melindungi penjenayah," ujarnya dalam satu kenyataan.

Muhyiddin yang juga Ahli Parlimen Pagoh menambah, tindakan mahkamah Singapura adalah konsisten dengan dakwaan beliau sebelum ini bahawa terdapat bukti kukuh tentang jenayah penyelewengan dana 1MDB.

Sebelum ini beberapa pemimpin Pakatan Harapan turut mendesak RCI ditubuhkan bagi menyiasat 1MDB dan dana yang disalah guna bagi tujuan penggubahan wang haram ekoran saman sivil dikemukakan Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DoJ) baru-baru ini.

Mahkamah Singapura baru-baru ini menjatuhkan hukuman penjara 54 bulan (4 tahun 5 bulan) ke atas bekas pegawai BSI di republik itu, Yeo Jiawei selepas dia mengaku melakukan kegiatan penggubahan wang haram, lapor Straits Times Singapura.

Ia adalah hukuman paling berat pernah dijatuhkan terhadap mana-mana individu yang dikaitkan dengan skandal 1MDB di Singapura yang turut menyebabkan penutupan dua bank asing oleh bank pusat negara itu.

Yeo sebelum ini dijatuhi hukuman penjara 30 bulan selepas didapati bersalah cuba menggganggu saksi dalam siasatan Singapura yang dikaitkan dengan 1MDB, Disember lalu.

Terdahulu, Yeo, 34, mengaku bersalah terhadap dakwaan penggubahan wang haram dan menipu dengan mengambil kira lapan pertuduhan lain.

Dia diarah menjalani hukuman penjara serentak dengan hukuman sebelumnya.

Kaji semula penarikan elaun pelajar IPG

KUALA LUMPUR: Kerajaan digesa mengkaji semula penarikan elaun sara hidup dan perjalanan kepada guru pelatih mulai Jun 2018 kerana ia akan membebankan pelajar Institut Pendidikan Guru (IPG) dalam meneruskan pengajian.

Exco Pendidikan Armada Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Mohd Asyraf Mustaqim Badrul Munir berkata, cadangan Kementerian Pendidikan itu tidak masuk akal kerana aspek pendidikan penting dalam pembinaan masyarakat.

Sebelum ini elaun sara hidup Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) dan Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PPISMP) diselaraskan padakadar RM430 sebulan dengan pelajar PISMP menerima elaun tambahan bagi perjalanan pada jumlah maksimum RM500.

Jumlah elaun bagi PISMP pada asalnya lebih tinggi mengikut zon iaitu RM700 bagi Zon A dan RM595 bagi Zon B, namun jumlah ini diselaraskan pada RM430 atas alasan kementerian untuk "mengoptimumkan penggunaan resos melalui meningkatkan keberkesanan kos bagi latihan guru praperkhidmatan di IPG".

Penyelarasan itu juga kononnya dilakukan untuk memastikan semua 'mahasiswa' IPG mendapat bantuan elaun sara hidup.

Mohd Asyraf bagaimanapun esal kerana Timbalan Menteri Pendidikan II, Datuk Chong Sin Woon dilapor mengumumkan keputusan kerajaan untuk menghentikan elaun sara hidup dan perjalanan kepada guru pelatih mulai Jun tahun depan.

Malah guru pelatih disaran memohon pinjaman daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi menampung keperluan hidup mereka.

Armada juga, jelas Mohd Asyraf mendapat maklumat beberapa elaun lain seperti elaun buku dan elaun praktikum guru pelatih telah pun dimansuhkan.

"Hairan perkara ini terjadi kerana ambilan 'mahasiswa' IPG kini semakin berkurangan.

"Apatah lagi selepas Bajet 2017 lalu, kerajaan memutuskan untuk menutup 11 buah IPG dari 27 buah IPG sedia ada dengan sembilan buah darinya menjadi Politeknik atau Kolej Vokasional manakala dua lagi dijadikan Pusat Permata," katanya.

Beliau turut menyentuh program 'Permata Negara' yang diterajui isteri Perdana Menteri yang menerima bajet di bawah Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM36.3 juta tahun lalu dan meningkat kepada RM85 juta tahun ini.

"Seharusnya bajet Permata wajib diserapkan untuk membantu menampung kos mahasiswa IPG" tegasnya.

Beliau menambah, dalam keadaan kos sara hidup yang semakin meningkat saranan Timbalan Menteri Pendidikan agar pelajar IPG mendapatkan pinjaman PTPTN bagi membiayai pengajian mereka adalah tidak bertanggungjawab.

Tindakan menamatkan elaun guru pelatih, tambahnya akan membebankan mereka dalam menampung kos sara hidup dan belanja perjalanan pergi balik ke sekolah malah guru pelatih akan dibebankan dengan hutang PTPTN.

"Ingatlah, tugas kerajaan adalah menyediakan prasarana serta kemudahan bukannya potong bajet dan suruh rakyat berjimat malah berhutang, sedang duit yang dibelanjakan entah ke mana.

"Hari ini begitu banyak cukai yang dikenakan dengan GST mencatatkan kutipan sehingga RM39 bilion tetapi rakyat tetap terus terbeban," ujarnya.

Bukan sekadar celik, amalkan akhlak Al-Quran

KUALA LUMPUR: Pemimpin dan umat Islam bukan sahaja perlu celik al-Quran tetapi mampu mengamalkan akhlak yang baik seperti mana tuntutan al-Quran, kata Presiden AMANAH Mohamad Sabu.

Beliau mengambil pedoman yang berlaku di negara-negara Arab apabila majoriti penduduknya tidak buta al-Quran dan berjaya melahirkan ribuan hafiz tetapi akhlak mereka tidak mengikut akhlak al-Quran.

"Saya mengambil positif dan menganggap satu teguran yang baik dari pemimpin parti Islam di Malaysia bahawa mereka yang meninggalkan parti Islam dianggap buta al-Quran.

"Memang kita umat Islam khasnya pemimpin dan pengikut AMANAH hendaklah memahami al-Quran dan menjadikan al-Quran sebagai pedoman hidup sehinggalah kita berada di bawah naungan al-Quran.

"Sesungguhnya di negara Arab mereka kebanyakannya tidak buta al-Quran. Setiap tahun ribuan golongan hafiz berjaya dihasilkan khususnya di Mesir, Maghribi, Arab Saudi dan negara Teluk yang lain tetapi kita lihat akhlak al-Quran tidak ada di negara mereka.

"Akhlak al-Quran seperti memperjuangkan keadilan, integriti dan menghormati hak-hak manusia, menghormati nyawa manusia, menghormati jiran, membantu orang miskin, membantu pelarian, membantu mereka yang daif serta menjaga hak wanita berada di negara Eropah seperti di Finland, Sweeden, Denmark, Netherland, Ireland, New Zealand dan Australia.

"Semua ini hampir tidak ada di negara Arab yang celik al-Quran," ujar beliau.

Mohamad mengulas kenyataan Presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang mendakwa kononnya golongan yang meninggalkan parti itu sebagai buta al-Quran kerana terpengaruh dengan politik yang tidak membawa mereka kepada perjuangan sehingga akhirat.

Tambah beliau, AMANAH akan memperjuangkan supaya akhlak al-Quran itu dilaksanakan di negara ini dan bukannya seperti negara-negara Arab yang celik al-Quran tetapi akhlak pemerintah dan sebahagian rakyatnya bertentangan dengan cara al-Quran.

"Adalah menjadi cabaran besar pemimpin parti Islam di Malaysia ini supaya kita celik al-Quran dan berada di bawah naugan al-Quran.

"Jangan hanya celik dari sudut membaca, bertutur dan bercakap bahasa al-Quran tetapi akhlak kita jauh dari ajaran Islam," tegasnya.

Konon setaraf negara maju tetapi pelajar 'ikat perut'

KUALA LUMPUR: Nasib para penuntut institusi penggajian tinggi tidak harus diabaikan ketika kerajaan berbangga dengan pencapaian negara yang didakwa setaraf negara maju, kata Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi PPBM Tariq Ismail.

Menurut beliau, kerajaan harus mengakui kesilapan memberi lebih peluang untuk pelajar ke menara gading namun tidak menyediakan peruntukan mencukupi bagi mereka meneruskan pengajian.

"Di sinilah sepatutnya menteri-menteri yang berkenaan memerah otak bagaimana hendak menyelesaikan masalah ini.

"Tapi saya tahu kalau ikut rasmi Umno, pelajar akan disarankan supaya cari kerja sambilan, kurangkan berbelanja atau jangan makan.

"Tetapi jangan lupa jadi pelajar cemerlang dan paling penting jangan lupa bayar balik pinjaman dengan 'bunga' sekali. Atau ibu bapa disarankan ambil kerja kedua atau ketiga," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau mengulas pendedahan seorang peniaga kedai makan di Batu Pahat bahawa ada pelajar di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) terpaksa berjimat sehingga makan nasi berkuah kosong dan air kosong untuk mengalas perut.

Mengulas lanjut, Tariq berkata, pemimpin yang berwibawa akan memimpin dengan penuh kemanusiaan dan tidak dayus menangani kemelut hidup rakyat khususnya generasi muda.

EDISI 60 • 23 JULAI - 29 JULAI 2017 • Amanah

Ikrar kosong tidak bantu banteras rasuah

Oleh **ARIF ATAN**

KUALA LUMPUR: Negara memerlukan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang efektif dan substantif bukannya seorang selebriti, bidas Penasihat Strategik Ketua Menteri Pulau Pinang, Datuk Saifuddin Nasution Ismail.

Beliau menyifatkan Ketua Pesuruhjaya SPRM yang baharu, Datuk Dzulkifli Ahmad sebagai ketinggalan zaman apabila memperkenalkan Ikrar Bebas Rasuah (IBR).

"Adakah beliau sedar rasuah hanyalah satu hasil daripada banyak masalah integriti dan tadbir urus yang lebih luas dan perlu difahami?

"Ketua Pesuruhjaya SPRM yang nampak gayanya seperti ahli politik atau selebriti yang tidak lebih hanya untuk mendapat perhatian daripada pihak media sahaja.

"Kita tidak berminat dengan hanya 'public relation exercise'. Ikrar tanpa pengisiannya tidak ada maknanya.

"Lebih teruk lagi apabila ikrar itu mengecilkan skop kepada isu yang ingin ditangani," tegasnya.

Menurutnya, ikrar tersebut menunjukkan kedangkalan fikiran dan kurangnya kreativiti Ketua Pesuruhjaya SPRM itu walhal SPRM sebelum ini mempunyai langkah pencegahan rasuah yang lebih sofistikated.

Institut Integriti Malaysia (IIM) jelas beliau mempunyai inisiatif dan instrumen yang jauh lebih berkesan dalam konteks pemupukan dan pembudayaan integriti berbanding Ketua Pesuruhjaya SPRM.

"Jikalau sekalipun Ketua Pesuruhjaya SPRM benar-benar serius hendak berikrar, mengapa menghentikan usaha Ikrar Integriti Korporat yang diperkenal Datuk Paul Low serta dilaksanakan Tan Sri Abu Kassim dan Datuk Sri Mustafar Ali dahulu?

"Ikrar Integriti Korporat dilihat lebih menyeluruh. Dengan 'follow up' pengisian kepada ikrar di mana agensi, badan yang membuat ikrar harus turut serta melaksanakan beberapa program seperti 'whistle blowing' dan lain-lain.

"Kenapa 'Ikrar Integriti Korporat' ini dihentikan? Adakah kerana Ketua Pesuruhjaya SPRM yang baharu ini ingin menunjukkan bahawa KP dan TKP sebelum ini tidak tahu apa yang mereka lakukan?" bidasnya dalam satu kenyataan.

Mengulas pelancaran revolusi Gerakan Revolusi Anti Rasuah (GERAH) oleh SPRM pada 8 Mei lalu, Saifuddin mempersoal sejauh mana lawatan dan bermesra dengan rakyat sambil memberi bantuan makanan dan berikrar sahaja akan menyelesaikan masalah rasuah.

"Apa makna bebas rasuah jikalau isu-isu salah guna kuasa dan masalah yang wujud dalam laporan audit terus berleluasa? Adakah dengan menangkap pesalah rasuah setiap minggu akan menyelesaikan masalah?

"Sejak Ogos tahun 2016 sehingga kini, berapa ramai individu yang telah ditangkap telah didakwa dan disabit kesalahannya?" soalnya.

Menyentuh kenyataan Dzulkifli yang kesal dengan keengganan kerajaan Pulau Pinang menandatangani IBR bagi menunjukkan komitmen negeri itu memerangi serta membanteras gejala rasuah, beliau mempertikaikan bukti empirikal bahawa isu rasuah dapat diselesaikan dengan berikrar.

"Negara mana dalam dunia ini yang mampu membanteras rasuah dengan hanya berikrar? Tunjukkan kepada kita bukti-bukti dan dalil-dalil serta kitab mana yang beliau rujuk dan kita boleh pertimbangkan.

"Adakah kerana KP dan TKP sebelum ini lebih berani dan sanggup menyiasat kesalahan MO1 (Malaysian Official 1) menyebabkan semua inisiatif mereka perlu ditukarkan? Hanya semata-mata untuk menghentikan usaha mereka sebelum ini?

"Kita melihat drama dan sandiwara Ketua Pesuruhjaya SPRM yang baharu ini sebagai usaha mengalih pandangan daripada melihat 'the elephant in the room' kepada perkara-perkara runcit sambil menaikkan nama beliau di media.

"Adakah beliau sedang menonjolkan diri sebagai calon Peguam Negara (AG) yang mampu mempertahan dan melindungi MO1?" tempelak Saifuddin.

Menurutnya, kenaikan pangkat Dzulkifli bermula pada kedudukan Jusa C ketika dilantik sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM pada Ogos tahun lalu dan kini Turus 2 dalam tempoh setahun dianggap cukup luar biasa yang hanya layak untuk seorang penjawat awam yang luar biasa prestasinya.

"Soalnya apa yang luar biasa itu kalau sekadar bercakap soal ikrar bebas rasuah! Tindak tanduk dan cara beliau ini meragukan.

"Galak menyerang kerajaan Pulau Pinang hanya kerana belum menandatangani suatu ikrar. Ikrar bebas rasuah yang beliau perkenalkan ini adalah satu inisiatif secara sukarela bukan secara paksaan.

"Jadi apa maksud Pulau Pinang ingkar? Ingkar kepada perintah siapa?" soal Saifuddin lagi.

PPBM Melaka sasar pecah kubu Umno-BN

MELAKA: Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) berazam untuk memecahkan kubu kuat BN di Parlimen Jasin dan Alor Gajah serta menyasarkan 13 kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) di Melaka.

Parti itu juga berhasrat meletakkan calon muda, berkebolehan memimpin dan disenangi pengundi di negeri itu.

Pengerusi PPBM Negeri Melaka Mohd Radzuan Yusof berkata, dengan peningkatan keahlian parti itu dari semasa ke semasa beliau yakin tidak sukar untuk mencari calon sesuai mewakili Parlimen dan Dun.

"Kita pernah berbincang dengan rakan dalam Pakatan Harapan ada di kalangan pemimpin mereka menyatakan bahawa untuk pakatan menakluki Melaka, PPBM perlu berusaha ke arah menumpaskan kerusi Umno.

"Sebelum ini Melaka tidak disenaraikan antara negeri sasaran PPBM, namun kerana melihat kepada potensinya hari ini daripada sokongan ahli dan rakan dalam pakatan, maka kita jadikan Melaka negeri yang akan menjadi tumpuan PPBM selain Johor dan Kedah," ujarnya.

Bagaimanapun jelas Mohd Radzuan, keputusan PPBM untuk bertanding di kerusi-kerusi tumpuan itu bergantung kepada Majlis Presiden Pakatan Harapan.

Dalam pilihan raya umum lalu, BN memperoleh 4 kerusi Parlimen di Melaka manakala DAP dan Keadilan masing-masing 1 kerusi.

Mengenai keahlian PPBM di negeri itu, Mohd Radzuan yang juga Ketua Bahagian PPBM Alor Gajah berkata, kebanyakan ahli parti itu terdiri daripada golongan muda.

"Kajian kita mendapat 25% ahli Umno sudah menyertai PPBM di Melaka. Ia meliputi segenap lapisan masyarakat dan kebanyakannya adalah penyertaan generasi muda yang amat tertarik dengan perjuangan PPBM," ujarnya.

Ketua Armada Melaka dipukul samseng Umno

MELAKA: Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Melaka akan mengambil tindakan undang-undang terhadap sekumpulan samseng Umno yang memukul, mengugut dan membuli Ketua Armada Melaka Ramlan Meon dalam satu kejadian di sebuah restoran di Paya Rumput, dekat sini, 10 Julai lalu.

Pengerusi PPBM Melaka Mohd Radzuan Yusof berkata, perselisihan faham antara ahli Armada yang diketuai Ramlan dengan pegawai penguatkuasa Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dalam kejadian 9 Julai lalu menjadi punca tindakan samseng itu.

Menurut beliau, insiden itu menimbulkan rasa tidak puas hati samseng Umno terbabit apabila beberapa petugas Armada bertindak mencabut bendera BN dan mengherdik pegawai penguatkuasa MBMB kerana didakwa tidak berlaku adil.

Sehubungan itu, satu laporan polis telah dibuat di Balai Polis Bukit Baru pada 11 Julai dan PPBM mendesak insiden itu disiasat polis dan tindakan sewajarnya diambil.

"PPBM juga bersetuju melantik peguam bagi menuntut keadilan untuk Ketua Armada Melaka.

"Kami tidak mahu sebarang campur tangan politik dalam kes ini. Pihak polis dan pihak berkuasa perlu menjalankan tugas secara profesional dan telus tanpa tekanan mana-mana pihak," ujarnya dalam sidang media, 13 Julai lalu.

Mohd Radzuan turut mengimbau insiden yang berlaku tahun lalu apabila kereta milik pemimpin PPBM dibakar dalam satu program di Krubong, namun sehingga kini tiada sebarang tindakan diambil walaupun suspek dikenal pasti sebagai pemimpin pemuda Umno cawangan.

Dalam kejadian 9 Julai lalu, beberapa pegawai penguatkuasa MBMB telah mencabut bendera, sepanduk dan kain rentang program sambutan Aidilfitri peringkat nasional PPBM yang telah dipasang sekumpulan ahli Armada.

Tindakan penguatkuasa MBMB itu menimbulkan rasa tidak puas hati ahli Armada yang berada di tempat kejadian kerana bendera BN yang turut dipasang di kawasan yang sama tidak diambil tindakan.

"Penguatkuasa MBMB hanya tutup sebelah mata dan mendiam diri. Ini membuktikan bahawa mereka yang menguatkuasakan undang-undang hanya melaksanakan secara terpilih dan tidak adil," ujar Mohd Radzuan.

Tindak-tanduk peguatkuasa MBMB ini, katanya mendorong Ramlan bertindak agresif dengan mengeluarkan kata-kata kesat kepada pegawai penguatkuasa dan insiden itu menjadi viral di media sosial.

Bagaimanapun jelas beliau, keadaan kembali terkawal dan kedua belah pihak mengakui kesilapan masing-masing dan saling bermaafan.

Namun pertikaian itu berlarutan apabila Ramlan menerima panggilan telefon daripada seorang kenalan yang juga bekas ahli PPBM untuk 'menyelesaikan' insiden yang berlaku.

"Ramlan hanya bersangka baik dengan pelawaannya dan hadir ke sebuah restoran.

"Setibanya beliau di restoran itu tiba-tiba sekumpulan lelaki yang sebahagiannya dipercayai memegang jawatan penting dalam Umno bersama beberapa pegawai penguatkuasa MBMB sudah menunggu.

"Ketika inilah beberapa kali Ramlan ditumbuk di muka, dipaksa menelan segenggam cili padi dan diugut untuk ditikam dengan pisau," ujarnya.

Dalam sidang media yang sama, Ketua Penerangan Armada Ulya Husamuddin berkata, Ramlan mengalami kecederaan serius di bahagian mata dan kepala.

"Dia mengalami retak tulang pipi dan kecederaan di mata kiri," ujarnya yang kesal dengan tindakan kumpulan samseng Umno itu.

Elak budaya takfiri melanda negara

Segera lapor tuduhan murtad

KUALA LUMPUR: Orang ramai disaran memberi maklumat berhubung ucapan Ketua Penerangan Pas Kawasan Tanah Merah Mohd Najmi Zakaria yang mendakwa ahli Pas yang meninggal parti itu dan menyertai AMANAH sebagai murtad kepada pihak berkuasa agama dengan segera.

Naib Pengerusi AMANAH Kelantan, Ustaz Che Ibrahim Mohamed berkata Seksyen 9 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002 memperuntukkan mana-mana orang awam yang ada maklumat tentang perlakuan tersebut hendaklah memberi maklumat tersebut kepada Pegawai Penguatkuasa Agama dengan serta merta.

"Seksyen 54 dan 55 Enakmen yang sama memperuntukkan Pegawai Penguatkuasa Agama hendaklah menyiasat maklumat tersebut dan mengemukakan laporannya kepada Jabatan Pendakwa Syarie untuk kes pendakwaan," katanya dalam satu kenyataan yang dimuat naik di status facebooknya.

Ceramah Mohd Najmi di pekarangan Madrasah Pok Man Serbuk, Tanah Merah 14 Julai lalu kini tular di media sosial.

Ketika berceramah, Mohd Najib dirakam sebagai berkata:

"PAN (AMANAH) ni hok paling sedih sekalinya, PAN ni ibarat kalu kita kata dalam Islam gak, dalam agama kita, maaflah kasar bunyi, ia sebagaimana orang ingkar perintah Allah. Kalu bunyi lot agama gak, ore murtad.

"Ore (orang yang) murtad nok oyak bui, Tuhan suruh bunuh (sebab) menghancurkan Islam, suruh taubat tok sey taubat, suruh taubat tok sey taubat, masuk dalam gok (penjara) dulu, tok sey taubat jugok, akhirnya bunuh."

Menurutnya Che Ibrahim, jika Ketua Pendakwa Syarie mendapati dakwaan pemimpin Pas kawasan itu benar, ahli-ahli AMANAH boleh didakwa di bawah Seksyen 119 Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 kerana melakukan perbuatan yang bercanggah dengan hukum syarak, manakala pemimpin AMANAH pula boleh didakwa di bawah Seksyen 124 Enakmen yang sama kerana telah menyebabkan seorang keluar Islam.

"Sama ada PAN itu merujuk kepada seseorang atau kepada mana mana objek lain, terserahkan kepada Ketua Pendakwa Syarie dan Hakim Syarie yang memutuskan.

"Yang pasti PAN telah dituduh murtad dan boleh dibunuh," jelas beliau.

Bagaimanapun tambah beliau, jika siasatan mendapati kata-kata tersebut benar-benar dituturkan Mohd Najmi tetapi tiada bukti mensabitkan ahli-ahli AMANAH sebagai murtad atau seolah-olah telah murtad, Ketua Penerangan Pas Tanah Merah itu boleh didakwa di bawah Seksyen 24, Kanun Jenayah Syariah Kelantan 1985 kerana telah menuduh orang Islam yang lain sebagai kafir.

Sehubungan itu, beliau menyerahkan kepada orang awam untuk membuat laporan di bawah Seksyen 9, Enakmen Acara Jenayah Syariah 2002 sama ada memberi maklumat bahawa ahli AMANAH adalah murtad sebagaimana didakwa Mohd Najmi, atau memberi maklumat bahawa pemimpin Pas itu telah melakukan perlakuan 'takfir'.

> **"Seksyen 54 dan 55 Enakmen yang sama memperuntukkan Pegawai Penguatkuasa Agama hendaklah menyiasat maklumat tersebut dan mengemukakan laporannya kepada Jabatan Pendakwa Syarie untuk kes pendakwaan,"**

Cabaran debat AJK Pas Pusat memalukan

KUALA LUMPUR: Enggan menyahut cabaran Pengarah Pusat Penyelidikan Pas (PPP) Dr Mohd Zuhdi Marzuki untuk berdebat, Ahli Parlimen Pokok Sena Datuk Mahfuz Omar sebaliknya menyifatkan cabaran Dr Zuhdi itu sebagai 'memalukan Pas' kerana belum berlaku dalam mana-mana parti politik, seorang pemimpin kanan parti mengajak ahli biasanya untuk berdebat.

Ketika dihubungi, Mahfuz melahirkan perasaan terkejut dengan cabaran debat Dr Zuhdi berdasarkan kedudukannya sebagai ahli jawatankuasa Pas Pusat.

"Belum pernah terjadi pemimpin parti mencabar ahli biasa berdebat. Saya tiada apa-apa jawatan dalam parti," kata Mahfuz yang juga bekas naib presiden Pas.

Dalam pemilihan parti baru-baru ini, Mahfuz tidak mempertahankan jawatannya sebagai Yang Dipertua Pas Pokok Sena dan tidak dilantik ke sebarang jawatan oleh Pas negeri dan pusat.

Mahfuz menyifatkan tindakan Dr Zuhdi itu sebagai memalukan Pas dan yakin ia dibuat atas kapasiti individu tanpa pengetahuan ahli-ahli lembaga pengarah PPP.

Menurutnya, sebagai pengarah sebuah agensi penyelidikan dalam Pas, Dr Zuhdi tidak sepatutnya melakukan tindakan yang menjejaskan imej parti.

Malah cabaran debat Dr Zuhdi, katanya mengesahkan persepsi umum bahawa perbezaan pendapat dalam Pas tidak diraikan malah ahli parti hanya perlu mengikut apa juga yang diputuskan pemimpin.

Dr Zuhdi pada 12 Julai lalu mencabar Mahfuz yang juga bekas Ketua Pemuda Pas Pusat untuk berdebat.

Langkah ini kata Zuhdi penting bagi menjernihkan 'kecelaruan' Mahfuz jika benar beliau masih sayangkan parti.

Malah Dr Zuhdi yang menyokong kuat idea perpaduan Pas-Umno melihat ahli parlimen Pas itu semakin galak menjadi 'jurucakap' Pan (Amanah) dan DAP dengan mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang mempertikaikan keputusan pucuk pimpinan Pas.

Mahfuz turut yakin beliau 'tidak celaru' dengan keputusan-keputusan diambil Pas seperti didakwa Dr Zuhdi.

"Zuhdi nak jernihkan kecelaruan (dengan berdebat), saya tidak celaru pun jadi tak perlu dijernihkan apa-apa," katanya.

Menurut Mahfuz, adalah sesuatu yang sia-sia untuk mendebatkan perkara yang telah diputuskan oleh parti dan telah diketahui umum seperti keputusan Pas memutuskan hubungan dengan DAP dan PKR.

Malah kata Mahfuz, tindakan berbelit-belit pemimpin Pas dalam melaksanakan keputusan parti sebenarnya menjadi punca ahli-ahli Pas dan penyokong parti berada dalam kecelaruan.

Beliau memberi contoh keputusan yang dicapai Pas dalam muktamar parti untuk memutuskan hubungan dengan DAP dan Keadilan namun masih berpendirian bahawa Pakatan Rakyat masih wujud khususnya di Selangor.

Sedangkan tambah beliau, DAP dan Keadilan adalah komponen Pakatan Rakyat.

"Bagaimana kita (Pas) nak jelaskan duduk dalam kerajaan negeri (Selangor) atas mandat Pakatan Rakyat sedangkan kita telah putuskan mandat dengan parti-parti dalam Pakatan Rakyat," katanya.

Pas ujar beliau telah mengkhianati Pakatan Rakyat apabila memutuskan hubungan dengan DAP dan Keadilan sedangkan semasa kempen pilihan raya umum, kempen dilakukan atas nama Pakatan Rakyat.

"Masa pilihan raya yakinkan rakyat bahawa Pas akan bersama DAP dan Keadilan tetapi lepas pilihan raya putuskan hubungan," kesal beliau.

Mahfuz turut hairan dengan tindakan Pas untuk terus kekal dalam kerajaan negeri Selangor yag diterajui Keadilan sedangkan usul yang diluluskan muktamar menyebut bahawa alasan putus hubungan itu disebabkan 'Keadilan menentang agenda Islam'.

BERITA RINGKAS

Umno ambil pandangan MCA, MIC untuk laksana syariah

TERENGGANU hanya akan mengikuti jejak langkah Kelantan menambah baik enakmen berkaitan jenayah syariahnya jika mendapat persetujuan semua pihak, kata Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman.

Katanya ini termasuk parti komponen BN yang mewakili kaum dan agama lain.

"Kerajaan Terengganu pada dasarnya menyokong RUU (rang undang-undang) itu tapi apa-apapun kita perlu mendapat pandangan daripada parti-parti komponen yang lain seperti MCA, MIC dan Gerakan sebelum ia dilaksanakan.

"Kita kena ambil tahu keperluan mereka, pandangan dan kebimbangan mereka jika undang-undang itu dilaksanakan. Tapi kita akan memberi penjelasan sebaiknya jika ingin melaksanakan undang-undang berkenaan," katanya kepada pemberita pada Majlis Hari Raya Badan Perhubungan Umno Negeri, 13 Julai lalu.

Tatacara Jenayah Syariah hak negeri

KERAJAAN Kelantan mempunyai prerogatif meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002 (Pindaan 2017) dan melaksakannya di negeri itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Azalina Othman Said berkata kuasa tersebut adalah di bawah kerajaan negeri selepas mendapat kelulusan Dewan Undangan Negeri (Dun).

"Perkara ini adalah prerogatif kerajaan negeri. Jika anggota-anggota Dun Kelantan meluluskan usul tersebut maka ia terpakai di negeri tersebut.

"Terpulang pada negeri masing-masing apa yang dibawa dan dibahas di DUN masing-masing," katanya mengulas Rang Undang-Undang (RUU) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002 (Pindaan 2017) yang diluluskan dalam sidang Dun Kelantan 12 Julai lalu.

Pindaan tersebut akan memboleh-kan hukuman sebat terhadap pesalah dijalankan di khalayak ramai dan perkara lain yang terkandung dalam enakmen tersebut adalah memperuntukkan kuasa kepada pegawai penguat kuasa agama menggunakan gari ke atas suspek selain membenarkan video digunakan sebagai bahan bukti dalam perbicaraan.

EDISI 60 • 23 - 29 JULAI 2017 • Ama

Pakatan Harapan sedi rakyat membina semu

Tun Mahathir, Dr Wan Azizah dan Tan Kok Wai ketika sidang media sejurus selesai mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan.

Tun Mahathir sempat berseloroh dengan Mohamad sambil disambut gelak ketawa Dr Wan Azizah dan para pemimpin yang hadir.

Ada sesuatu diperkatakan Tun Maha munikasi AMANAH Khalid Samad sa

Orang ramai membanjiri dewan mengikuti ceramah Pakatan Harapan di Shah Alam.

Ceramah *Sayangi Malaysia Hapuskan Kleptokrasi*, di Shah Alam 17 Julai lalu dihadiri para pemimpin utama Pakatan Harapan.

a bersama ula negara

Para pemimpin Pakatan Harapan dan hadirin bergambar ramai seusai program Ceramah Sayangi Malaysia Hapuskan Kleptokrasi.

athir kepada Pengarah Kombil didengar Mohamad

Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali bersama Nurul Izzah Anwar, Rodziah Ismail dan Ustazah Mariam Abdul Rashid.

Pengerusi DAP Selangor Tony Pua menyampaikan penerangan berhubung skandal 1MDB.

Foto **WAN ZAHARI SALLEH**

MAJLIS Presiden Pakatan Harapan secara konsensus menerima struktur kepimpinan baharu dengan melantik Ketua Umum Keadilan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Ketua Umum manakala Tun Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail,asing-masing sebagai Pengerusi dan Presiden.

Pengumuman struktur kepimpinan Pakatan Harapan itu dibuat Tun Mahathir yang juga Pengerusi PPBM selepas mesyuarat lebih 4 jam di Ibu Pejabat Keadilan di Petaling Jaya, 13 Julai lalu.

Jawatan Timbalan Presiden disandang Presiden PPBM Tan Sri Muhyiddin Yassin, Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng dan Presiden AMANAH Mohamad Sabu, manakala Naib-naib Presiden diwakili Timbalan Presiden Keadilan Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, Timbalan Presiden Bersatu Datuk Seri Mukhriz Mahathir, Ketua DAP Sarawak Chong Chieng Jen dan Timbalan Presiden AMANAH Salahuddin Ayub.

Ketua Setiausaha Pakatan Harapan kekal disandang Datuk Saifuddin Abdullah dan Bendahari M. Kula Segaran.

Turut diumumkan logo Pakatan Harapan dikenali sebagai 'HARAPAN' yang akan didaftarkan dalam tempoh seminggu.

Lima pemimpin utama Pakatan Harapan iaitu Pengerusi PPBM Tun Dr Mahathir, Presiden Keadilan Datuk Seri Dr Wan Azizah, Presiden PPBM Tan Sri Muhyiddin Yassin, Pemangku Pengerusi DAP Tan Kok Wai dan Presiden AMANAH Mohamad Sabu turut mengeluarkan kenyataan berikut:

Menyedari bahawa rakyat mengharapkan perubahan politik negara ke arah pemerintahan yang lebih demokratik, adil dan sejahtera serta sebuah kerajaan yang komited untuk melaksanakan reformasi institusi, menjalankan tadbir urus yang baik dan mengutamakan kebajikan rakyat; dan

Menginsafi bahawa Malaysia di bawah pemerintahan kerajaan BN sedang berada di dalam keadaan krisis yang tenat, terpalit dengan skandal rasuah dan salah guna kuasa yang amat luar biasa, dan rakyat menanggung beban;

Maka, Pakatan Harapan mengambil tanggung jawab untuk membela rakyat dan membina semula negara yang dirosakkan oleh pentadbiran Datuk Seri Najib Tun Razak. Melalui kesatuan politik di antara Keadilan, DAP, AMANAH dan PPBM, kami akan menggembleng seluruh kekuatan rakyat untuk memenangi pilihan raya umum ke-14 dan membentuk kerajaan.

Oleh yang demikian, Pakatan Harapan mendokong matlamat-matlamat berikut:

1) Menurunkan kerajaan pimpinan kleptokrat yang diketuai oleh Datuk Seri Najib Tun Razak;

2) Memulihkan kedaulatan dan keluhuran undang-undang seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia;

3) Membatalkan dan memperbetulkan semua tindakan yang melanggar undang-undang dan menggadaikan kepentingan rakyat di bawah pentadbiran Datuk Seri Najib termasuk mendapatkan kembali wang rakyat yang hilang melalui skandal besar seperti 1MDB;

4) Membebaskan semua tahanan politik dan menggugurkan semua dakwaan politik;

5) Reformasi undang-undang dan institusi yang telah disalahgunakan terutamanya berhubung kuasa Perdana Menteri; dan

6) Mengehadkan penggal perkhidmatan Perdana Menteri kepada dua penggal sahaja.

Sejurus mendapat mandat rakyat dalam PRU-14, dalam tempoh 100 hari pertama setelah membentuk kerajaan, Pakatan Harapan komited untuk melaksanakan perkara-perkara berikut:

- **Menghapuskan GST;**
- **Menstabilkan harga petrol;**
- **Memberi fokus kepada usaha meringankan beban rakyat;**
- **Memulakan proses reformasi institusi secara menyeluruh;**
- **Memerangi rasuah hingga ke akar umbi;**
- **Menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja Skandal 1MDB; dan**
- **Memulihkan Felda.**

Pakatan Harapan memberi komitmen bahawa proses memohon pengampunan dan pembebasan Datuk Seri Anwar Ibrahim akan dimulakan dalam tempoh seminggu selepas Pakatan Harapan membentuk kerajaan.

Permohonan yang dikemukakan mengikut proses undang-undang ini, dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, akan membolehkan Datuk Seri Anwar Ibrahim kembali mengambil bahagian semula dalam politik negara sepenuhnya.

EDISI 60 • 23 - 29 JULAI 2017 • Amanah

Digari demi tuntut pilihan raya bersih

Benarlah penantian seperti pada 18 Julai lalu satu penyeksaan. Selepas menanti lebih tiga jam, akhirnya tibalah giliran Naib Ketua Pemuda AMANAH, Mohd Shazni Munir Mohd Ithnin.

Di Bilik Bicara Mahkamah Majistret Putrajaya, beliau sebagai Orang Kena Saman (OKS) dipanggil pada 11.20 pagi dengan diwakili peguam Syahredzan Johan.

Beliau didakwa ekoran bantahan terhadap larangan mengedarkan salinan senarai Rang Daftar Pemilih Tambahan (RDPT) pada 23 Mei lalu.

Turut hadir sebagai tanda sokongan sekumpulan anggota AMANAH Melaka bersama Ketuanya, Adly Zahari. Kebetulan, pada waktu sama mereka sedang menghadiri perbicaraan di Mahkamah Rayuan bagi kes mencabar persempadanan semula kawasan pilihan raya di negeri itu.

Mengikut pertuduhan, Shazni, 30, merantai dan mengunci pagar di hadapan pintu utama SPR menyebabkan penghuni di bangunan itu tidak dapat menggunakan pintu tersebut sekali gus dikatakan menimbulkan kegusaran terhadap mereka terbabit.

Shazni bergari 18 Julai lalu hanya mahu menuntut pilihan raya bebas penipuan.

Kesalahan tersebut didakwa mengikut Seksyen 268 Kanun Keseksaan dibaca bersama 290 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman denda maksimum RM400.

Shazni kemudiannya mengaku tidak bersalah di hadapan Majistret Nik Ishafanie Tasnim Ab Rahman.

Syahredzan dalam hujahannya berkata, kesalahan terbabit bukan satu yang serius tambahan pula anak guamnya, Shazni memberi kerjasama kepada pihak berkuasa serta tidak melanggar jaminan polis.

"Seperti sedia maklum, objektif diambil bukan untuk menghukum tetapi sekadar memastikan kehadiran OKS. Sekiranya wang jaminan terlalu tinggi ianya bersifat menghukum.

"Jadi untuk pihak pendakwaan meminta jaminan sebanyak RM5,000 adalah satu permohonan yang tidak berkadar dengan hukuman maksima. OKS juga seorang aktivis politik dan tidak ada apa-apa risiko untuk beliau melarikan diri," ujarnya.

BEBAS 4 PETANG

Majistret kemudiannya membenarkan Shazni diikat jamin RM800 dengan Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Sany Hamzan bertindak sebagai penjamin.

Mahkamah menetapkan kes berkenaan disebut pada 31 Julai ini bagi membolehkan dokumen diserahkan kepada pihak pembelaan.

Akhbar mingguan *Amanah* menyaksikan sendiri Shazni dibawa keluar dari bilik bicara itu pada pukul 1.30 petang bersama seorang lagi tertuduh berpakaian lokap. Walau bagaimanapun, Shazni memaklumkan hanya pada pukul 4 petang, urusan pembayaran wang jamin selesai.

Dalam hal berkaitan, beliau di Facebook ketika menanti proses jaminan selesai dipetik berharap golongan baik diramaikan di negara ini manakala mereka yang jahat dihapuskan.

"Berpeluang sembang dengan rakan-rakan tahanan; seorang penguatkuasa JPJ yang berani, seorang lagi anggota RELA yang tertangkap secara salah.

"Tuhan, penuh dan ramaikan negara ini dengan orang-orang baik yang berani dan sayangkan negaranya. Hapuskan orang-orang jahat dan khianat, walau selicik mana pun perancangan untuk kekalkan kejahatan mereka. *Amin*," ujarnya.

Melayu ramai bertuhankan dadah?

Oleh ARIF ATAN

SEMAKIN galak Umno dan Pas memomokkan DAP sebagai hantu mengancam orang Melayu, berpuluh ribu pula bangsa Melayu hanyut bertuhankan dadah.

Tahun lalu sahaja, 80.7 peratus daripada 30,844 penagih dadah yang ditangkap di seluruh negara adalah orang Melayu. Itu angka yang dikeluarkan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). Ini kritikal bukan modal pilihan raya untuk dijual.

Mungkinkah dadah tidak lagi dianggap ancaman bagi orang Melayu? Pada masa sama, Jabatan Penjara pula mendedahkan sebanyak 56 peratus daripada 59,600 banduan di negara ini dipenjara akibat kes bersabit dadah.

Sewajarnya, semua pemimpin Melayu juga menyedari 71.3 peratus daripada banduan kes dadah itu terdiri daripada anak bangsanya sendiri.

Lebih ironi, di Pahang iaitu negeri Presiden Umno, seramai 305 penagih termasuk 14 daripadanya pengedar dadah ditangkap polis hanya bagi dua hari operasi bermula 13 Julai lalu.

Mereka juga majoritinya Melayu berusia 19 hingga 56 tahun sekali gus gejala bertuhankan dadah bukan hanya diimani anak muda seperti yang kerap dikambinghitamkan.

Lebih 200 tahun lalu, candu mentah turut menjadi antara bahan dagangan di Dunia Melayu sebagai hasil interaksi dengan bangsa asing. Buktinya seperti dapat dilihat dalam surat kiriman Sultan Zainal Abidin dari Terengganu kepada Gabenor Jenderal Belanda, P.G. van Overstraten di Batavia (nama lama Jakarta) pada 13 April 1798.

Malah, Hikayat Hang Tuah yang dipercayai ahli filologi ditulis selepas tahun 1641 turut mencatat perihal madat iaitu candu. Bezanya, dadah pada latar zaman itu lebih mesra dengan golongan istana dan kelas bangsawan.

Pada masa ini pula, salah guna dadah mewabak dalam kalangan masyarakat bawahan. Logiknya, mereka tidak wajar menghabiskan pendapatan boleh guna yang amat terhad dimiliki untuk mendapatkan bekalan dadah.

Akibatnya, bukan Selangor atau Pulau Pinang menjadi lubuk dadah tetapi Kelantan paling ketara terpalit dengan lambakan pil kuda didorong aktiviti penyeludupan dadah di sempadan negeri itu dengan Thailand.

Kerajaan Islam Pas itu juga dilihat buntu untuk menangani penglibatan anak mudanya berumur 24 tahun ke bawah yang majoriti merupakan pelajar dan penganggur.

Golongan usia itu mencecah seramai 1,717 daripada 7,519 orang yang ditahan pihak polis sepanjang lima bulan pertama tahun ini.

Sebanyak 636,112 biji pil kuda berjumlah RM15.9 juta, iaitu lebih 90 peratus daripada semua jenis dadah dirampas sepanjang tempoh itu.

Sejak tahun 1983 lagi kempen Dadah Musuh Nombor 1 dilancarkan. Tembok Penjara Pudu yang kemudiannya rakus dirobohkan pada 2010 itu pun pada satu sudutnya mengandungi mural tentang bahaya najis dadah.

Namun, banyak aspek perlu diteliti semula termasuk serbuah pihak berkuasa di kawasan 'jerung' bukan terhad di kawasan kampung dan pedalaman semata-mata.

Meminjam salah satu agenda 100 hari HARAPAN jika diberi mandat berkuasa di Putrajaya, langkah memulakan proses reformasi institusi diharap dapat diperluas merangkumi kelestarian fabrik sosial dalam kalangan masyarakat di negara ini.

Lebih jitu usaha memerangi dadah apabila ditunjangi agenda memerangi rasuah sehingga ke akar umbi yang juga menjadi janji 100 hari HARAPAN. Satu konsert kumpulan masyhur, Nidji di Sidoarjo dekat Pulau Jawa dua tahun lalu mendahulukan persembahan meganya itu dengan pesanan hebat.

"Ini doa yang paling penting. Aminnya biar kencang ya. Nidji percaya anda semua calon orang kaya. *Amin*.

"Anda semua bakal kaya dengan cara yang halal, tidak korupsi! sebelum menyanyikan lagu yang mengilhamkan semangat, 'Di Atas Awan'.

Selaras had maksimum kos rumah mampu milik

PEMUDA AMANAH Nasional berpendapat usaha meletakkan had maksimum jenis rumah mampu milik wajar dimulakan di pihak kerajaan pusat diikuti penyelarasan di seluruh negara.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Mohamad Ammar Atan berkata, dasar perumahan kerajaan yang diterajui BN pada masa ini jelas tidak berperikemanusiaan apabila menaikkan had harga rumah maksimum daripada RM200,000 kepada RM400,000 bagi rumah mampu milik.

Mengulas pertikaian Gerakan Pulau Pinang pada 12 Julai lalu terhadap tindakan kerajaan Pulau Pinang masih meluluskan dan membina rumah mampu milik (RMM) pada harga lebih RM100,000 padahal jumlah unit yang terjual bagi kategori itu adalah rendah, Ammar menyarankan parti itu berani untuk menegur Kerajaan Pusat terlebih dahulu.

Menurutnya, polisi menaikkan had harga kediaman lebih RM200,000 pada belanjawan 2013 itu kemudiannya kekal pada hari ini bahkan dasar Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) tidak lagi khusus kepada golongan berpendapatan sederhana.

"Malah, dengan harga yang ada ini juga, berapa ramai rakyat Pulau Pinang yang mampu membelinya? Adakah Gerakan yang berpendirian seperti ini dengan beraninya menegur tuan besar mereka akan dasar yang diamalkan pada hari ini?

Ammar Atan

Gerakan Pulau Pinang yang mempersoalkan tindakan kerajaan negeri Pulau Pinang meluluskan dan membina projek pembangunan RMM pada harga sekitar RM100,000 bagaikan meludah ke langit, terkena muka sendiri," ujarnya dalam satu kenyataan.

Beliau berpendapat sikap Gerakan itu menyebabkan pihak yang bersalah terus bertepuk tangan.

Mengulas lanjut sandaran hujah Gerakan terhadap jumlah stok rumah yang tidak terjual sebagai gambaran kononnya wujud masalah perumahan kritikal di Pulau Piang, Ammar menegaskan hal itu juga tidak tepat.

"Isu lebih besar daripada ini adalah ketidakmampuan rakyat dalam mengumpul modal atau pinjaman yang berpunca daripada taraf pendapatan rendah atas kegagalan kerajaan BN menguruskan dasar tenaga kerja," bidasnya lagi.

Kemelut KADS1M: MPP wakil bank?

Oleh ARIF ATAN

KHABAR KAMPUS

HATI pelajar mana tidak berang apabila Kad Siswa 1 Malaysia (KADS1M) yang bertujuan membantu mengurangkan kos sara hidup dinanti tanpa tahu kesudahannya.

Sehingga akhir semester, KADS1M menjadi satu hal yang 'misteri' bagi sebahagian daripada 1.3 juta penuntut yang melanjutkan pengajian secara sepenuh masa dan separa masa dan berstatus aktif setakat akhir tahun lalu.

Biarpun ramai mahasiswa terkesan dengan keputusan kerajaan mendebitkan bantuan Baucar Buku 1Malaysia ke dalam KADS1M itu, lain pula reaksi di pihak Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) di universiti masing-masing.

Aktivis mahasiswa Rahman Imuda (gambar) berpendapat MPP wajar bertindak dengan paling lantang menyuarakan keluhan pelajar bukannya memilih untuk menjadi jurucakap pihak Bank Rakyat yang mengeluarkan kad debit tersebut.

"Cukup memalukan jika ada MPP yang memilih untuk berdiam diri sahaja sedangkan mereka sepatutnya mendesak Bank Rakyat supaya memberikan jawapan tentang permasalahan ini.

"Lebih malang lagi, ada sesetengah ahli MPP yang memilih untuk menjadi jurucakap bank dengan memberitahu mahasiswa permohonan mereka sedang dalam proses, mahasiswa perlu sentiasa bersabar dan menunggu dengan tenang. Anda wakil mahasiswa, atau wakil bank?" bidasnya.

Mantan Naib Yang Dipertua (YDP) MPP Universiti Malaysia Kelantan (UMK) itu berpendapat kepimpinan MPP pada masa ini perlu bertindak bukan mengharapkan bekas pimpinan MPP untuk mendesak pihak bank mengeluarkan kad tersebut.

Hal ini memandangkan bekas YDP Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK), Farhan Khairuddin tahun lalu mendakwa dirinya 'sebak' selepas cadangan yang disuarakan beliau di persidangan Umno berkenaan pelaksanaan KADS1M diterima pihak kerajaan.

Sehubungan itu, Rahman mengingatkan Farhan harus bertanggungjawab dengan rasa 'sebak' yang ditanggung oleh mahasiswa teraniaya akibat KADS1M.

"Beliau (Farhan) juga mengatakan telah berusaha dengan cukup keras untuk merealisasikan idea ini, saya harap selepas ini beliau juga akan

Status Facebook pemimpin kampus pro-Umno tahun lalu berhubung cadangan KADS1M.

berusaha keras untuk membantu membetulkan keadaan ini.

"Apabila idea yang kita berikan diterima, kita tidak boleh melepaskan tangan begitu sahaja pada peringkat pelaksanaan.

"Walaupun kita tidak terlibat secara langsung dengan proses pelaksanaan, wajar sekiranya si 'si pemberi idea' mengkritik 'si pelaksana' dengan keras sekiranya berlaku sesuatu yang tidak wajar," dipetik daripada artikel reaksinya.

Beliau tidak mahu Farhan hanya menikmati kepopularan apabila idea diterima sebaliknya lari setelah pelaksanaan 'idea' itu tidak kemas.

"Saya ada membaca saudara Farhan ingin ke ibu pejabat Bank Rakyat untuk mendapatkan penjelasan. Bagi saya itu aksi yang baik. Moga dalam pertemuan itu persoalan-persoalan mahasiswa dapat terjawab dengan tuntas," tegasnya.

Melalui KADS1M, mahasiswa layak mendapat diskaun bagi pembelian barangan dan perkhidmatan terpilih, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh syarikat-syarikat yang mengambil bahagian.

Mengulas lanjut, Rahman mempersoalkan harga diri kepimpinan MPP pada masa ini yang dilihat gagal menyuarakan suara mahasiswa.

"Tidakkah maruah mereka tercalar apabila insan seperti Farhan yang sudah bersara daripada tampuk kepemimpinan MPP yang ingin menggerakkan desakan kepada Bank Rakyat?

"Di mana mereka ingin meletakkan muka mereka apabila mahasiswa-mahasiswa yang tidak punya apa-apa jawatan jauh lebih lantang mendesak supaya KADS1M diperbaiki?

"Tidak gunalah mengenakan pakaian yang cantik-cantik seperti orang kenamaan, kalau tugas menyuarakan suara mahasiswa diabaikan," tempelaknya lagi.

Pelajar Sabah, Sarawak UM perlu proaktif

Walaupun Yayasan Sabah mendanai pembinaan kolej ini tetapi pelajar negeri itu tetap dikenakan yuran menginap sepanjang seminggu cuti pertengahan semester.

Hangat sepanjang minggu lalu apabila aktivis Universiti Mahasiswa Sabah (UMS), Mukmin Nantang mempersoalkan kewajaran pentadbiran kolej kediaman di Universiti Malaya (UM) mengenakan yuran menginap semasa cuti pertengahan semester.

Beliau berpendapat bayaran antara RM6.50 sehingga lebih RM7 sebagai keterlaluan memandangkan mahasiswa dari Borneo tidak berbaloi untuk balik kampung hanya dalam tempoh seminggu.

"Janganlah bongkak sangat buat sesuka hati. UM kena relevanlah dalam hal ini. Agak-agaklah tindas mahasiswa yang tinggal jauh," tegasnya.

Sehubungan itu, beliau menggesa Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UM serta Jawatankuasa Kolej Kediaman menyuarakan bantahan demi kebajikan mahasiswa Sabah dan Sarawak.

"Jangan terlampau cekik darah UM. Universiti dibina dari hasil bumi dan titik peluh rakyat. Biarlah rakyat menikmati kenikmatan di universiti sebelum menyumbang kembali ilmunya untuk masyarakat dan negara," hujahnya.

Hal sama dilontarkan Koordinator Demokrat UM, Daniel Mizan Qayyum ***(gambar)*** yang meyakini isu terbabit boleh diselesaikan dengan syarat mahasiswa Sabah dan Sarawak ke depan.

"Mahasiswa Borneo harus dapat pelepasan yuran kolej semasa cuti pertengahan semester. Ini adalah jemputan terbuka untuk Persatuan Mahasiswa Sarawak dan Sabah. Kita usahakan jalan, pihak universiti sambut dan kritik untuk tambah baik.

"Apa pilihan mahasiswa Borneo ada? Tiket mahal, tidak dapat balik pun kena bayar juga tinggal di kolej. Kalau budi bicara untuk projek kolej diberi. Budi bicara untuk kemanusiaan kawan Borneo, kenapa tidak boleh?" ujarnya.

Justeru, Daniel berkata, penuntut perlu bersama persatuan anak negeri yang mewakili mereka untuk menyampaikan bantahan tersebut kepada Timbalan Naib Canselor (TNC) Hal Ehwal Pelajar (HEP) UM.

"Setakat ini, yang boleh dilakukan adalah hantar surat kepada pejabat kolej tertakluk kepada budi bicara Pengetua Kolej," jelasnya lagi hasil daripada perbincangan berhubung isu tersebut dengan Pengetua Kolej Kediaman Pertama, Profesor Madya Dr Firdaus Hariri.

Di UM, Kolej Kediaman ke-8 serta ke-10 masing-masing didanai pembinaannya pada 1985 dan 1997 oleh kerajaan negeri Sabah dan Sarawak.

Kolej Kediaman ke-10 yang dikenali sebagai Kolej Kediaman Tun Ahmad Zaidi sempena nama Gabernor Sarawak ketika itu menyaksikan sumbangan daripada kerajaan negeri berjumlah RM10 juta.

Sehubungan itu, banyak pihak mengangap mahasiswa Borneo di UM wajar dipertimbangkan untuk pengecualian yuran sepanjang menginap pada cuti singkat di kedua-dua kolej kediaman terbabit.

PUPUK BELAJAR... Salah seorang Sukarelawan Ikatan Anak Muda Tawau (IKAT) yang mengajar sekumpulan murid di Batu 2, Jalan Apas secara percuma pada 16 Julai lalu. Mereka terdiri daripada anak keluarga miskin yang memerlukan bimbingan supaya tidak keciciran dalam pelajaran. Kelas selama dua jam setiap satu atau dua minggu itu turut berharap orang ramai menyumbangkan buku rujukan terpakai untuk UPSR, PT3 dan SPM.

Mari tonton teater di sawah padi

TEKAD BUDAYA
DINSMAN



SELEPAS Teater Atas Pokok (TAP) di Shah Alam tahun lalu, 16-17 April, kini 'Teater di Sawah Padi' pula (TdSP). Mengapa?

Sejujurnya ini memang terjadi tanpa dirancang. Seperti saya tulis di ruangan ini dua minggu lalu, asalnya kami merancang hendak mementaskan *Muzika UdaDanDara* di kampung kelahiran pengarangnya Usman Awang, di Kuala Sedili, Johor. Pementasan akan dibuat di atas tanah halaman rumah kampung, yang sudahpun dikenalpasti di Sedili.

Tetapi oleh kerana penaja utama (sebuah perbadanan di negeri Johor) membatalkan janji mereka, dan Yayasan Usman Awang pula tampil menjadi penaja utama, pihak penganjur Ziarah Karyawan dan Paksi pun mengambil keputusan memindahkan pementasan ini ke Selangor, atas alasan untuk kemudahan membuat latihan dan kerja-kerja persiapan.

Di situlah, seperti dijelaskan dalam tulisan dua minggu lalu, saya mendapat idea mementaskannya dalam sawah padi. Mengapa? Untuk menegaskan dan mengangkat tema dan persoalan teater ini yang lebih penting daripada percintaan, iaitu yang saya anggap sebagai persoalan sebenar teater ini, yang diabaikan dalam pementasan-pementasannya sebelum ini.

Apakah persoalan yang dimaksudkan? Persoalan itu ialah perjuangan kaum tani menentang penindasan ke atas mereka yang tersembunyi dan sebati dalam peraturan yang menjadi amalan pihak-pihak yang berkuasa dalam masyarakat.

Orang selalu melihat dan terpesona dengan kisah percintaan teruna-dara bernama Uda dan Dara itu, yang diolah begitu indah dan romantik oleh Usman Awang, dan mengabaikan bahagian akhir selepas kematian Uda sang hero romantik itu, iaitulah bahagian yang mengangkat perjuangan kaum tani, yang mungkin dianggap tidak indah dan tidak romantik.

Awang Sariyan

Ya, tidak indah dan tidak romantik itu barangkali kalau kita melihatnya di atas pentas di dalam dewan, apatah lagi kalau dewan yang mewah terlampau seperti Istana Budaya itu. (Namanya pun istana!). Tetapi cuba kita melihatnya di persekitaran alam yang luas terbentang indah seperti di kawasan sawah padi di Tanjung Karang atau di Sabak Bernam dan Sungai Besar.

Ada sesuatu yang lain yang lebih indah daripada kisah cinta terhalang Uda dan Dara yang "bersanding tak berpelamin" itu, dalam teater UdaDanDara. Ada suatu ciptaan Usman yang lain dari yang lain. Suatu perwatakan manusia Melayu yang pelik dan unik dan istimewa dan luarbiasa.

Watak seorang manusia kampung yang bebas merdeka bersebati dengan alam, yang cerdik umpama seorang pujangga, yang menyembunyikan sifat pejuang di sebalik keanehan tingkah-lakunya. Itulah Utih – yang saya melihatnya sebagai mewakili perwatakan diri Usman Awang sendiri.

Adapun keistimewaan ini, dengan segala keunikan, keluarbiasaan dan keindahannya hanya akan terserlah kalau pementasannya tadi buat di tempat yang paling sesuai untuk maksud ini – tak lain tak bukan iaitu di sawah padi yang luas terbentang seluas mata memandang seperti di Tanjung Karang dan Sabak Bernam.

Inilah yang dikatakan orang-orang bijaksana bahawa di sebalik sesuatu kejadian yang tidak kita suka itu terdapat atau tersembunyi hikmahnya yang baik untuk kita.

Mementaskannya di halaman rumah kampung dikelilingi alam yang natural di Sedili itu adalah sesuatu yang istimewa. Tetapi mementaskannya di atas tanah kering dan tunggul-tunggul padi dan jerami di dalam sawah padi yang terbentang luas di Sungai Besar ini adalah lebih lagi istimewanya, lebih lagi indahnya, lebih lagi keberkesanannya.

Terima kasihlah kepada pihak perbadanan di negeri Johor yang entah mengapa tiba-tiba membatalkan janji mereka hendak menaja pementasan di Sedili itu (yang pada waktu itu amat mengecewakan kami pihak produksi dan penganjur perhimpunan penulis Ziarah Karyawan Nusantara).

Kalaulah bukan kerana tindakan mereka membatalkan janji itu tentulah tidak akan tercetus idea Teater di Sawah Padi (TdSP) di Sungai Besar, Sabak Bernam, Selangor ini.

Muzika UdaDanDara memang sebuah kisah percintaan teruna-dara yang diolah sedemikian indahnya melalui ungkapan-ungkapan bahasa yang istimewa gaya Usman Awang. Saya menganggapnya sebagai puncak keindahan bahasa Melayu. Ia karya terbaik Usman Awang kalau dilihat pada penciptaan ungkapan-ungkapan bahasa yang indah.

Ia juga adalah gambaran sebuah percintaan teruna-dara yang diolah begitu syahdu terjadi dalam sebuah masyarakat desa yang akrab hubungan antara sebahagian individu-individu di dalamnya. Juga sebuah gambaran 'memadu cinta' yang sangat romantik dan mencapai puncak kesyahduannya di alam imaginasi "bersanding tak berpelamin" itu.

Maka orang selalu terlupa untuk melihat bagaimana kemahiran/keahlian Usman Awang mengolah sebuah persoalan masyarakat tani, dengan perutusan-perutusan yang ditanamkannya ke dalam, antara lainnya, perwatakaan seorang manusia merdeka yang aneh tetapi sentiasa menyenangkan orang kampung marhaen dan tampil dengan keberanian luarbiasanya menentang 'sang penguasa' yang menindas dan merampas hak para petani miskin.

Memang tidak mudah hendak mengangkat bahagian yang kelihatannya tidak romantik dan tidak muzikal ini, kerana ia akan mudah menjadi anti-klimaks kepada adegan-adegan sebelumnya. Barangkali itulah sebab kebanyakan pengarah sebelum ini memilih untuk meninggalkan bahagian akhir teater ini.

Namun saya melihatnya dengan kacamata yang berbeza. Saya melihat ada keistimewaan dan kesenimanan Usman Awang itu sebagai 'aura' si Utih dalam teater ini. Dan saya juga cuba mencari hubungan antara si Utih teater ini dengan Utih dalam puisi 1954 Usman yang terkenal itu - "Pak Utih".

Dan walau apapun, saya memang menantikan pementasan di sawah padi Sungai Besar, pada 12 dan 13 Ogos ini. Marilah menontonnya bersama dengan saya. ■

Menaruh harapan sekian kalinya untuk tumpaskan Umno

Oleh **ABU FIRDAUS**

JUMAAT lalu, 14 Julai adalah hari bersejarah bagi gerakan alternatif Malaysia. Buat pertama kalinya seorang bekas Perdana Menteri yang pernah mengetuai kerajaan telah menyertai pimpinan gerakan alternatif bagi menumbangkan gabungan parti pimpinan Umno untuk sekian kalinya.

Tidaklah dapat diramalkan sama ada Pakatan Harapan yang diketuai oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim dan dipengerusikan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad akan berjaya menumbangkan kerajaan pimpinan Umno. Sekali lagi harapan diberikan kepada penyokong-penyokong gerakan alternatif.

Sejak Malaya merdeka dan Malaysia ditubuhkan, pendukung-pendukung gerakan alternatif berusaha untuk menjatuhkan Umno tetapi gagal. Sudah banyak pendukung gerakan alternatif yang telah meninggal dunia tidak sempat melihat Umno tumbang. Tetapi tidak kurang pula yang masih hidup dan terus bersama gerakan alternatif untuk menjatuhkan Umno.

Bagi kebanyakan pendukung Parti Amanah Negara, mereka berada dalam gerakan alternatif melalui parti lain sejak sekitar tahun 1980-an. Ada yang lebih berusia mendukung gerakan alternatif lebih awal lagi. Tidak kurang pula yang menyertainya kemudian daripada itu.

Istilah yang digunakan terhadap gerakan alternatif dalam banyak masa ialah pihak pembangkang. Tetapi sekitar tahun 1998, ketika tercetusnya gerakan Reformasi. Maka diungkapkan bahawa pihak pembangkang membawa konotasi mereka tidak akan menang dan jadi kerajaan. Maka dipilihlah istilah sesuai iaitu gerakan alternatif. Sementara gabungan parti alternatif ini dinamakan Barisan Alternatif yang ketika itu disertai oleh Parti Keadilan Nasional, Pas, DAP dan Parti Rakyat Malaysia (PRM).

Ketika itu Barisan Alternatif diketuai oleh Anwar yang baharu dipecat daripada kerajaan Barisan Nasional. Matlamat Barisan Alternatif adalah untuk menawarkan kerajaan alternatif bagi menggantikan Barisan Nasional yang diketuai oleh Umno pimpinan Dr Mahathir.

Kini Umno masih berkuasa di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak. Tetapi Dr Mahathir telah keluar Umno, menubuhkan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) dan menyertai Pakatan Harapan untuk menawarkan sebuah kerajaan alternatif.

Semua pendukung dan parti dalam Pakatan Harapan mempunyai sebab berbeza mengapa mereka mahu menjatuhkan kerajaan yang ditunjangi Umno itu. Bagi Dr Mahathir, tindakan beliau bukanlah kerana menentang parti Umno dan fahamannya. Umno yang pada awalnya didaftar sebagai Umno Baru diasaskan oleh beliau sendiri untuk meneruskan perjuangan Umno asal.

Tetapi tindakan Dr Mahathir menubuhkan PPBM dan menentang Umno adalah kerana menganggap kerajaan Barisan Nasional itu adalah sebuah kleptokrasi iaitu pemerintahan yang mencuri duit rakyat ekoran skandal 1MDB. Umno perlu ditentang kerana ia mendukung kleptokrasi itu.

Sementara pengalaman Anwar berbeza pula. Walaupun beliau pernah menjadi Timbalan Presiden Umno Baru di bawah Dr Mahathir, beliau mempunyai fahaman politik berbeza daripada Umno. Setelah dilayan buruk oleh Dr Mahathir pada tahun 1998, beliau menolak fahaman Umno dan memperjuangkan konsep keadilan masyarakat, dengannya menawarkan satu kerajaan alternatif melalui Barisan Alternatif, yang kemudian digantikan dengan Pakatan Rakyat dan kini Pakatan Harapan.

Bagi pendukung AMANAH pula, mereka menolak fahaman politik Umno sejak sebelum pilihan raya tahun 1986. Pada masa itu melalui Pas, kebanyakan pendukung AMANAH menolak fahaman politik Umno atas hujah-hujah agama. Mereka terus menentang Umno melalui pelbagai gabungan parti iaitu Harakah Keadilan Rakyat, Angkatan Perpaduan Ummah, Barisan Alternatif dan Pakatan Rakyat. Kini dalam AMANAH, melalui Pakatan Harapan mereka terus menentang Umno. Ini kerana ada sesuatu yang tidak kena pada Umno. ■

Kayin ikut jadi merah

OHN MAR menunjukkan skrin telefon bimbit beliau kepada saya. Sebuah portal tempatan menyiarkan rajah digital peta Myanmar yang sudah ditandakan dengan warna merah di Yangon. Merah adalah warna yang melambangkan NLD.

Saya segera menghubungi ibu pejabat. Di talian adalah teman rapat dari Filipina, Kristina. Ternyata beliau sendiri tidak dapat menyembunyikan kegembiraannya. "Ya, NLD menang di Yangon, dan perlahan-perlahan nampaknya di negeri-negeri lain!"

Malam itu, neutraliti saya sedikit hilang. Saya tidak boleh menyembunyikan perasaan gembira. Saya bukan penyokong NLD, saya adalah penyokong perubahan. Apa yang sedang berlaku biarpun di negara orang, cukup mengharukan saya.

Ohn Mar kelihatan teruja dan tidak lagi letih. Seorang demi seorang anggota keluarga dan teman-temannya ditelefon untuk memaklumkan berita yang baru diterima itu.

"Adam, bolehkah kita keluar untuk melihat kotak-kotak undi yang lain?" tanya Ohn Mar. Saya bersetuju. Letih saya juga mulai hilang dek keterujaan. Roisai yang saya hubungi menolak untuk ikut, terlalu letih katanya.

Htay Hlaing sedang tidur di dalam kereta, juga terlalu letih untuk pulang ke bilik hotelnya. Saya menggerakkan beliau dan menawarkan diri untuk memandu. Tidak terlalu jauh pun, hanya ke tengah pekan yang sudah lengang. Tersenyum lebar beliau.

"Saya selalu bermimpi kalau satu hari nanti boleh duduk di kerusi belakang dan dipandu oleh orang lain, macam orang kaya," ujar Htay Hlaing. "Di Malaysia, saya tidak pernah pun duduk di belakang. Hanya di sini sahaja, itu pun atas arahan majikan. Saya lebih gemar memandu sendiri," jawab saya.

Kami langsung ke sebuah stesen mengundi paling dekat yang masih belum tamatmengira. Lampu yang ada cukup malap, dihidupkan hanya menggunakan generator seperti di pasar malam. Malam sudah lewat; jam 1.00 pagi. Biar lewat, masih ramai yang menunggu. Ada yang membawa anak kecil bersama-sama. Mereka ini wakil-wakil parti dan petugas pusat mengundi.

Saya merasa terharu. Dalam keadaan serba kekurangan, mereka terutama sekali pekerja dan pegawai pusat mengundi yang majoritinya adalah golongan ibu dan wanita muda tidak pun meninggalkan tugas mereka.

Mengira ribuan kertas undi dengan lampu dan elektrik yang terhad menunjukkan tekad dan komitmen tinggi mereka kepada proses demokrasi yang julung kali berlaku di negara mereka. Mereka ini sudah bertugas dari awal pagi lagi. Ada yang tertidur di hujung meja.

Setelah hampir setengah jam sejak kami tiba; pengiraan tamat. Sekali lagi, NLD diisyti har menang dengan mengaut majoriti undi di kotak tersebut.

Saya sudah tidak skeptikal lagi seperti awal petang di kem tentera. Saya mulai yakin, esok negara ini akan mencatat sejarah baharu buat rakyatnya. Majoriti yang diterima terlalu besar untuk mana-mana pihak cuba untuk sabotaj. Kalau lampu terpadam pun, mereka tetap akan terus mengira dalam gelap.

Telefon bimbit saya juga mulai dihujani pesanan dari teman-teman seorganisasi yang bertugas di negeri-negeri lain. Kecuali Rakhine dan Shan, negeri-negeri lain juga mulai melaporkan kemenangan awal NLD.

Myanmar sudah mulai bertukar merah. Kemenangan sudah hampir pasti. Kayin dan Mon yang berada di bawah kami masih perlu menunggu esok sebelum dapat dituntaskan keputusannya.

Keesokan paginya kami berkunjung semula ke pusat penjumlahan undi. Di tengah dewan, kami mengikuti perbincangan terakhir dalam menentukan keputusan pilihan raya Hpa-An dan daerah-daerah lain.

Kami turut diminta memberi keterangan tentang kotak undi bermasalah yang ditemui di kem tentera. Tanpa bias, kami cuma mengesahkan bahawa memang terdapat angka yang tidak tepat ketika kertas undi dikira. Bukan pula hak dan kuasa kami untuk menentukan keabsahan kotak undi tersebut. Itu adalah bidang kuasa mereka.

Beberapa wakil parti yang masih belum berpuas hati buka bicara masing-masing. Wartawan dan pihak berkuasa mengelilingi meja perbincangan. Setelah selesai bertegang urat, akhirnya SPR membuat keputusan. Dengan menjumlahkan semua undi yang telah pun selesai dikira sebelum ini, dan membatalkan kotak undi dari kem tentera; NLD diumumkan menang di Hpa-An.

Dengan terurainya kekalutan di Hpa-An, keputusan dari daerah lain juga dapat akhirnya diluluskan bersama. Di luar dewan, NLD diumumkan sebagai pemenang di Kayin, kebetulan tepat sehari sebelum sambutan hari rasmi negeri tersebut, Hari Kayin. Ohn Mar, anak jati negeri ini bergenang air mata.

Telefon saya berbunyi. Panggilan dari Mawlamyine oleh Tharindu dan Tom, wakil kami di sana. Apabila saya dan Roisai berkampung di Kayin dan meninggalkan Mon, mereka berdua dihantar sebagai pemantau tambahan dari Yangon untuk memantau proses yang sama di Mon dengan berbekalkan dapatan dan maklumat yang telah kami kumpul ketika di sana. Tharindu memaklumkan kemenangan rasmi NLD di Mon.

Malam itu di tengah pekan, Festival Hari Kayin membuka tirai, seolah menyambut hari baru dalam lipatan sejarah negeri tersebut sendiri. Di tengah gegak gempita warga Hpa-An yang sedang bergembira, bendera Kayin berkibar serentak dengan bendera NLD.

Semuanya berlaku seperti mimpi, bukan hanya buat warga Kayin, juga buat saya. Kayin ikut menjadi merah. Perubahan yang diperjuangkan bukan lagi angan-angan, tapi sudah menjadi kenyataan.

Nasi putih, kuah kosong ketuk pintu istana

MENJUNJUNG kasih kepada Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Raja Zarith Sofiah Almarhum Sultan Idris Shah Al Mutawkil Alaihi Shah di atas respons baginda terhadap berita yang disebarkan melalui portal berita *Malaysia Dateline* sebelum dipetik *Malaysia Review* yang disiarkan Facebook peribadi baginda.

Terima kasih atas keprihatinan baginda yang memberi maklum balas berkenaan isu pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang tidak mampu membeli makanan sehingga ada yang memakan nasi putih dan kuah kosong sahaja bagi mengalas perut.

Pastinya, rakyat marhaen seperti saya akan merasakan kenyataan ini adalah suatu anugerah Tuhan yang tidak terhingga terhadap hambaNya. Tidak terduga laporan nasib pelajar berkenaan berjaya menggamatkan suasana sehingga mengetuk pintu istana negeri Johor.

Tiada lain niat saya dalam pendedahan real-iti tersebut melainkan hanya memperjuangkan nasib rakyat tanpa mengira bangsa, agama dan sudah semestinya perjuangan untuk semua lapisan masyarakat. Mulanya hanya mahu mengutarakan masalah berkaitan kos harga barang yang semakin hari menjerut rakyat.

Sehingga tiba detiknya saya bersama pengarah program *Jelajah Live Bongkar* ini bertemu dengan seorang peniaga restoran yang membawa kepada kisah sedih yang dialaminya apabila melihat sendiri nasib pelajar yang tidak punya cukup wang.

Kebetulan, restorannya tempat pelajar UTHM mendapatkan makanan. Dari kebetulan itulah cerita ini timbul sehingga berlanjutan lebih dua minggu selepas rakaman video secara langsung dimuat naik dalam akaun Facebook pengarah program Suhaizan Kaiat yang membawa kepada 40,000 tontonan.

Akhirnya apabila pendedahan itu disiar di portal berita tempat saya bertugas iaitu *Malaysia Dateline* telah mendapat sambutan yang menggalakan sehingga dikongsi *Malaysia Review* yang turut menyebar-luaskan pengaruh berita itu. Kemuncaknya apabila Sultanah Negeri Johor Darul Takzim.

Raja Zarith Sofiah pula berkongsi di laman Facebook baginda sehingga mencetuskan bualan hangat di laman maya.

Saya tidak pernah menyangka perkara ini akan berlaku. Tapi bagi saya itulah kuasa media yang pernah diperkatakan 'orang lama' dalam dunia media tanah air seperti Ahmad Lutfi Othman dan Zul Sulong yang kerap kali mengungkap kenyataan berkenaan dengan kuasa media ini. Ramai yang bertemu saya menyatakan ucapan tahniah di atas respons masyarakat dan juga Sultanah Johor.

Ada juga ramai yang berkata, portal *Malaysia Dateline* mempunyai kekuatannya yang tersendiri sehingga berita dari portal mereka berjaya membawa suatu gegaran yang dahsyat. Saya percaya ini adalah kekuatan media baru dan selain kuasa Tuhan yang membantu menggerakkan hati manusia untuk memberikan kesan lebih mendalam.

Sehingga saat ini, apa yang berlaku terhadap perkara yang disebutkan di atas ini menjadi mimpi indah bagi saya secara peribadi kerana siapalah diri saya ini untuk suaranya didengari. Namun, pengalaman manis ini turut menjadi lebih indah apabila secara azalinya perjuangan saya untuk memartabatkan rakyat berjaya didengari oleh pihak yang mempunyai kuasa seperti pihak istana.

Saya bersyukur kerana perjuangan krew 'Live Bongkar' berjaya mencapai misinya. Saya yakin perkara ini menjadi tatapan kami seluruh krew untuk berkerja lebih keras lagi dalam menjayakan matlamat memperjuangkan nasib golongan bawahan agar didengari nasib mereka.

Ada yang mengutarakan pertanyaan baik di laman maya mahu pun secara nyata berkenaan nasib pelajar UTHM. Bagi saya bukan sahaja nasib pelajar UTHM yang berlaku sebegitu rupa. Hakikat ini berlaku dan saya yakin ia turut membabitkan semua universiti serta Institut Pengajian Tinggi (IPT) lain.

Perkara ini berlaku apabila sebuah keluarga dari kalangan pelajar itu yang sudah tidak mampu untuk membiayai kos bulanan seorang pelajar itu adalah sebab mengapa perkara sedaif ini berlaku. Orang mungkin boleh berkata itu adalah perkara yang perlu dilalui oleh seorang pelajar jika ingin berjaya. Bagi saya pula kenyataan itu salah dan silap.

Sebagai kerajaan yang dicanangkan prihatin, pendidikan adalah faktor utama dalam menjayakan sebuah negara. Jika setakat slogan 'Transformasi Nasional' tanpa disusuli tindakan hasrat itu hanya menjadi tugu kata-kata tanpa sebarang pengertian lantaran tidak mampu dimanfaatkan masyarakat.

Justeru, kata-kata yang perlu diikuti dengan tindakan. Sekali lagi saya berbesar hati kerana ada golongan yang tertinggi di dalam sebuah negeri seperti Johor ini mengambil tindakan dan respons terhadap perkara yang berlaku. Masyarakat akan menghormati institusi raja di negeri ini kerana mengambil tahu masalah marhaen di bawah naungan mereka.

Dirakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada seluruh krew *Malaysia Dateline* dan juga krew *Jelajah Live Bongkar* yang berjaya membawa suara rakyat bawahan sehingga ke hadapan pihak tertinggi. Ribuan terima kasih atas keprihatinan Raja Zarith Sofiah.

Harapnya di negeri lain juga akan wujud golongan tertinggi yang akan sama-sama memberi respons seperti yang berlaku di Johor ini agar nasib seluruh masyarakat di tanah air ini dapat didengari pihak berkaitan. Selain pemimpin yang mana hari ini tidak dapat memenangkan rakyat, masih ada lagi jalan untuk rakyat bersama dalam menjayakan misi mereka 'hidup di Malaysia' hari ini.

Sinar Aidilfitri

Oleh **HARIMAU PUTIH**

PAK YOB masih tidak berganjak daripada meja makan walaupun semangkuk bubur lambuk yang terhidang di atas meja sebagai juadah berbuka puasa sudah selesai dijamahnya. Fikirannya melayang jauh memikirkan nasib keluarganya yang serba kekurangan, tidak seperti orang lain. Rasa sayu mulai bertapak dalam hatinya.

"Kenapa dengan abang ni? Makanan dah habis tapi abang tak bangun pun dari tadi. Abang ada masalah ke?" tanya Mak Sodah yang aneh melihat suaminya asyik termenung dari tadi.

"Abang sedih sangat fikirkan nasib keluarga kita. Raya dah nak dekat tetapi baju raya pun abang belum beli untuk kita dan anak-anak."

Pak Yob menundukkan kepalanya. Terlalu berat dugaan yang menimpanya itu. Hari Raya Aidilfitri sepatutnya disambut meriah oleh semua umat Islam tetapi tidak untuk Pak Yob dan keluarga.

"Tidak mengapalah abang. Saya faham abang tak cukup duit untuk beli baju raya tahun ni. Baju yang lama masih elok dan boleh dipakai. Anak-anak kita pun faham keadaan abang sekarang. Abang janganlah risau," Mak Sodah cuba menenangkan Pak Yob yang sedang bersedih.

Sebenarnya, ini bukan kali pertama Pak Yob dan keluarga tidak merasai nikmat beraya seperti orang lain. Mereka hidup dalam keadaan yang sangat daif. rumah mereka terletak di sebidang tanah rizab yang beberapa hari lagi akan dirobohkan oleh kerajaan.

Gaji Pak Yob sebagai tukang kebun di sebuah sekolah rendah memang tidak cukup untuk membeli barang-barang persiapan raya. Gajinya hanya cukup untuk perbelanjaan makan dan minum mereka sekeluarga sehari-harian.

Bukan setakat tiada baju raya, makanan tradisi Melayu semasa hari raya iaitu kuih raya juga tidak akan dapat mereka rasa kerana Pak Yob tidak mempunyai wang yang cukup bagi membeli bahan-bahan untuk dibuat kuih.

Itulah nasib mereka setiap kali hari raya tiba. Mereka tidak seperti orang lain yang awal-awal lagi sudah memenuhi pasaraya untuk membeli baju raya. Apa yang mereka ada hanyalah baju lama yang masih elok untuk dipakai pada hari lebaran.

Tahun lepas nasib Pak Yob dan keluarga berbeza kerana suatu pilihan raya kecil telah diadakan dua minggu selepas hari raya. Bagi memancing undi, ramai wakil daripada sebuah parti turun padang dan memberikan bantuan yang banyak kepada Pak Yob. Namun, itulah kali pertama dan kali terakhir Pak Yob merasa bantuan mereka.

Sebaik sahaja pilihan raya kecil itu tamat dan sehinggalah hari ini, tiada langsung wakil daripada parti itu yang sudi untuk turun padang bagi menjenguk dan memberi perhatian kepada nasibnya.

"Kau tengoklah parti tu, Sodah. Dulu masa nak pilihan raya, macam-macam mereka bagi. Sekarang, muka kita pun mereka tak sudi nak lihat. Mereka berjanji nak perjuangkan bangsa kelmarin, kini dan selamanya konon,"

"Kau tengoklah parti tu, Sodah. Dulu masa nak pilihan raya, macam-macam mereka bagi. Sekarang, muka kita pun mereka tak sudi nak lihat. Mereka berjanji nak perjuangkan bangsa kelmarin, kini dan selamanya konon," kata Pak Yob kesal.

"Betul tu abang. Saya kesal dengan sikap mereka. Mereka hanya nampak kita ketika waktu pilihan raya untuk meminta simpati kita bagi mengundi mereka. Mereka asyik melaungkan janji mahu memperjuangkan bangsa tetapi sekarang tengoklah. Nasib bangsa sendiri dah tak terjamin," Mak Sodah melepaskan semua penyesalannya.

Sejak itu, mereka tidak dapat lagi menaruh kepercayaan terhadap parti tersebut. Sebelum ini, mereka merupakan penyokong tegar parti tersebut. Mereka sedar parti itu hanya menggunakan mereka bagi memenangi kerusi di kawasan mereka itu.

Hati Pak Yob terus dilanda sayu dan hiba. Dia sangat mengharapkan suatu keajaiban akan berlaku supaya dia dan keluarganya turut dapat menikmati nikmat hari lebaran.

"Sabarlah abang. Mungkin bukan rezeki kita untuk beraya dengan ceria tahun ini. Mungkin tahun depan Allah menyediakan rezeki yang melimpah-ruah kepada kita."

Sedang asyik Mak Sodah dan Pak Yob berbual, tiba-tiba kedengaran pintu rumah mereka diketuk seraya bunyi orang memberi salam. Mak Sodah segera menuju ke muka pintu untuk melihat siapa yang datang.

Kelihatan beberapa orang pemuda berbaju serba jingga sebaik sahaja Mak Sodah membuka pintu. Melihat kepada lambang di baju mereka, Mak Sodah sudah tahu mereka daripada parti mana.

"Maafkan saya. Sekarang bukan musim pilihan raya," kata Mak Sodah.

Pemuda-pemuda tersebut tersenyum mendengar kata-kata Mak Sodah itu. itu sebenarnya bukanlah cara perjuangan mereka. Itu adalah cara perjuangan sebuah parti bercorak perkauman yang sudah lapuk dan akan tumbang tidak lama lagi.

"Ya. kami tahu itu mak cik. Kami datang sini bukan untuk memancing undi tetapi untuk memberikan bantuan kepada keluarga mak cik bersempena dengan hari raya Aidilfitri yang akan kita sambut tidak lama lagi," jelas salah seorang daripada pemuda itu.

Mereka kemudiannya dipersilakan masuk ke dalam rumah. Salah seorang daripada pemuda itu menjelaskan secara terperinci tentang tujuan mereka ke mari kepada Mak Sodah dan juga Pak Yob. Setelah mendengar penjelasan itu, barulah Mak Sodah dan Pak Yob faham bahawa pemuda-pemuda itu datang untuk memberikan bantuan kepada mereka.

Pemuda-pemuda itu menyumbangkan set baju raya, beras, gula, susu dan pelbagai lagi barang dapur yang lain. Mereka juga turut menghulurkan bantuan kewangan sebanyak RM400 kepada Pak Yob. Pak Yob dan Mak Sodah berasa sangat terharu dengan bantuan itu. Allah telah memakbulkan doa mereka. Mereka dapat menyambut Hari Raya Aidilfitri seperti orang lain juga.

"Saya sangat berterima kasih kepada saudara semua. Bantuan ini sangatlah bermakna buat saya. Semoga Allah membalas budi baik saudara semua dan juga parti politik saudara yang telah membantu kami," kata Pak Yob.

Itulah sebenarnya perjuangan sebuah parti baru yang sentiasa komited dalam mebantu rakyat. Parti ini tidak hanya menolong rakyat ketika musim pilihan raya tetapi pada setiap masa. Pak Yob tersenyum gembira. Dia sungguh bersyukur kerana harapannya untuk menyambut Aidilfitri kembali bersinar.

Kirim cerpen dan puisi kepada karyakreatifamanah@gmail.com untuk disiar di halaman ini setiap minggu.

SAJAK

KAYU, ULAT DAN MANUSIA

alkisah sepohon kayu
dulu hijau merimbun
kini melayu
makin melayu
takutkan ulat bulu
yang telah lama
jadi rama-rama
yang indah.

alkisah ulat bulu
telah belajar jadi kepompong
dan pecah, pow!
jadi rama-rama
yang indah
mensyukuri
hidup tak lama
menghias perkebunan manusia.

alkisah sekebun manusia
ada yang muda sebagai ulam
tapi tua tak boleh ditumpang
ada muda berbulu menyakitkan
tuanya bisa tapi mengubat
adat hidup bila dah lama
masa silam bukan ukuran
asal mati sebagai madu.

NAJMUDDIN YUSOFF

SAJAK

KAMI MENUNGGU DATANGNYA SESEORANG

Masih di sini
kami menunggu datangnya seseorang
yang membawa pelita menerangi kekelaman
kerana tahu persoalan hidup kami sehari-hari
sudah sekian musim berlalu
lenguhnya hati hanya Tuhan saja yang tahu

Esok pun masih di sini
kami menunggu datangnya seseorang
yang sudi membagi satu perubahan
duka yang kami hirup saban hari ini
berganti derai tawa yang dirindui

MOHD ADID AB RAHMAN

Umno ulangi perangai gengster

MELAKA: Umno mengulangi sikap tidak bertamadun apabila mensabotaj tapak program jamuan Aidilfitri Pakatan Harapan Melaka di Dataran Bukit Baru, dekat sini, tegas Timbalan Pengerusi AMANAH Melaka Mohd Sofi Abdul Wahab.

Beliau berkata, jamuan Aidilfitri itu dijadual berlangsung 15 Julai lalu dan Pakatan Harapan sudah membuat tempahan awal.

Bagaimanapun Umno tanpa segan silu menggunakan dataran tersebut dan mengadakan program jamuan hari raya pada tarikh dan masa yang sama.

"Sebagaimana biasa mereka bertemu dengan tuan tanah dan mungkin menawarkan wang sewa yang jauh lebih tinggi dari kadar sewaan yang dibayar oleh Pakatan Harapan. Mungkin juga tuan tanah diugut. Ini kerana kerja-kerja jahat seperti ugut, pukul ala gengster ini sudah sebati dengan mereka," ujar Sofi.

Dalam satu insiden berasingan, Ketua Armada PPBM Melaka telah ditumbuk dan dipaksa makan cili selepas tercetus perbalahan tentang pemasangan bendera parti sempena program sambutan Aidilfitri PPBM peringkat nasional di Tanjung Kling.

Sofi yang juga bekas Yang Dipertua Pas Bukit Katil menambah, sebelum pilihan raya umum lalu, Umno melalui pihak berkuasa tempatan pernah 'merampas' 'merampas' Markas Pas di Bukit Baru, malah mahu merobohkan Pasti dan Pejabat Pas Kawasan Bukit Katil atas alasan ingin membina jalan baru.

"Rakyat tidak lupa perangai mereka yang akan mengadakan ceramah di sebelah majlis ceramah parti pembangkang. Malah peristiwa penyokong Pakatan Rakyat cedera di kepala semasa ceramah (Datuk Seri) Anwar Ibrahim di atas tanah Haji Yassin Abd Ghani masih segar dalam ingatan," katanya.

Akibatnya kata Sofi, rakyat menghukum Umno-BN pada PRU13 apabila dua kerusi tradisi Umno iaitu Parlimen Bukit Katil dan Dun Bukit Baru jatuh ke t angan Pakatan Rakyat.

"Kini Umno mengulangi perangai tidak bertamadun itu. Mereka tidak pernah serik dan tidak belajar dari peristiwa lalu," katanya.

Para pemimpin Pakatan Harapan Melaka memprotes tindakan Umno mensabotaj tapak program sambutan Aidilfitri dengan mengadakan program yang sama pada hari dan masa yang sama.

Atasi pencemaran sungai bagi elak kencing tikus

BATU PAHAT: Kerajaan Negeri Johor didesak mengambil langkah segera bagi menangani isu yang timbul ber-kaitan sungai yang tercemar di negeri itu.

Langkah ini juga penting bagi memastikan keselesaan rakyat dalam melaksanakan tugas seharian tanpa curiga dan bimbang ketika menggunakan air.

Naib Pengerusi AMANAH Johor Dr Sulaiman Md Noor berkata, pencemaran sungai dan tempat rekreasi yang kotor serta tidak diurus dengan baik akan menjejaskan industri pelancongan di negeri itu dan secara langsung memberi kesan kepada ekonomi negeri.

"Sebelum ini pihak kami juga telah beberapa kali menegaskan berkenaan dengan tahap pencemaran sungai hasil buangan sampah dan bahan kimia yang membimbangkan seperti di sungai Ulu Benut.

"Sekali lagi pihak kami mendesak agar tindakan yang proaktif perlu segera diusahakan oleh Kerajaan Negeri Johor di bawah pentadbiran Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin agar pencemaran sungai berada pada tahap minima," ujar beliau.

Dr Sulaiman menambah, kerajaan negeri perlu berusaha mencapai tahap sifar pencemaran, melaksanakan pengurusan sampah dan sisa pepejal dengan lebih baik termasuk menganjurkan kempen kesedaran yang lebih meluas tentang pentingnya kebersihan sungai kepada warga Johor.

Dr Sulaiman Md Noor

Beliau melahirkan kebimbangan dengan dua kejadian membabitkan penyebaran virus kencing tikus termasuk insiden seorang remaja yang meninggal dunia selepas mandi di air terjun Gunung Pulai.

"Terkini adalah berkaitan punca kematian adik Mohammad Thaqif Amin Mohd Gaddafi yang juga disahkan berpunca daripada kencing tikus.

"Isu ini membimbangkan rakyat negeri Johor yang rata-rata mereka adalah pengguna air dan juga pengunjung tempat-tempat berlibur seperti taman rekreasi.

"AMANAH Johor turut melahirkan kebimbangan dengan kematian yang berlaku akibat kencing tikus apatah lagi kematian Mohammad Thaqif disebabkan penyakit kencing tikus yang unik yang belum pernah dilapor dalam negara ini," katanya.

Menurut beliau, punca kencing tikus adalah disebabkan keadaan sungai dan tempat tali air yang tercemar lalu menjadi tempat sarang tikus hasil dari sampah sarap dan kotoran di sungai dan tali air.

Awan Selangor saran Harapan fokus bela rakyat

SHAH ALAM: Angkatan Wanita AMANAH (Awan) Negeri Selangor mengucapkan syabas dan tahniah di atas kejayaan Majlis Pimpinan Pakatan Harapan membentuk struktur kepimpinan dan pelancaran logo HARAPAN, 13 Julai lalu.

Ketuanya, Rawiyiah Zakaria menyifatkan perkembangan itu sebagai bukti kesepakatan parti komponen Pakatan Harapan untuk menumbangkan pemerintahan lebih setengah abad BN pada pilihan raya umum (PRU) akan datang.

"Wanita AMANAH Selangor percaya, tsunami politik pada PRU ke-12 dan ke-13 menjadi bukti asas bahawa konsep muafakat politik seperti ini sememangnya mampu melakukan perubahan politik yang memberansangkan sehingga Pakatan Rakyat berjaya mendapatkan 56 peratus undi popular pada PRU lepas.

"Malahan sekiranya diolah dengan cara dan strategi yang lebih baik, koalisi ini mampu mencetuskan perubahan yang lebih besar walaupun dalam kepincangan dalam amalan demokrasi di negara ini.

"Inilah yang paling digeruni oleh BN sehingga melakukan pelbagai tipu daya untuk memecahbelahkan kerjasama di kalangan parti pembangkang," katanya.

Rawiyiah menambah, Awan Selangor menaruh kepercayaan tinggi bahawa keadaan negara akan menjadi lebih baik dari aspek politik, ekonomi dan sosial sebaik sahaja Pakatan Harapan berjaya mengambil alih kerajaan pusat pada PRU akan datang.

Hal ini, katanya telah dibuktikan melalui Kerajaan Pakatan Harapan di negeri-negeri yang telah dikuasai apabila Pulau Pinang dan Selangor mampu mempamerkan model urus tadbir yang baik, telus, cekap, beramanah, bertanggungjawab dan mengutamakan kebajikan rakyat.

"Inilah nilai-nilai Islam yang telah berjaya kita laksanakan melalui kesepakatan dalam Pakatan Harapan yang memenuhi tuntutan maqasid syariah iaitu pemeliharaan lima prinsip asas (dharuriyyah al-khamsah) iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta," ujarnya.

Sehubungan itu, Awan Selangor menyeru seluruh rakyat supaya memberi dokongan penuh dan memastikan Pakatan Harapan dapat membentuk kerajaan di Selangor dan di peringkat persekutuan dalam PRU akan datang.

Awan Selangor juga, tambah beliau bersedia dan menyambut baik segala usaha penubuhan Pakatan Harapan di Negeri Selangor khususnya penubuhan sekretariat Wanita Pakatan Harapan Negeri Selangor.

"Wanita AMANAH Selangor amat berharap agar Pakatan Harapan berusaha keras memulakan gerak kerja bersama bagi memastikan Pakatan Harapan terus utuh dan memberi keyakinan kepada rakyat sebagai kerajaan bukan sahaja di Selangor tetapi ke Putrajaya," tegas beliau.

Tian Chua akhirnya kesal dengan Pas

KUALA LUMPUR: Keadilan kesal dengan tindakan Pas melancarkan jentera pilihan raya di Parlimen Permatang Pauh pada 16 Julai lalu.

Naib Presidennya Tian Chua berkata, tindakan Pas itu adalah satu provokasi, gambaran keangkuhan dan tidak membantu usaha menewaskan Umno-BN dalam pilihan raya umum (PRU) akan datang.

"Pendirian Pas yang berikrar ingin menawan Permatang Pauh akan dipandang seolah-olah parti-parti pembangkang bercakaran sesama sendiri.

"Sikap ini bercanggah dengan kenyataan pemimpin-pemimpin Pas yang menganggap ia masih sebahagian dari pihak pembangkang yang ingin mengalahkan Umno-BN pada PRU14 kelak," katanya dalam satu kenyataan media, 19 Julai lalu.

Naib Presiden Pas Idris Ahmad pada 16 Julai telah melancarkan jentera pilihan raya Pas dalam program di Kubang Semang yang dihadiri kira-kira 500 ahli dan penyokong parti itu.

Yang dipertuanya, Omar Hassan dalam ucapannya meminta kepimpinan Pas membenarkan Pas kawasan meletakkan calon di kerusi pilihan raya Permatang Pauh.

Tian Chua yang juga ahli Parlimen Batu berkata, jika Pas bersungguh-sungguh menentang korupsi dan kezaliman Umno-BN, kepimpinannya harus menghentikan segala tindakan yang mencabar kesabaran Keadilan.

Permatang Pauh dikenali umum sebagai kerusi Parlimen yang berkait rapat dengan Keadilan dan menjadi lambang kebangkitan rakyat melalui gerakan Reformasi sejak PRU 1999.

Sejak itu, Parlimen Permatang Pauh telah dimenangi Keadilan sebanyak enam kali dalam pilihan raya umum dan kecil.

"Sudah tentu Keadilan sanggup mempertahankan kerusi Parlimen Permatang Pauh dengan kekuatan sendiri," tegasnya yang selama ini dilihat bersikap lunak dengan Pas.

Segera bentuk Pakatan Harapan Selangor

SHAH ALAM: AMANAH Negeri (Selangor menyarankan Pakatan Harapan negeri dibentuk secepat mungkin ekoran pembentukan struktur kepimpinan dan pelancaran logo gabungan politik itu di peringkat nasional.

Pengarah Komunikasinya, Jamzuri Ardani juga berharap agar organisasi Pakatan Harapan di peringkat parlimen dan dewan undangan negeri (Dun) dibentuk secara rasmi bertujuan memantap dan mengukuhkan usaha bersama menghadapi BN dalam pilihan raya umum akan datang.

"AMANAH Negeri Selangor meraikan dan mengucapkan tahniah di atas kejayaan Majlis Pimpinan Pakatan Harapan membentuk struktur kepimpinan dan pelancaran logo Harapan dalam usaha mendaftarkan Pakatan Harapan sebagai sebuah entiti politik rasmi mewakili gabungan empat parti utama iaitu DAP, Keadilan, AMANAH, dan PPBM.

"Kejayaan ini memberikan kelegaan kepada seluruh pendokong dan penyokong Pakatan Harapan di seluruh negara sebagai satu tanda aras penting dalam usaha menjatuhkan rejim kleptokrat BN di peringkat persekutuan," katanya dalam satu kenyataan media.

Namun beliau meyakini masih banyak cabaran besar yang perlu dihadapi Harapan bagi memastikan matlamat menyelamatkan dan membina semula negara ini tercapai.

Bagaimanapun, tambah beliau AMANAH Selangor memberikan sepenuh keyakinan kepada Majlis Pimpinan Pakatan Harapan untuk merencana, membuat keputusan dan seterusnya mengendali segala usaha membebaskan rakyat dari kongkongan rejim kleptokrat BN.

"Rakyat sedang memerhati, menilai, dan menanti langkah-langkah politik seterusnya yang bakal ditampilkan kepada rakyat oleh Pakatan Harapan.

"Kami juga mendesak pihak Pendaftar Pertubuhan dan SuruhanjayaPilihanraya agar dapat segera memberikan kelulusan ke atas permohonan pendaftaran dan logo Pakatan Harapan tanpa mencipta pelbagai alasan untuk melengah-lengahkannya," tegas beliau.

AMANAH Selangor juga, tambahnya menyeru rakyat Selangor supaya berdiri teguh menyokong, membantu dan memastikan Harapan dapat membentuk kerajaan di Selangor dan di peringkat persekutuan dalam pilihan raya umum akan datang.

Para pemimpin Pakatan Harapan yang hadir pada majlis Aidilfitiri AMANAH Selangor di USJ, Subang Jaya bergambar ramai. Antara yang hadir Presiden AMANAH Mohamad Sabu, Speaker Dun Selangor Hannah Yeoh, Ahli Parlimen Shah Alam Khalid Samad, Ketua Awan Nasional Dr Mariah Mahmud dan Pengerusi AMANAH Selangor, Ir. Izham Hashim.

AMANAH Parit Buntar alu-alukan dasar 100 hari PH

PARIT BUNTAR: AMANAH Parit Buntar mengalu-alukan pengumuman dasar Pakatan Harapan (PH) untuk 100 hari pertama selepas mengambil alih Putrajaya.

Ketuanya, Ir. Mohamad Sufian Ahmad berkata, AMANAH Parit Buntar menyokong rancangan PH untuk menghapuskan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), menstabilkan harga petrol dan memberi fokus kepada usaha meringankan beban rakyat.

"Kami juga menyokong rancangan memulakan proses reformasi institusi secara menyeluruh, memerangi rasuah hingga ke akar umbi, menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja skandal 1MDB dan memulihkan Felda.

"Malah rancangan ini menepati agenda Islam dengan membawa agenda ekonomi untuk membantu dan meringankan beban rakyat," katanya ketika ditemui di Majlis Rumah Terbuka AMANAH Parit Buntar

"Kami juga menyokong rancangan memulakan proses reformasi institusi secara menyeluruh, memerangi rasuah hingga ke akar umbi, menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja skandal 1MDB dan memulihkan Felda.

"Malah rancangan ini menepati agenda Islam dengan membawa agenda ekonomi untuk membantu dan meringankan beban rakyat," katanya ketika ditemui di Majlis Rumah Terbuka AMANAH Parit Buntar

Para pemimpin PH yang hadir di Jamuan Aidilfitri AMANAH Parit Buntar.

Orang ramai menjamu selera di khemah yang disediakan penganjur.

di pekarangan Gerai Kita, Bagan Tiang, dekat sini, baru-baru ini.

Majlis sambutan Aidilfitri itu berlangsung meriah dengan kehadiran lebih 1000 penduduk daerah ini yang melebihi kehadiran tahun sebelumnya.

Sementara itu, Ir. Mohamad Sufian gembira dengan sambutan orang ramai ke majlis itu.

"Orang ramai datang bertali arus sejak jam 3.00 petang sehingga 5.00 petang dan Alhamdulillah makanan mencukupi untuk semua tetamu.

"Kehadiran ramai tetamu pelbagai kaum melambangkan sambutan baik penduduk setempat kepada Pakatan Harapan," katanya.

Orang ramai yang hadir dihidangkan dengan lemang, nasi himpit, apam balik, mi goreng dan pelbagai jenis kuih raya.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada Pemuda AMANAH kawasan, Awan dan cawangan-cawangan AMANAH di Parit Buntar yang membantu menyediakan juadah," katanya.

Hadir sama memeriahkan majlis Ahli Parlimen Parit Buntar Datuk Dr Mujahid Yusuf Rawa dan Adun Kuala Kurau Abdul Yunus Jamhari.

Pemaju digesa henti aktiviti di Bukit Sekilau

INDERA MAHKOTA: Projek Pemban-Pembangunan Perumahan di Bukit Sekilau harus diberhentikan serta merta ekoran kegagalan syarikat pemaju menyediakan Laporan PenilaianAlam Sekitar (EIA).

Pakatan Harapan Indera Mahkota dalam satu kenyataan berkata, aktiviti penggondolan Bukit Sekilau yang bakal dijadikan tapak pembangunan telah menimbul kemarahan penduduk Kuantan yang khuatir ia akan menjejaskan kehidupan penduduk setempat.

"Pertemuan di antara pihak kami dengan pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Pahang telah mengesahkan bahawa pemaju gagal menyediakan Laporan Penilaian Alam Sekitar (EIA) untuk kawasan cerun bukit yang sedang diusahakan.

"Pihak JAS menekankan bahawa hanya pelan untuk plot tanah rata depan yang dihantar untuk komen," ujar kenyataan itu

Sehubungan itu, Pakatan Harapan menggesa segala aktiviti di kawasan tersebut dihentikan serta merta sementara menunggu semua agensi terlibat membuat lawatan tapak.

"Kami ingin mendesak MCA dan Pegawai Khas Liow Tiong Lai Datuk Seri Andrew Wong Kean Hwee untuk meminta maaf kepada warga Kuantan atas kenyataannya yang menyatakan bahawa EIA tidak diperlukan untuk projek tersebut.

"Selain itu, janji beliau bahawa -syarikat tersebut akan tampil memberikan penjelasan juga tidak ditepati.

"Beliau wajib memohon maaf kepada semua warga Kuantan kerana mengabaikan keselamatan dan kesejahteraan penduduk-penduduk Kuantan khususnya Penduduk Bukit Sekilau," kenyataan itu dipetik.

Pakatan Harapan Indera Mahkota menekankan bahawa keseimbangan dalam memelihara alam sekitar dan menjalankan pembangunan akan diberikan keutamaan selepas Pakatan Harap mengambil alih tampuk kepimpinan negara.

AMANAH Kedah sokong Majlis Presiden

ALOR SETAR: AMANAH Negeri Kedah menyokong penuh keputusan yang dicapai Majlis Presiden Pakatan Harapan (HARAPAN) pada 13 Julai lalu yang membuka jalan kepada kerjasama kukuh parti-parti pembangkang bagi menghadapi BN dan seterusnya mengambil alih Putrajaya.

Pengerusinya, Datuk Dr Ismail Salleh dalam satu kenyataan berkata, AMANAH Kedah menyokong penuh 6 misi utama yang digariskan HARAPAN iaitu menurunkan kerajaan pimpinan kleptokrat; memulihkan kedaulatan dan keluhuran undang-undang negara; membatalkan dan memperbetulkan semua tindakan yang melanggar undang-undang dan menggadaikan kepentingan rakyat; membebaskan semua tahanan politik dan menggugurkan semua dakwaan politik; mereformasi undang-undang dan institusi negara; dan mengehadkan penggal perkhidmatan Perdana Menteri kepada dua penggal.

Tambah beliau, AMANAH Kedah turut menyokong penuh struktur kepimpinan Pakatan Harapan yang baharu dan tujuh janji 100 hari pertama setelah membentuk kerajaan iaitu menghapuskan GST; menstabilkan harga petrol; memberi fokus kepada usaha meringankan beban rakyat; memulakan proses reformasi institusi secara menyeluruh; memerangi rasuah hingga ke akar umbi; menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja Skandal 1MDB; dan memulihkan Felda.

"AMANAH Kedah juga menyokong penuh komitmen Pakatan Harapan untuk memohon pengampunan dan pembebasan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang akan dimulakan dalam tempoh seminggu selepas Pakatan Harapan membentuk kerajaan.

"Permohonan yang dikemukakan mengikut proses undang-undang ini akan membolehkan Datuk Seri Anwar Ibrahim kembali mengambil bahagian semula dalam politik negara sepenuhnya, " ujar beliau.

Sehubungan itu, beliau bagi pihak AMANAH negeri mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh kepimpinan komponen Pakatan yang telah berjaya mencapai persetujuan dan bersefahaman yang utuh bagi menyelamatkan Malaysia yang rosak teruk di bawah pemerintahan BN.

"AMANAH Kedah juga berbangga Pakatan Harapan sudah mempunyai satu logo yang mudah diingat dan berharap akan diluluskan oleh pihak Pendaftar Pertubuhan.

"Semoga Pakatan Harapan akan diterima rakyat dan memenangi pilihan raya umum ke-14 akan datang," ujar beliau lagi.

Pulau Pinang perlu kekal sebagai negeri industri

SEBERANG JAYA: Pulau Pinang perlu terus mengekalkan legasi 40 tahun sebagai negeri perindustrian dan keusahawanan bagi manfaat penduduknya, ujar Timbalan Ketua Menteri Datuk Mohd. Rashid Hasnon.

Berucap merasmikan Karnival Kerjaya Ke-5 dan Temu Duga Terbuka 'Industry Looking for Talens' di sebuah hotel dekat sini, baru-baru ini, Abdul Rashid berkata antara zon perindustrian terkenal di negeri ini adalah di Bayan Lepas dan Perai.

Sehubungan itu, tambah beliau syarikat-syarikat multinasional dan pelabur di negeri ini memerlukan bakat-bakat yang segar kompetetif, berilmu serta berpengalaman.

"Pulau Pinang juga tidak mempunyai sumber asli seperti minyak, gas asli, balak dan sebagainya, kita cuma ada anda sebagai bakat... peranan kerajaan negeri adalah membawa masuk pelabur-pelabur bagi menjana ekonomi negeri," ujar Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat negeri itu.

Hadir sama Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan negeri, Dr. Afif Bahardin dan Bendahari SME Seberang Perai, Leong Yook Kheong.

Karnival tersebut dianjurkan Pen Expo Event Sdn. Bhd. dan Persatuan Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (SME) Seberang Perai.

Lebih 2,000 orang pengunjung yang rata-ratanya dari wilayah utara hadir merebut peluang yang ditawarkan oleh 15 syarikat swasta yang mengambil bahagian.

Afif ketika berucap memberitahu, karnival kerjaya itu diadakan sebagai penghubung para pencari kerja terutamanya graduan baharu dengan majikan-majikan yang bertapak di Pulau Pinang.

"Diharap program ini juga dapat meningkatkan ekonomi individu dan sedikit sebanyak memberi sumbangan dalam komuniti dalam memperkembangkan sektor industri negeri," ujar beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Seberang Jaya.

Abdul Rashid menyampaikan sijil kepada seorang pengunjung.

Pasar malam jadi pusat sehenti penduduk

BAYAN BARU: Para peniaga kecil khususnya penjaja pasar malam dinasihati agar tidak mengambil kesempatan daripada pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) dengan menaikkan harga barangan jualan.

Timbalan Ketua Menteri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pantai Jerejak Datuk Mohd Rashid Hasnon berkata, tindakan itu bukan sahaja tidak beretika malah salah di sisi undang-undang.

"Janganlah kita (peniaga-peniaga kecil) bersikap seperti menangguk di air keruh.

"Walaupun cabaran sememangnya terasa setelah pelaksanaan GST, namun janganlah mengambil kesempatan di atas perkara tersebut dengan menaikkan harga sewenang-wenangnya hingga membebankan para pengguna.

"Sekiranya anda (peniaga) sedar, kebanyakan penduduk setempat menjadikan pasar malam sebagai dilapor disertai 100 kelab motospusat sehenti untuk mendapatkan barangan keperluan mingguan. Ini adalah kelebihan anda yang meniaga di pasar-pasar malam kerana dekat dengan pengguna," ujarnya.

Mohd Rashid menyerahkan khemah kepada seorang peniaga.

Abdul Rashid yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat turut menyerahkan khemah kepada penjaja kecil Di Pasar Malam Kampung Jawa, dekat sini.

Sejumlah 10 khemah disumbangkan kepada penjaja-penjaja terpilih di situ.

Hadir sama Pengerusi Jawatan kuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kampung Jawa, V. Thambusamy.

Dua kali azan Subuh di Pulau Pinang

GEORGETOWN: Walaupun pernah difitnah menghalang azan daripada dikumandangkan, Pulau Pinang melangkah setapak lagi dalam memperhebatkan syiar Islam dengan arahan azan dua kali bagi waktu Subuh.

Arahan itu dikeluarkan melalui surat Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang bertarikh 6 Julai lalu yang ditujukan kepada imam besar Masjid Negeri Pulau Pinang, imam utama Masjid Daerah dan semua pengerusi kariah masjid seluruh negeri Pulau Pinang.

Salinan surat yang ditandatangani Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang merangkap Setiausaha Majlis Agama Islam Pulau Pinang Datuk Sazali Hussein itu turut dihantar kepada mufti dan semua pegawai tadbir agama daerah.

Saranan melaungkan azan Subuh dua kali itu dibuat atas syor Jabatan Mufti Pulau Pinang bertarikh 23 Jun 2017. Jabatan Mufti Pulau Pinang melalui mesyuarat jawatankuasa fatwa negeri pada 18 dan 19 April lalu telah bersetuju mengesyorkan agar masjid dan surau di Pulau Pinang melaungkan dua kali azan bagi waktu Subuh.

Azan pertama dilaungkan sekitar 30 minit sebelum masuk waktu Subuh (fajar) manakala azan kedua pula dilaungkan setelah masuk waktu Subuh.

Bagi melicinkan pelaksanaan azan dua kali ini, jawatankuasa kariah masjid dan surau diminta terlebih dahulu memaklumkan kepada ahli-ahli kariah melalui kaedah yang sesuai agar azan dua kali itu tidak menimbulkan kekeliruan.

Surat syor Jabatan Mufti negeri dan sandaran dalil mengenai azan Subuh dua kali itu turut diberikan kepada imam dan pengerusi kariah berkenaan.

Urus niaga carbon kredit syarikat Climate Protectors meragukan

Belum masuk hutan untung sudah berjuta?

Oleh **ZIKRI ABDULLAH**

KOTA BHARU: Sumber kewangan berjumlah RM5 juta yang akan dibayar syarikat Climate Protectors kepada Kerajaan Negeri Kelantan menjelang Januari depan dipersoalkan kerana sehingga kini tiada sebarang aktiviti berkaitan karbon kredit dijalankan syarikat tersebut.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Salor Datuk Husam Musa berkata, Menteri Besar Datuk Ahmad Yakob sendiri mengaku Climate Protectors belum berbuat apa-apa.

"Pengarah Hutan pula beritahu surat permohonan memasuki hutan pun belum diterima," katanya dalam satu kenyataan.

Bagaimanapun tambah Husam, sebuah syarikat dikenali sebagai EcoBit telah pun menyandarkan aktiviti penjualan wang mayanya kepada kelulusan sejuta ekar tanah hutan oleh kerajaan negeri dan telah pun mengutip jutaan ringgit daripada orang ramai.

"Perjanjian ditanda tangani Januari tahun ini. Bermakna sudah enam bulan berlalu, Climate Protectors belum berbuat apa-apa.

"Tinggal lima hingga enam bulan sahaja lagi untuk Climate Protectors membuat pembayaran pertama kapada kerajaan negeri seperti perjanjian, iaitu pembayaran dibuat sekali setahun di bulan Januari setiap tahun bermula Januari 2018," katanya sambil mengingatkan bahawa November dan Disember adalah musim tengkujuh di Kelantan.

Menurutnya, Climate Protectors kini mempunyai masa empat bulan untuk memasuki hutan bagi menyukat jumlah keupayaan serapan karbon serta memeriksa hutan dan menyiapkan laporan.

Tugas ini, tambah beliau belum mengambil kira jadual untuk memasarkan karbon di pasaran antarabangsa termasuk di Climate Exchange Chicago yang disebut anggota Exco Kerajaan Negeri Datuk Anuar Tan, sedangkan bursa itu telah ditutup agak lama.

Maklumat berhubung pemasaran karbon itu boleh dilayari di http://money.cnn.com/2010/11/17/news/economy/climate_exc-hange/index.html

"Agak lucu Exco yang lain boleh menelan semua info betul atau tidak dengan begitu saja. Mereka sudah keletihan mentadbir Kelantan atau terlalu sibuk dengan urusan-urusan.

Majlis memeterai memorandum perjanjian (MOA) antara kerajaan negeri dengan Climate Protectors Sdn. Bhd.

"Apa yang disibukkan oleh Climate Protectors dalam enam bulan sebelum ini," soalnya.

Penasihat AMANAH Kelantan itu juga mengimbas kembali kenyataan Datuk Anuar Tan yang memalumkan Dun Kelantan bahawa kelulusan dasar untuk projek ini sudah dimulakan sejak 2014.

"Tentulah Climate Protectors mempunyai cukup masa untuk membuat persediaan sejak lama sebelum perjanjian ditandatangani lagi. Kenapa belum sempat memeriksa hutan.

"Kalau hutan tidak diperiksa, bagaimana pembayaran hendak dibuat dari penjualan serapan karbon atas hutan ini?

"Atau Climate Protectors atau CEO (ketua pegawai eksekutif) Climate Protectors atau pengurusannya mempunyai niat membuat pembayaran itu dari sumber lain," soal beliau yang juga Naib Presiden AMANAH.

Skandal carbon credit dedah kelemahan kerajaan negeri

KUALA LUMPUR: Pakatan Harapan (Harapan) mampu menawan Kelantan dalam pilihanraya umum akan datang ekoran pelbagai isu membabitkan kerajaan negeri termasuk projek carbon credit, kata Pengerusi Perhubungan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Negeri Kelantan Datuk Kamarudin Md Nor.

"Kita (Harapan) boleh ambil alih kerajaan negeri. Ini kerana beberapa isu yang ada sekarang ini dan terkini berkaitan carbon credit menunjukkan pimpinan Pas yang memerintah di Kelantan tidak tahu apa benda.

"Bagi kerajaan negeri yang penting mereka tengok pitih (duit) saja... pitih datang dari mana tak tahu lagi.

"Mereka fikir boleh guna hutan di Kelantan untuk dijadikan bahan dapatkan projek carbon credit di bawah PBB (Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu) tetapi syarikat yang terlibat menguruskan projek itu pula masih di bawah pengawasan BNM (Bank Negara Malaysia)," ujarnya ketika dihubungi.

Kamarudin yang juga Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi PPBM mendakwa, kerajaan negeri hanya memikirkan soal keuntungan semata-mata dengan menyerahkan projek tersebut kepada sebuah syarikat swasta.

"Persoalannya mengapa bagi tender kepada sebuah syarikat swasta? Sepatutnya kerajaan negeri Kelantan yang uruskan projek tersebut.

"Sebaliknya syarikat itu pula mengutip dana daripada orang ramai, itu sudah menyeleweng daripada tujuan asal.

"Apa yang rakyat memahami dalam isu ini adalah kejahilan kerajaan negeri, dan ini memberikan isyarat kepada pengundi terhadap kerajaan negeri yang dilihat gagal mengurus secara profesional dan berhemah," ujarnya.

Beliau mengulas mengenai pendedahan yang dibuat Penasihat AMANAH Kelantan Datuk Husam Musa yang mendakwa syarikat Climate Protector Sdn Bhd yang diberikan konsesi 30 tahun untuk meningkatkan stok karbon di hutan hujan seluas 1 juta ekar.

Syarikat berkenaan turut mengutip wang daripada orang ramai bagi tujuan pelaburan tanpa kebenaran Bank Negara Malaysia (BNM) melalui penjualan token digital dengan jumlah terkumpul RM17 juta.

Wakil agensi Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) menafikan pernah mengiktiraf syarikat tersebut untuk menjalankan program pemeliharaan alam sekitar di bawah Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim (UNFCC) mahupun Program Kerjasama Mengurangkan Pelepasan dari Pembasmian dan Degradasi Hutan di negara membangun (UN-REDD).

Bagaimanapun Pengerusi Jawantankuasa Pertanian, Bio Teknologi dan Teknologi Hijau negeri, Datuk Abdullah Che Mat Nawi dipetik sebagai berkata, kerajaan negeri tidak sewenang-wenang membatalkan perjanjian dengan Climate Protector kecuali terdapat masalah yang memerlukan projek itu dihentikan segera.

Beliau memaklumkan telah membuat pertemuan dengan syarikat berkenaan dan meminta penjelasan berhubung pelbagai tuduhan termasuk telah disenaraihitamkan oleh BNM dan juga isu penjualan token digital.

Pejabat Climate Protectors tidak wujud

KOTA BHARU: Muak dengan sikap kerajaan negeri yang masih mempertahankan projek perdagangan karbon dengan sebuah syarikat yang diragui, Naib Presiden AMANAH Datuk Husam Musa mempelawa Ahli Exco Kerajaan Negeri Kelantan Datuk Anuar Tan untuk melawat premis pejabat syarikat berkenaan yang sebenarnya tidak wujud.

Mesej pesanan ringkas (SMS) itu dihantar Husam kepada Anuar 12 Julai lalu mempelawa beliau melawat pejabat syarikat Climate Protectors (CP) yang dikatakan beroperasi di Pasar Berek 12, Kota Bharu.

"Ucapan penggulungan Datuk semalam menyebut dengan penuh yakin bahawa pejabat Climate Protectors adalah di PT327 Tingkat 1, Bangunan MPKB, Pasar Berek 12, Kota Bharu.

"Kami berkesempatan melawat alamat yang dinyatakan oleh Dato tengah hari ini (12 Julai). Kami tidak menemui pejabat yang dinyatakan.

"Alamat itu menempatkan pejabat Setiausaha Syarikat laitu Erra Management & Secretarial Services," mesej Husam kepada Anuar dipetik.

Husam menambah, pihaknya telah mendapatkan penjelasan pengurusan Erra Management dan mereka mengesahkan pejabat CP tidak wujud di situ.

Husam kesal kerana Anuar gagal memastikan maklumat yang disampaikan dalam sidang Dun Kelantan adalah benar dan ini boleh membawa kesan berbohong di dalam Dun.

Malah menurutnya, dua premis pejabat CP di B5, Plaza Mt Kiara seperti dinyatakan dalam lawan sesawang syarikat dan No 5-2, Jalan Wangsa Delima 10, Wangsa Link, KL seperti termaktub dalam dokumen perjanjian dengan kerajaan negeri juga tidak wujud.

"Sebuah syarikat bertaraf antara bangsa di bawah mekanisma UN (PBB), tidak mempunyai pejabat tetapi mendakwa mempunyai pejabat? Menghairankan.

"Saya bayangkan, untuk menguruskan sejuta ekar hutan simpan bagi perdagangan karbon yang bernilai berbilion ringgit seperti dakwaan YB, pejabat nya penuh dengan kaki tangan dan pakar, peralatan canggih serta sibuk dengan pelbagai acara pengurusan.

"Paling tidak, seorang staf untuk melayan pertanyaan," ujar Husam lagi.

Sehubungan itu, beliau mempersoalkan sama ada kerajaan negeri telah diperdaya oleh syarikat berkenaan dan kesal kerana pemimpin kerajaan negeri masih percaya kepada pembohongan dan 'menyambung pembohongan' itu.

"Integriti YB boleh tercemar. Bukankah ini boleh dijadikan petanda stok integriti CP bercampur karbon dioksida yg tinggi?

"Menghairankan 'ore cerdik supo ambo' yg disebut oleh YB ditujukan kepada YB sendiri semasa berucap semalam (11 Julai), berani meluluskan sejuta ekar hutan untuk diurus oleh sebuah syarikat yang tidak berpejabat.

"Tetapi berbohong adalah satu keberanian yang lebih menghairankan," tegas Husam.

Ahli politik baharu

PERGOLAKAN politik negara ini semakin gawat. Berbagai isu dan permasalahan yang berlegar menjadi krisis-krisis yang tidak dapat ditangani secara tuntas menghantui rakyat seluruhnya.

Betapa jeleknya perjalanan politik di negara ini jelas dapat dilihat ketika ada seorang pemimpin dijatuhkan secara kejam dengan mengaibkan maruahnya. Ketika pemimpin tersebut diaibkan, sejumlah tokoh-tokoh politik yang lain dengan ketaatan membabi buta terus menyokong pemimpin utama.

Nampaknya budaya feudal dan kepentingan diri di kalangan orang-orang Melayu sama ada golongan terpelajar atau tidak begitu mengakar. Dasar atau falsafah "Raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah" dalam sejarah orang-orang Melayu hanya berlaku pada Hang Jebat dan Laksamana Megat Sri Rama sahaja. Lebih aneh lagi bila kita lihat di kalangan mereka yang berpendidikan agama pun bersekongkol dengan pengaiban ini semata-mata kerana tidak mahu berkonflik dengan pihak berkuasa dan menjaga periuk nasi mereka.

Hari ini kita dapat melihat dengan jelas betapa masih ramai pemimpin Melayu Muslim yang sanggup memejamkan mata berdepan dengan berbagai kecurangan dan pengkhianatan salah laku para pemimpin atasan yang merampas dan menjarah, merompak kekayaan negara untuk kepentingan diri menggunakan dana berlaksa-laksa membeli sokongan dan hidup mewah berfoya-foya. Para alim ulama ikut mempertahankan pemimpin kleptokrat kononnya untuk mempertahankan ketuanan Melayu dan kedaulatan Islam.

Oleh itu tidak hairanlah kenapa ahli-ahli politik khususnya yang berada di tampuk kuasa bebas beraksi ranggi bergaya kerana keadaan dan suasana sentiasa memihak mereka. Orang-orang politik masa kini tidak meletakkan nilai integriti diri. Mereka tepat seperti yang digambarkan oleh penyair besar WS Rendra dalam puisinya yang saya perturunkan berikut:

Politisi itu adalah
Para politisi berpakaian rapi.
Mereka turun dari mobil
langsung senyum
atau melambai tangan.
Di muka kamera televisyen
mereka mengatakan
bahawa pada umumnya keadaan baik.
kecuali adanya unsur-unsur gelap
yang direkayasa oleh lawan mereka.
Dan mereka juga mengatakan
bahawa mereka memimpin bangsa
ke arah persatuan dan kemajuan.

"Kuman di seberang lautan tampak.
Gajah di pelupuk mata tak tampak."
Itu kata rakyat jelata.
Tapi para politisi berkata:
"Kuman di seberang lautan harus tampak,
sebab kita harus selalu waspada.
"Gajah di pelupuk mata ditembak saja,
sebab ia mengganggu pandangan."

Ada orang memakai topi.
Ada orang memakai peci.
Ada yang memakai dasi.
Ada pula yang berbedak dan bergincu.
Kalau sedang berkaca
menikmati diri sendiri
para politisi suka memakai semuanya itu.
Semua politisi mencintai rakyat.
Di hari libur mereka pergi ke Amerika
dan mereka berkata
bahawa mereka adalah penyambung lidah rakyat.
Kadang-kadang mereka anti demokrasi.
Kadang-kadang mereka menggerakkan demonstrasi.
Dan kalau ada demonstran yang mati ditembak,
mereka berkata: itulah pengorbanan
yang lumrah terjadi di setiap perjuangan.
lalu ia mengirim karangan bunga
dan mengucapkan pernyataan dukacita.

Para politisi suka hari cerah,
suka khalayak ramai,
dan bendera-bendera.
Lalu mereka akan berkata:
"Kaum oposisi harus bersatu
menggalang kekuatan demi perjuangan.
Dan sayalah yang akan memimpin kalian."

Ada orang suka nasi.
Ada orang suka roti.
Tapi politisi akan makan apa saja
Tapi politisi akan makan apa saja
asal sambil makan ia duduk di singgahsana.
Memang tanpa mereka
tak akan ada negara
Jadi terpaksa ada Hitler,
Netanyahu, Amangkurat II,
Stalin, Marcos, dan sebagainya.
Yah, kalau melihat Indonesia dewasa ini,
para mahasiswa dibunuh mati,
dan lalu
politisi hanya tahu kekuasaan tanpa diplomasi,
sedang masa tanpa daulat peribadi,
maka politik menjadi martabak atau lumpia.

Lalu ada politisi berkata kepada saya:
"Mas Willy, sajakmu seperti prosa.
Tidak mengandung harapan,
tidak mengandung misteri.
Cubalah mengarang tentang pemandangan alam
dan misteri embun di atas kelopak melati."
Sampai di sini
puisi ini saya sudahi.

Cipayung Jaya
6 November 1998

Tuntutan untuk menyempurnakan kehadiran politik baru dalam negara ini untuk memungkinkan sebuah masyarakat dan negara sejahtera memerlukan adanya ahli-ahli politik amanah, di mana sifat amanah itu dijadikan nilai teras integriti ahli-ahli politik negara.

Faisal Ahmad Shah dan Hanafi Hamdani lewat bukunya Konsep Integriti Menurut Hadis Nabi menyebut:

Amanah dalam bahasa Arab membawa makna aman, tenteram dan selamat yang merangkumi ketaatan, ibadah, perjanjian, kepimpinan, perniagaan keimanan dan lain-lainnya (menurut Ibnu Manzur, Lisanul Arab). Amanah merupakan tanggung jawab amat besar yang diterima oleh seseorang yang memberikan kepercayaan sepenuhnya untuk dilaksanakan sebagai mana yang dituntut tanpa mengabaikannya. Melaksanakan amanah ertinya aman dan tenteramlah individu yang diberikan kepercayaan itu daripada ketidakpercayaan, dengan kata lain terselamatlah sesebuah organisasi daripada unsur khianat mengkhianati, rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan, pecah amanah dan penipuan.

Sesungguhnya kehadiran gagasan politik baru popular Pakatan Harapan dipersada politik negara hari ini amat memberangsangkan kerana inilah peluang sekiranya semua pihak serius untuk mewujudkan ahli politik baru. Pemilihan kata "HARAPAN" bukan suatu kebetulan justeru 'hope' atau harapan adalah jawapan kepada kemelut kemanusiaan masa kini.

Dunia yang sedang menghadapi berbagai krisis kemanusiaan memerlukan 'harapan'. Pemikir besar dari Brazil, Paulo Freire menulis dalam bukunya''Pedagogy of Hope: Reliving Pedagogy of the Oppressed' 1992 edisi Inggeris 1994, menyatakan bahawa harapan itu adalah suatu keperluan ontologi (ontological need) yakni falsafah hidup fitrah kemanusiaan.

Hope is an ontological need. Hopelessness is but hope that has lose its bearings, and become a distortion of that ontologinal need. When it becomes a program, hopelessness paralyzes immobilizes us. We succumb fatalism and then it becomes impossible to master the strength we absolutely need for a fierce struggle that will re-create the world.

Oleh itu pemilihan konsep dan falsafah harapan sebagai lambang dan simbol perjuangan rakyat Malaysia menuju kemenangan abadi adalah tepat sekali. Bagi mereka yang tidak memahami atau jahil tentang falsafah perjuangan politik masa kini tentulah melihat kata ini dengan sinis sekali.

Demi menjadikan harapan sebuah kenyataan, berjuang untuk menyelamatkan kelumpuhan rakyat para pemimpin gerakan ini mengenepikan sentimen dan emosi dan mengedepankan matlamat dan keputusan akhir.

Semoga Allah meredhai gerakan ini maaf dan memaafkan berpadu tenaga dan bekerja dengan penuh iltizam, bakal melihat kewujudan ahli politik baru di negara ini.

Penulis ialah Setiausaha Agung Parti Amanah Negara.

Evolusi Pakatan Harapan demi negara

PAKATAN Harapan (PH) terbentuk pada 22 Sept 2015 untuk 'menghidupkan semula' Pakatan Rakyat (PR) yang berkubur pada tahun 2014. Perkataan Harapan adalah lambang semangat tidak pernah pudar agar rakyat dijamin bahawa kami komited kepada meneruskan aspirasi perubahan walau dalam saat diuji dengan leburnya PR.

Lahirnya AMANAH pada 16 September 2015 beberapa hari sebelumnya adalah langkah berisiko beberapa tokoh dengan slogan Harapan Baru. Hasrat AMANAH adalah untuk melihat kepercayaan rakyat dikembalikan dan direalisasikan dan Alhamdulillah ia merangsangkan kelahiran PH dengan menggunakan perkataan Harapan. Usaha tersebut berbaloi dan amat bermakna.

Politik tanah air terus bergolak dengan skandal 1MDB teratas dan kepimpinan PM Datuk Seri Najib Razak dipalit berbagai dakwaan salahguna kuasa sehingga terhakis kepercayaan rakyat pada BN. Umno/BN terus tegar dengan sikap membisu malah undang-undang dibentuk untuk menekan pengkritik atas nama keselamatan negara, hasutan dan lain-lain.

Muncul dalam kemelut ini gerakan Selamatkan Malaysia tahun 2016 oleh Tun Mahathir Mohamad yang kini bercakap senada dengan perjuangan PH selama ini. Lahir kemudian PPBM atau Bersatu yang dilancarkan pada awal tahun 2017 dan seterusnya satu usaha penggabungan diadakan bermula dengan PH+ Bersatu yang kemudiannya Bersatu bersetuju untuk menjadi komponen PH.

Usai PH menerima rakan baru, usaha mendaftarkan PH digiatkan dengan keperluan membina sturktur kepimpinan, membentuk satu logo dan perundingan kerusi. Keputusan untuk mencapai konsensus pada usaha itu menjadi teras utama melahirkan PH.

Kesedaran bahawa kini ada dua elemen kekuatan dalam gabungan PH iaitu kekuatan Tun Mahathir dan Datuk Seri Anwar Ibrahim (DSAI) perlu dijadikan gelombang dan ia menjadi perkiraan utama dalam menyelesaikan struktur, logo dan pembahagian kerusi.

Walaupun ada pihak yang skeptikal namun semangat Harapan telah mengenepikan kepentingan parti masing-masing untuk mencapai keputusan yang dinantikan. Beberapa pertemuan gagal mencapai kata sepakat sehinggalah mesyuarat terakhir pada 13 Julai 2017, satu persetujuan dimeterai oleh pimpinan empat parti di Ibu Pejabat Keadilan di Selangor.

Kini struktur yang jelas menggabungkan kedua elemen penting gelombang perubahan termetrai di mana DSAI sebagai Penasihat Umum, Tun Mahathir sebagai Pengerusi, Datuk Seri Wan Azizah Ismail sebagai Presiden manakala 4 Timbalan Presiden terdiri daripada ketua parti komponen diikuti dengan Naib Presiden dari timbalan ketua keempat-empat parti.

Persetujuan bersejarah pada 13 Julai 2017 adalah satu permuafakatan politik terbaik parti-parti pembangkang. Ia permuafakatan politik baharu bagi membina semula negara dalam perjuangan reformasi yang kini berwajah baru, bersemangat baru.

Tiada siapa terfikir gabungan Tun Mahathir dan DSAI kini menjadi kenyataan walaupun pada tahun 1998 DSAI dipecat atas tuduhan politik di bawah kepimpinan Tun Mahathir ketika itu.

Bersama generasi reformasi dan pemimpin yang telah terbukti kesetiaan dan amanah mereka pada rakyat, gabungan baru PH akan mendapat kepercayaan rakyat menggantikan politik rasuah dan kleptokrat BN kepada politik prinsip dan beramanah.

Ayuh bersama melakar sejarah perubahan, bersama Harapan, negara kita julangkan!

Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa ialah anggota Majlis Presiden PH, Naib Presiden AMANAH dan Ahli Parlimen Malaysia.

Johor: From Umno stronghold to battleground for survival

OVER, the last weekend, Johor became visibly the most important political battleground between Pakatan Harapan and Barisan Nasional, thanks to many interesting events that occurred in the state.

On Pakatan Harapan's side, Tun Dr Mahathir Mohamad delivered his first speech as Pakatan Harapan's newly appointed Chairman, a fact that he noted at the start of his speech in Kota Tinggi on Saturday.

The event in the Umno stronghold was organised by NGO ANAK and attended by a multi-ethnic crowd of three thousand – a huge crowd for a small town that most consider to be one of the safest Umno seats.

Parti Amanah Negara President Mat Sabu, Parti KeADILan Rakyat Secretary-General Datuk Saifuddin Nasution and I (representing DAP Parliamentary Leader Lim Kit Siang) attended as well.

The day before, on Friday (July 14), AMANAH held its well-attended state-wide Raya open house in Batu Pahat while Parti Pribumi Bersatu Malaysia President Tan Sri Muhyiddin Yassin had his Pagoh constituency open house on Saturday.

PKR's Hari Raya events in Ledang and Pasir Gudang on Sunday were attended by its Deputy President Datuk Seri Azmin Ali. DAP National Publicity Secretary Tony Pua also toured the state during the weekend to discuss the 1MDB scandal with ordinary Johoreans.

In Kota Tinggi, I noted in my speech that Dr Mahathir and PH leaders 'attacked' one of the strongest of Umno strongholds while Prime Minister Datuk Seri Najib Razak was in Johor to defend the other Umno safe seat of Sembrong – a telltale sign of our times.

Umno's vote share in Kota Tinggi and Sembrong was 82.4% and 63.7%. Kota Tinggi has 86% Malay, 11% Chinese and 2% Indian voters.

Sembrong has 58% Malay, 31% Chinese and 9% Indian voters.

I made the comparison of Kota Tinggi and Sembrong in jest but had a shock when I read the news report of Najib's event later that night – that defending Sembrong was indeed very much in the psyche of Najib and Umno top guns. Najib declared, "We come here today to ensure that the Sembrong will remain firmly in the hands of BN".

Something is very wrong if Sembrong needed national reinforcement and such high-level intervention by the Prime Minister so late into this election cycle. It just means that Umno top guns, particularly Defence Minister and prospective Prime Minister candidate Datuk Seri Hishammuddin Hussein, has received intelligence that most seats in Johor, Sembrong included, are vulnerable and can fall into the hands of Pakatan Harapan.

Najib announced three projects at the event – the construction of 1,000 units of public housing in two phases, 500 homes for second generationFelda settlers and the upgrading of the Taman Sri Lambak police kiosk into a full-fledged police station.

Malaysiakini reported Najib saying he would "pay the bills" for the people of Sembrong, but requested that they also repay him.

"Today, coming here should have been free, there shouldn't be a need to pay anything.

"But looks like Hishammuddin had sent me the bill even before I arrived here... I was cornered," he said in jest.

"So, with three projects, I have paid the bill for this meeting with the people of Sembrong. I have fulfilled your wishes, now you'll need to fulfil mine," he said.

Never mind that it was a government event funded by the public purse and not supposed to be used for partisan election campaigns. What it shows is Najib's lack of understanding of the changing landscape of public opinion, especially among Malay voters

Najib still thinks that "You help me, I help you" project-funding promises will deliver the votes when voters want a clean government, better jobs and pay, as well as lower cost of living.

Also, if the third in rank in the Cabinet, as Hishamuddin is, has to beg for projects for his own constituency in such a public manner months before Parliament is dissolved, it just shows that the government is dysfunctional.

The seat of Sembrong was created by the Election Commission in the 1993 re-delineation exercise and was very much "designed" for Hishammuddin who has held the seat since 1995. If Sembrong is in danger of falling, everywhere else is.

I spoke in Kota Tinggi that a change of government at the federal level would happen if Pakatan Harapan manages to win 10 seats each from Johor, Kedah and Sabah.

Both Sembrong and Kota Tinggi were not in my list of 10 seats that Pakatan Harapan deemed to have a fighting chance to win.

However, gauging from the positive response in Kota Tinggi, and the panicky psyche of Najib and his associates as revealed at the Sembrong event, Johor is probably the most important national battleground in the upcoming general election. - FMT

Liew Chin Tong is MP for Kluang and DAP Johor Chairman.

The winning combination that is Pakatan Harapan

ONE of the joys of forming Pakatan Harapan (PH) is the brotherhood, indeed a strong esprit de corps, formed amongst Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Parti Keadilan Rakyat (Keadilan), Parti Amanah Negara (AMANAH) and the Democratic Action Party (DAP).

Mohamad Sabu, for example, used to share the same jail cell with Lim Guan Eng, when both were arrested under Operation Lalang in 1988.

When they meet Dr Mahathir, the then prime minister and home affairs minister, who signed the order to have them imprisoned under the advice of the then Inspector-General of Police Tun Haniff Omar, there was much smiles and laughter all around.

The jail term, though hard, made them better humanists. In turn, Mahathir Mohamad knew that had he taken the effort to know the duo better, and probably Anwar Ibrahim too, none of the trio would have been put in jail.

Mahathir's empathy is also another reason to rejoice. Instead of urging his son Mukhriz Mahathir to be competitive, he encouraged him and Tan Sri Muhyiddin Yassin to close ranks with all of them.

Lim Kit Siang, too, did not seek any apology or compensation. Despite the hardship he went through as a political prisoner, he retained his dignity and honour to encourage his underlings like Liew Ching Tong and Tony Pua to respect elders like Tun Dr Mahathir and Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Dr Wan Azizah and Nurul Izzah deserve to be respected too. Despite the pain of being separated from her husband and father, respectively, they are seizing the opportunity to "Save Malaysia". A commendable and noteworthy effort indeed.

When you look at what these politicians wear, they range from plastic Casio watches to simple white shirts, Kebaya and hijab. Nothing opulent.

None of the members in PH have ever been indicted on corruption-related charges. None. In contrast, the international jurisdictions in six countries have taken to imprisoning all the bankers connected to 1MDB, which by now must mean, "Sapu Malaysia".

More importantly, the importance of Islam has never challenged by DAP. Ching Tong's own Bachelors thesis from the Australian National University was on the progressives in Pas who have since formed AMANAH.

Raja Bahrin of Pas is also a royalty in his own right, but carries no air of arrogance. As an architect, one of the best in Islamic architecture, he has made the good choice to understand how some Malaysian architecture has gone overboard in becoming Arabized.

Khalid Samad, the MP of Shah Alam, may be a strong and garrulous speaker, and at times abrasive. But he listens as well at any policy meeting. The same goes for the effable Azmin Ali, who brings breadth and balance to the table.

The key decision makers in DAP – often seen as the bogeyman of the Malay – are always for pro justice, transparency and accountability, all of which are powerful values in Islam.

Mahathir knows he has a winning combination. And, if all sides can confine Barisan Nasional to a straight fight, the leadership of Najib Razak will be seriously and severely damaged.

The key, however, is to build a winning combination that can reform Malaysia for the benefit of the next generation and beyond.

Rais Hussin is a Supreme Council Member and head of the Policy and Strategy Bureau of PPBM.

Siapa ketua Pakatan Harapan?

SEBAIK sahaja diumumkan struktur kepimpinan Pakatan Harapan, maka ianya terus diserang oleh media Umno/BN. Kenyataan bahawa wujudnya jawatan Ketua Umum, Pengerusi dan Presiden ingin dijadikan polemik dengan ditanya, "siapa sebenarnya ketua Pakatan Harapan?"

Ada juga yang memberi teguran, "sebuah kapal yang mempunyai tiga nakhoda akan pasti karam!" Komen dan teguran yang sebegini sebenarnya hanya mendedahkan betapa mereka terlalu biasa dengan budaya politik 'dengar dan patuh' di mana hala-tuju dan dasar ditentukan oleh hanya seorang.

KETUA PAKATAN HARAPAN

Badan tertinggi dalam Pakatan Harapan adalah Majlis Presidennya. Segala dasar dan keputusan yang dibuat adalah diputuskan di sini. Ianya terdiri daripada pimpinan tertinggi setiap parti anggota. Mereka mewakili parti masing-masing. Mesyuarat Majlis Presiden adalah medan perbahasan dan penghujahan demi menentukan setiap keputusan yang dibuat adalah yang terbaik mungkin. Keputusan terbaik adalah hasil perbahasan yang mendalam dan terperinci, bukan kepatuhan yang membabi buta atas sebab taksub atau takut kepada kemurkaan pemimpin!

Memang benar adanya Ketua Umum dan adanya Pengerusi. Begitu juga adanya Pengerusi dan adanya juga Presiden. Jawatan-jawatan bukan menandakan kecelaruan dalam kepimpinan tetapi sebaliknya menzahirkan kejelasan matlamat dalam menentukan struktur organisasi PH. Jawatan-jawatan ini bertujuan untuk menonjolkan peribadi-peribadi penting yang memainkan peranan utama mengemudikan perjuangan PH.

Dengan ditonjolkan mereka sebagai yang berkedudukan utama dalam kepimpinan PH maka diharap sebahagian besar masyarakat akan bersama PH. Ini adalah kerana mereka mempunyai daya penarik yang tertentu, yang mampu melonjakkan sokongan terhadap PH ke tahap yang menjaminkan kemenangan. Namun demikian, walaupun kemampuan mereka itu diakui dan dihargai, bukan mereka sahaja yang menentukan arah tuju dan dasar-dasar PH.

Ini adalah kerana budaya politik PH selama ini adalah bersifat syura dan persetujuan bersama, ataupun 'konsensus', maka jawatan-jawatan tersebut, walaupun sangat penting, tidak dimandatkan untuk menentukan sesuatu secara bersendirian. Budaya politik autokratik dan teokratik bukan budaya politik yang ingin disuburkan PH. Itu kita serahkan pada pihak-pihak yang lain.

Itulah sebabnya persoalan struktur dan logo PH tidak ditentukan semudah itu. Sebaliknya terpaksa dibahas dan dihujahkan selama 4 jam pada Khamis malam Jumaat 13hb Julai yang lepas. Dari jam 8.30 malam sehingga 12.30 malam ianya dibahas sehingga akhirnya kata sepakat tercapai. Sedangkan sekiranya semua ditetapkan Ketua Umum, atau Pengerusi atau Presiden, sudah pasti ianya selesai jauh lebih awal!



Kuasa eksekutif sebenar Pakatan Harapan terletak pada Majlis Presiden yang menentukan segala keputusan dibuat secara konsensus.

Maka jawapan tepat kepada soalan, "siapa ketua PH?" adalah Majlis Presidennya! Adalah diharap semua, termasuk dari kalangan pemimpin PH akan memberikan jawapan ini sekiranya ditanya soalan yang sama. Setiap kali dan pada bila saja masanya mereka ditanya.

KAPAL DENGAN TIGA NAKHODA

Ada juga yang timbulkan persoalan tiga nakhoda. Hakikatnya, ianya bukan semestinya satu masalah. Kalau mereka boleh bekerjasama dan sering berbincang, pengalaman dan pegetahuan tiga nakhoda pasti lebih luas dan mendalam berbanding dengan satu. Diandaikan kononnya seorang akan ingin ke kanan dan seorang lagi ke kiri, maka akhirnya kapal tersebut karam. Namun, bagaimana pula sekiranya semua bersetuju ke kanan, atau ke kiri? Tidakkah dalam keadaan itu mereka mampu saling membantu untuk menentukan kapal tersebut tidak karam mahupun terdampar di perairan cetek.

Ianya sesuatu yang jelas bahawa dalam kes PH, tiga nakhoda ini ingin ke arah yang sama iaitu ke Putrajaya untuk menjatuhkan Umno/BN.

Sambil itu, kapal dengan seorang nakhoda pula tidak dijamin semestinya selamat. Lebih-lebih lagi apabila nakhodanya mabuk kuasa dan ingin merompak dan mencuri harta sehingga membawa kapal memasuki kawasan larangan yang merbahaya. Dengan itu maka kapal itu akan karam atau terdampar di kawasan air yang cetek atas sebab kemabukan si nakhoda.

Ya kita faham, ianya jauh lebih senang untuk keputusan dibuat oleh hanya seorang. Tetapi adakah keputusan seorang itu yang terbaik? Keadaan ekonomi dan politik negara dewasa ini jelas membuktikan bahawa keputusan oleh hanya seorang membawa negara ke arah kehancuran. Lebih-lebih lagi sekiranya seorang itu dikuasai oleh isterinya dan isteri itu pula 'bernafsu besar' terhadap kekayaan dan kemewahan. Habis harta negara akan dirompaknya dan diserahkan kepada isterinya sebagai hadiah. Kononya hadiah darinya tetapi pada hakikatnya dari perit jerih rakyat yang terpaksa menanggung cukai-cukai tambahan kerananya.

Atas sebab itulah PH tidak dikuasai seorang. Malahan tidak juga oleh tiga nakhoda. PH dikuasai Majlis Presidennya yang bertindak mengawal dan menguasai serta membantu tiga nakhoda tersebut supaya terus fokus terhadap usaha memenangi PRU ke-14. Dengan itu segala kebijaksanaan dan pengalaman ketiga-tiga nakhoda tersebut dimanfaatkan oleh Majlis Presiden ke arah menempah kemenangan.

KESIMPULAN

Sememangnya ada yang gentar dengan pencapaian PH minggu lepas. Struktur kepimpinan PH telah selesai diputuskan sepertimana juga logonya dan program 100 harinya. PH yang mengadunkan kekuatan 4 parti ini apabila dapat disatukan dengan berkesan akan pasti menyebabkan Umno/BN kecundang dalam PRU ke-14. Maka diusahakan supaya akan timbul berbagai persepsi. Namun gagal atas sebab hujah yang teramat lemah dan agak dangkal.

Langkah-langkah PH seterusnya mampu memusnahkan secara berkesan dan total, sokongan terhadap Umno/BN. Potensi kemenangan untuk PH jelas kelihatan. Malahan boleh dikatakan "kemenangan sudah dalam tangan". Yang perlu adalah untuk menentukan tangan menggenggamnya dengan kuat dan kemenangan tersebut tidak terlepas dari celah-celah jari. Hasil perbalahan. Atau tersilap kata-kata atau langkah.

Khalid Samad ialah Pengarah Komunikasi AMANAH Nasional.

Peguam Negara yang berani

YA, Peguam Negara tidak perlu takut kepada saya. Ia perlu takut kepada Allah SWT.

Tetapi yang jelas ia tidak takut kepada Allah. Jika benar tidak ada apa-apa kesalahan yang telah dilakukan oleh Najib, apa sebabnya laporan-laporan oleh Bank Negara, MACC (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) dan Auditor General (Ketua Audit Negara) disembunyi dari orang ramai?

Menyembunyi laporan dari orang ramai tentulah kerana kenyataan yang dibuat oleh (Tan Sri) Apandi (Ali) tidak benar. Ini bermakna Apandi berbohong dan Allah SWT tahu Apandi bohong. Tuhan tahu Apandi cuba lindungi (Datuk Seri) Najib (Razak) daripada dihadapkan ke mahkamah...

Ini adalah suatu penipuan dan pemecahan amanah oleh seorang Pendakwaraya. Perbuatan pecah amanah berdosa.

Tetapi Apandi tidak takut buat dosa; iaitu tidak takut Allah SWT. Pengakuan bahawa ianya hanya takut kepada Allah Ta'ala tidak benar. Ini juga berdosa.

Apandi membuat banyak dosa dalam kes ini; dosa kerana berbohong, dosa kerana melindungi... Najib, dosa kerana menyatakan hanya takut kepada Allah sedangkan perbuatan, kenyataan dan pembohongannya menunjuk yang ia tidak takut buat dosa, tidak takut Allah.

Tetapi Apandi boleh bersihkan dirinya dengan mengambil wuduk, menjunjung Al-Quran dan bersumpah dalam masjid bahawa tidak ada apa-apa dalam laporan-laporan yang diterima olehnya dari Bank Negara, MACC dan Auditor General yang menyatakan Najib bersalah berkenaan wang sebanyak RM2.6 bilion dalam akaun banknya datang dari 1MDB dan penyerahan balik RM2.3 bilion kepada seorang Arab Saudi adalah tidak benar.

Semasa bersumpah Apandi perlu disertai dengan beberapa imam masjid dan saksi lain supaya sumpahnya dan pengakuan niatnya tidak berbeza antara mulut yang menyebut dan hatinya.

Dan dianya mengaku bahawa akan berdosalah ia jika sumpah yang dilafaz itu adalah pembohongan kepada makhluk dan dia akan terima balasan di akhirat dalam api neraka. - Chedet.cc

EDISI 60 • 23 - 29 JULAI 2017 • Amanah

Pimpinan ke empat-empat parti mempamerkan plakad logo HARAPAN.

HARAPAN gempur Kota Tinggi, BN bertahan d Sembrong

TANGGAL 16 Julai lalu menyaksikan dua pakatan politik menganjurkan majlis masing-masing di selatan Johor.

Ceramah BN yang dihadiri Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN Datuk Seri Najib Razak berlangsung di Sembrong, Kluang manakala Pakatan Harapan yang menyaksikan kehadiran bekas Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad mengadakan ceramah di bandar Kota Tinggi.

Jarak antara keduanya hanyalah 40 km.

Menurut Naib Pengerusi AMANAH Johor, Suhaizan Kaiat, dua kumpulan parti politik ini berada dalam dua keadaan yang berbeza. BN dilihat mempertahankan kubunya di Sembrong manakala Pakatan Harapan masuk ke kubu Umno di Kota Tinggi.

"Kehadiran Presiden Umno di Sembrong adalah cerminan bahawa beliau hanya mampu berkampung di kubu kuat Umno sahaja.

"Berbeza dengan gerakan penerangan yang dilakukan oleh Pakatan Harapan di Johor yang telah mengadakan program di kubu kuat Umno dan mendapat sambutan hangat masyarakat tempatan," kata Suhaizan.

Mengulas lanjut, Suhaizan berkata, Umno dan BN mulai gentar dengan wujudnya gabungan besar parti pembangkang yang baru sahaja distrukturkan 13 Julai lalu.

Najib seperti biasa menaburkan pelbagai projek di Sembrong dan mahukan 'balasan' daripada penduduk Sembrong ekoran kemurahan hatinya, bagaimanapun kehadiran lebih 5,000 orang dalam ceramah Pakatan Harapan di Kota Tinggi membuktikan sambutan hangat warga Johor terhadap pakatan parti-parti pembangkang itu.

Ketika berucap, Tun Mahathir memohon maaf kepada hadiri kerana terlibat 'menaikkan' Najib sebagai perdana menteri.

"Saya silap... sepatutnya saya angkat Mat Sabu jadi PM," seloroh mantan perdana menteri itu ketika berucap pada Majlis Sambutan Hari Raya Pakatan Harapan di Dewan Chon Moi, Kota Tinggi.

Pengerusi PPBM itu juga meluahkan rasa kesal kerana tidak menyangka Najib yang juga anak kepada ikon negara, Tun Abdul Razak yang berjaya membangunkan kawasan luar bandar termasuklah menubuhkan Felda tidak mewarisi sifat ayahnya.

Tun Mahathir yang mengakui terlibat secara langsung dengan penubuhan Felda dapat melihat sendiri bagaimana para peneroka berusaha keras masuk ke dalam hutan menebang pokok hanya menggunakan parang untuk meneroka tanah.

"Apabila kita merdeka kita dapat tubuh kerajaan. Kerajaan beri sokongan dan bantuan kepada peneroka Felda. Tebas dan tanam pokok getah dan kelapa sawit sebab itu Felda mampu jadi ladang terbesar dalam dunia.

"Sepatutnya peneroka ini dapat keuntungan yang banyak tetapi malangnya ramai peneroka kini berhutang bukan sikit tetapi lebih RM100,000 seorang.

"Apa yang berlaku hari ini saham Felda Global Venture (FGV) dah jatuh harga. Kononnya orang Felda akan jadi jutawan sebaliknya hari ini peneroka tahu ia satu pembohongan," katanya.

Tambahnya, Pakatan Harapan mempunyai perancangan sendiri untuk menyelesaikan masalah dihadapi peneroka Felda.

"Tidak sepatutnya Felda rugi sebab dunia tahu Malaysia sebuah negara yang dapat keuntungan besar dari industri kelapa sawit. Entah macam mana peneroka alami kerugian dan berdepan hutang yang besar.

"Kami dalam Pakatan Harapan mempunyai perancangan untuk selesaikan masalah dihadapi peneroka-peneroka. Kita boleh selesaikan masalah ini kerana kita tahu duit

Menyambut hari kelahiran Tun Mahathir.

Merasmikan penubuhan PPBM Bahagian Tenggara.

dicuri itu ada dimana. Orang yang mencuri pun kita tahu,"katanya lagi.

Jelasnya, penubuhan Pakatan Harapan hasil gabungan empat parti itu bertujuan untuk memperbaiki segala masalah dilakukan kerajaan sekarang melalui kebolehan yang ada.

> ***"... Kami dalam Pakatan Harapan mempunyai perancangan untuk selesaikan masalah dihadapi peneroka-peneroka. Kita boleh selesaikan masalah ini kerana kita tahu duit dicuri itu ada dimana. Orang yang mencuri pun kita tahu.***

Hasrat untuk menghapuskan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) juga mampu dilakukan Pakatan Harapan kerana parti itu mempunyai pengalaman dalam pengurusan kewangan negara.

"Pakatan Harapan mengambil berat tentang keadaan negara. Yang kami minta sikit sahaja pangkah Pakatan Harapan. Selebihnya kami akan buat. Bila dapat tubuh kerajaan serta merta kami akan kembalikan kegemilangan negara. Dengan sedikit pangkah itu juga dunia akan kembali memandang tinggi kepada negara kita,"katanya.

TETAP BERTENAGA... Di usia 92 tahun, Tun Mahathir masih berkemampan berucap di khalayak ramai.

Orang ramai bertali arus berkunjung ke rumah terbuka Aidilfitri AMANAH Johor di Batu Pahat.

Hadir sama, Presiden AMANAH Mohamad Sabu, Setiausaha Agung Keadilan Datuk Saifuddin Nasution Ismail, Pengerusi DAP negeri Liew Chin Tong dan Presiden Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (Anak), Mazlan Aliman.

Dewan penuh sesak dengan orang ramai.

Para pengunjung daripada pelbagai bangsa menyerikan sambutan Aidilfitri AMANAH Johor.

10 Dr M - Anwar buat Umno panik
14 Ikrar kosong tidak bantu banteras rasuah
15 Segera lapor tuduhan murtad
23 Umno ulangi perangai gengster

PP18978/03/2016(034450)

Amanah

BIL 60 | 23 - 29 JULAI 2017

WAKTU SOLAT

BAGI ZON KUALA LUMPUR DAN KAWASAN-KAWASAN YANG SEWAKTU DENGANNYA.

SUMBER: JAKIM

TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
16.7.2017	5:38	5:48	7:10	13:22	16:46	19:30	20:45
17.7.2017	5:39	5:49	7:10	13:22	16:46	19:30	20:45
18.7.2017	5:39	5:49	7:10	13:22	16:46	19:30	20:45
19.7.2017	5:39	5:49	7:10	13:22	16:46	19:30	20:45
20.7.2017	5:39	5:49	7:10	13:22	16:46	19:30	20:45
21.7.2017	5:39	5:49	7:11	13:22	16:46	19:30	20:44
22.7.2017	5:40	5:50	7:11	13:22	16:46	19:30	20:44

Ekoran pendakwaan 2 rakyat Perancis kerana rasuah pembelian Scorpene

SIASAT NAJIB

EKORAN pendakwaan terhadap dua rakyat Perancis kerana rasuah dalam pembelian dua kapal selam, Pemuda AMANAH Nasional mendesak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang didakwa turut terlibat.

Timbalannya, Faiz Fadzil berkata, siasatan SPRM juga perlu melibatkan penganalisis politik yang rapat dengan Najib, Abdul Razak Baginda serta pegawai Angkatan Tentera Malaysia (ATM) berkaitan susulan tindakan Perancis mendakwa dua bekas eksekutif kanan di negara itu.

Agence France-Presse (AFP) Rabu 19 Julai lalu melaporkan mereka yang dijangka akan didakwa adalah bekas pengerusi syarikat DCNI, Phillippe Japiot dan bekas ketua pegawai eksekutif syarikat pertahanan gergasi Thales, Jean-Paul Perrier.

Menurut Faiz, siasatan berhubung kes itu penting bagi membersihkan nama baik negara memandangkan kes jenayah rasuah tersebut membabitkan dakwaan pembuat kapal selam Perancis itu membayar lebih USD114 juta (RM560 juta) sebagai komisen kepada sebuah syarikat kosong yang dikaitkan dengan Razak Baginda.

"Beliau (Najib) adalah Menteri Pertahanan ketika itu. Bayaran komisyen yang didakwa tersebut adalah wang rakyat yang sumbernya dipercayai daripada bayaran pembelian kapal selam itu.

"Hubungan rapat di antara Najib Razak dan Razak Baginda menjadi spekulasi umum kerana Razak Baginda dibebaskan daripada pertuduhan membunuh Altantuya Shaariibuu sedangkan dua orang anggota Unit Tindakan Khas (UTK) iaitu Sirul dan Azilah yang dituduh sebagai rakan sejenayah (accomplice) telah didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman mati," katanya.

FAIZ FADZIL

Himpunan mega 14 Oktober

PAKATAN Harapan akan menganjurkan himpunan besar-besaran pada 14 Oktober depan sebagai penutup kepada jelajah penerangan mengenai skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

"Kita buat jelajah mengenai 1MDB bermula di Penaga, Pulau Pinang, itu pra pelancaran dan malam ini pelancaran rasmi oleh Pakatan Harapan.

"Kita akan teruskan ke seluruh negara dan akan akhiri dengan himpunan besar-besaran pada 14 Oktober ini. Namun tempat kita akan tetapkan kemudian," kata Setiausaha Publisiti DAP Tony Pua yang mengetuai jelajah 1MDB.

Diterbitkan oleh Parti Amanah Negara, Unit No. 73-1, Tingkat 1, Jalan Seri Utara 1, Sri Utara, Off Jalan Ipoh, 68100 Kuala Lumpur. Tel: 03-6242 1511
• facebook – *hhttps://m.facebook.com/amanahnegara* • twitter – *https://twitter/PrtiAmanah* • website: *www.amanah.org.com* • Dicetak oleh NAJ Press Resources (M) Sdn Bhd Lot 19, Jalan Lada Hitam 16/12, Seksyen 16, Shah Alam.